

Bil. 6

**Isnin
25 April 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman</i>	(Halaman 19)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – Senator
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – Senator
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun
13. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan
14. “ Dato' Boon Som A/L Inong
15. “ Dato' Chai Kim Sen
16. “ Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)(LS)
17. “ Datin Paduka Chew Mei Fun – Senator
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. “ Datuk Chin Su Phin
20. “ Tuan Chong Sin Woon – Senator (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung
27. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
28. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)

32. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato’ Khairudin bin Samad
34. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
35. “ Dato’ Lee Chee Leong – Senator (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – Senator
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin
41. “ Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak – Senator
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai
48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin
49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim
51. “ Datuk Paul Low Seng Kuan – Senator
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
52. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad
53. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
54. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
55. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
56. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
57. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
58. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
59. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
60. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong
61. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
62. ” Datuk Yoo Wei How
63. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. “ Datuk Zali bin Mat Yasin

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 25 April 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.*

Yang Berhormat, pagi ini Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar ada iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri yang hadir, terima kasih. Senator-Senator kita. Pertama sekali kita bersyukur kerana dapat sambung minggu kedua persidangan kita hari ini. Hari ini juga saya dimaklumkan hari akhir kita punya Tuan Yang di-Pertua akan bersama-sama.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, secara terperinci, bagaimana pelaksanaan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) yang dijangkakan pada Mei 2016 dapat mengurangkan kemalangan serta kos keseluruhan yang terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam sehati sejiwa.*

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 buah lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh lapan bulan selepas pelaksanaannya.

Ini bermakna, sistem AES telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh kes kemalangan maut ataupun 36.84 peratus bagi tempoh lapan bulan. Kajian MIROS juga menunjukkan secara purata, kadar pematuhan had laju di enam buah lokasi kamera tetap AES 63 peratus. Sebelum pelaksanaan AES, dan kadar pematuhan laju telah meningkat kepada 91 peratus selepas pelaksanaan AES. Mengambil kira perkara-perkara tersebut, kerajaan akan terus melaksanakan dan memperluaskan pemasangan kamera AES yang telah diberi penjenamaan dari semasa ke semasa.

Sistem AES ini yang telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System* (AWAS) dilaksanakan serentak dengan penguatkuasaan sistem mata *demerit* bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya. Kerajaan amat memandag serius isu keselamatan jalan raya, dalam hal ini pelbagai program serta inisiatif akan terus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, segala kos berkaitan pembangunan dan operasi sistem serta infrastruktur AES dibiayai oleh syarikat penyedia perkhidmatan. Pihak syarikat akan menerima bayaran fi perkhidmatan daripada kerajaan di mana amannya sedang dalam proses rundingan mengambil kira pengambilalihan syarikat penyedia perkhidmatan AES oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan syarikat *subsidiary*nya. Terima kasih.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Menteri yang telah beri jawapan begitu jelas sekali. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah belanja yang akan dibelanjakan untuk pelaksanaan sistem ini? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi pihak kerajaan sedang dalam proses rundingan dengan pihak LTAT. Jadi proses rundingan ini diuruskan atau dibuat oleh Kementerian Kewangan. Jadi Kementerian Kewangan sehingga hari ini belum memaklumkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, antara sikap pemandu ialah suka memandu laju. Kajian dibuat oleh Universiti Sains Malaysia yang dibuat oleh Lim Aik Kuan, hubungan sikap pengguna dengan keterlibatan dalam kemalangan jalan raya, kajian kes di negeri Melaka menunjukkan bahawa laju itu satu fenomena yang menyebabkan banyak kemalangan yang berlaku di jalan raya. Terutama di lebuh raya, sifat untuk berlumba juga menjadi satu kajian yang dibuat dan ini menyebabkan juga kemalangan.

Apakah kementerian akan mengadakan kursus ataupun akan mengadakan satu program di mana pemandu-pemandu ini akan dilatih ataupun diberi pengetahuan berhubung dengan kelajuan mereka. Adakah sekatan-sekatan yang dibuat untuk menyekat mereka ini daripada melebihi had laju atau *enforcement* daripada kementerian sendiri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai sikap pengguna ini memang telah dimaklumkan kepada umum bahawa kemalangan yang berlaku di negara kita 80 peratus lebih kurang sebab kecuaiannya manusia dan juga sikap pengguna itu. Jadi pihak kerajaan telah mengadakan beberapa pendekatan advokasi melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) yang telah membuat pendekatan, *engagement* dengan pengguna jalan raya agar dapat mematuhi peraturan-peraturan jalan raya termasuklah peraturan had laju. Maka oleh sebab had laju ini menjadi salah satu punca yang tinggi, maka sebab itu salah satu pendekatan kawalan ialah menggunakan AES kamera yang akan membuat penguatkuasaan 24 jam.

Dengan adanya penguatkuasaan 24 jam ini kita mengharapkan agar pendekatan *perception of being caught* (POBC) dan ini kita mengharapkan agar semua pengguna jalan raya dapat mematuhi had laju. Jadi dengan pelaksanaan AWAS yang baru ini kita kerajaan mengharapkan kemalangan akan dapat diturunkan di negara Malaysia. Ini kerana kemalangan di negara Malaysia ini memang tinggi setahun setiap hari 18 kematian akibat daripada kemalangan. Ini cukup membimbangkan kerajaan kerana ini merupakan satu kerugian kepada modal insan negara kita dan juga kerugian daripada segi bentuk pelaburan yang kerajaan telah membangun modal insan dalam negara Malaysia. Terima kasih.

2. **Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan jumlah Institut Latihan Perindustrian yang masih beroperasi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yoo. Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dari 2011 hingga 2015, seramai 31,937 pelajar sepenuh masa telah dilatih di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Kementerian Sumber Manusia. Manakala bagi latihan jangka pendek iaitu *modular* dan *customised*, dengan izin, ILJTM telah berjaya melatih seramai 200,745 orang pekerja industri bagi meningkatkan kemahiran mereka. Pada masa ini, sehingga Mac 2016 seramai 23,298 orang pelajar sepenuh masa sedang berada di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia dan seramai 8,878 orang pekerja industri telah dilatih melalui latihan jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mempunyai 32 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia yang beroperasi di seluruh negeri yang terdiri daripada satu Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI); 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC); dan 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang terperinci. Kita dapat tahu bahawa daripada jumlah pelatih-pelatih yang tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa ini merupakan satu *workforce*, dengan izinnya, yang begitu memberangsangkan untuk masa depan negara. Namun saya mempunyai dua soalan tambahan, soalan tambahan pertama. Sejak kebelakangan ini terdapat khabar-khabar angin yang telah mengatakan bahawa disebabkan kekurangan bekalan pelatih-pelatih daripada pelbagai bidang dan telah menyebabkan terdapat kolej-kolej ILP ataupun ADTEC ataupun IKBN, kolej-kolej vokasional telah berhenti operasi disebabkan kekurangan bekalan pelatih-pelatih. Saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada kementerian adakah ini betul-betul berlaku.

Soalan kedua saya, kita tahu bahawa misi ILP adalah untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir tempatan agar negara kita dapat mengurangkan pergantungan tenaga kerja daripada negara asing. Maka saya juga ingin mengetahui bahawa adakah pelatih yang telah dilatih dan sedang berlatih itu di ILP ataupun di kolej-kolej vokasional di negara kita mampu mencapai matlamat tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk dan Dewan yang mulia, kita ada dua jenis pusat bertauliah di negara kita. Pertama kerajaan, kedua swasta. Pusat bertauliah awam kita ada 541 buah, swasta kita ada 648 buah. Dalam menyesuaikan matlamat kerajaan untuk mencapai tenaga kerja mahir pertamanya dalam tahun 2020 lebih kurang 35 peratus, pusat-pusat bertauliah yang saya sebutkan tadi memperkenalkan berbagai-bagai-bagai program di seluruh negara di setiap negeri. Di mana sejumlah 5,924 program, kalau saya hendak *detailkan* Yang Berhormat mungkin terlalu panjang, mungkin boleh kita dapatkan jawapan yang kemudian secara *detail*. Di mana kerajaan dalam pusat bertauliah kerajaan telah menyediakan 3,326 program dan swasta ialah 2,598 program.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sebutkan tadi di samping kerajaan, kita ada swasta. Bagi Kementerian Sumber Manusia lebih kepada pekerja swasta, di mana kita lebih melibatkan diri kepada melihat pekerja-pekerja dalam sektor swasta ini. Ada kementerian juga yang membuat latihan ini seperti Kementerian Belia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sebab itulah kita melihat usaha mesti kita cari supaya tidak berlaku pertindihan antara latihan-latihan yang dibuat oleh kementerian kita dengan kementerian-kementerian lain. Walaupun kita ada jawatankuasa khas bersama tetapi perlu diberi penjelasan sedikit mungkin kita perlu buat.

Saya hendak betulkan sebenarnya dalam konteks kementerian kita, kita ada 32 ILP tadi saya sebutkan termasuk satu JMTI dari Jepun ini tidak ada yang tidak beroperasi, semua beroperasi. Kapasitinya ada di sini Tuan Yang di-Pertua mungkin Yang Berhormat saya berikan kemudian kalau perlu. Kalau ikut bagi tahun 22 pengisian yang kita boleh isi dalam ILP ini Institut Latihan Perindustrian ini. 22,200 dan sehingga hari ini tahun 2016 ini kita telah isi 23,096 orang pelatih. Maknanya kita telah memenuhi kapasiti yang sepatutnya diisi. Jadi pada saya tidak ada lompang cuma mungkin di institusi-institusi lain yang awam ini saya belum tidak dapat pasti.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat mungkin kita boleh lihat balik semula supaya kita dapat selaraskan supaya tidak ada kekosongan, tidak ada kerugian yang sepatutnya kita boleh tampung. Ini kerana hari ni kadar pengangguran di negara kita lebih kurang 3.2 peratus atau 3.1 peratus atau 3.2 peratus maknanya lebih kurang 400,000 orang penganggur. Semua *percent* ini lebih kurang terdiri daripada golongan belia yang perlu kita lihat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1020

Soalan saya ialah apakah purata peratusan terhadap kejayaan pelatih-pelatih ILP mendapat pekerjaan mengikut latihan yang mereka peroleh dan mengikut perhitungan kementerian berapa peratusankah sumbangan ILP kepada pasaran tenaga kerja mahir dan separuh mahir? Adakah kementerian melaksanakan *exercise* berterusan terhadap pelatih-pelatih yang telah tamat latihan seperti yang telah dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi iaitu melalui *Tracer study*, dengan izin. Jika ada, apa hasil dapatannya dan jika tidak, mengapa.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam kementerian kita ini, kita ada meletakkan beberapa tahap pencapaian latihan ini, Tuan Yang di-Pertua. Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3, Tahap 4, Tahap 5. Tahap 1 mungkin asas. Saya kalau hendak *detail* kan, mungkin agak panjang, Tuan Yang di-Pertua. Kita pergi kepada Tahap 4 iaitu di peringkat Diploma Kemahiran Malaysia yang lebih sedikit ada profesionalnya dan yang tinggi sedikit daripada segi teknikalnya. Tahap 5 ialah Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

Daripada segi pemantauan, sebenarnya kita ada buat. Oleh sebab itulah hari ini, Tuan Yang di-Pertua selepas kita melatih anak-anak pelajar ini dalam bidang kemahiran, sekarang kita telah mewujudkan alumni pelatih-pelatih ini. Tujuan kita ialah kita hendak pastikan supaya selepas mereka ini dilatih, kita hendak tahu di mana mereka bekerja. Oleh sebab tahap-tahap ini perlu kita lihat. Jadi, sekarang ini, kita sudah turun ke bawah dan kita hendak tentukan supaya walaupun anak-anak kita ini mendapat latihan di peringkat Tahap 1 ataupun Tahap 2, jadi kita hendak tahu, *level* mana, di mana mereka bekerja dan apakah pendapatan yang mereka ada ataupun mereka hanya mengikut latihan, kemudian dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada Jawatankuasa Khas Kemahiran Malaysia. Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai kementerian, di mana kementerian kita sekarang ini termasuklah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Luar bandar, Kementerian Wanita dan sebagainya. Jawatankuasa ini tujuannya melihat kemajuan, pencapaian pelatih-pelatih yang telah pun kita latih ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelatih-pelatih yang kita buat, mengikut *survey* yang kita buat hari ini yang melalui ILP dan sebagainya, pencapaian ataupun peratus keboleherjaan, maknanya peratus mereka dapat diterima bekerja selepas ini nanti ialah pada tahap 90 peratus, *alhamdulillah*. Kita rasa ada kejayaan ini dan kita harap usaha-usaha ini akan kita pertingkatkan supaya apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi, matlamatnya untuk kita memenuhi keperluan negara maju ataupun 35 peratus pada tahun 2020 itu akan dapat ita capai dan diisi oleh pekerja tempatan dan pekerja mahir dan tidak lagi diisi oleh pekerja asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, langkah kerajaan bagi mengatasi isu tuntutan bertindih Kepulauan Spratly di Laut China Selatan mengikut undang-undang antarabangsa dan mengelakkan campur tangan kuasa besar seperti Amerika dan China bagi mengelakkan ketegangan dan konflik di zon berkenaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Engku Naimah bertarikh 25 April ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani bertarikh 26 April, kerana ia mempunyai kaitan perkara yang sama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, secara umumnya, Laut China Selatan ini mempunyai dua isu yang membabitkan dua elemen utama. Perkara pertama adalah yang membabitkan soal keamanan, keselamatan, kestabilan di Laut China Selatan yang berteraskan kepada dua perkara tunggak, iaitu *freedom of navigation*, dengan izin, kebebasan pelayaran dan juga *freedom of overflight*, kebebasan penerbangan atas ruang udara Laut China Selatan tersebut yang dilindungi di bawah *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) 1982*, dengan izin.

Perkara kedua yang berkaitan dengan laut China Selatan ini isu *overlapping claim*, tuntutan bertindih oleh lima buah negara utama. Empat daripadanya ASEAN iaitu Brunei, Filipina, Malaysia dan Vietnam, termasuk juga Republik Negara China.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi kepentingan yang paling utama berkaitan dengan kestabilan di Laut China Selatan. Tindakan-tindakan seperti rondaan, dan juga kawalan-kawalan pengawasan dan penguatkuasaan sentiasa dilakukan kerana Laut China Selatan ini adalah kawasan pelayaran utama yang menghubungkan antara timur dan barat. Maka sebab itulah kita sentiasa konsisten berpegang kepada apa yang telah diputuskan di bawah UNCLOS yang telah ditandatangani oleh keseluruhan negara di bawah UN.

Malaysia juga ingin menyatakan dengan jelas bersama dengan negara-negara ASEAN bahawa kita tidak mengiktiraf tuntutan yang dibuat oleh negara China berdasarkan *nine-dash line*. Kita hanya mengiktiraf apa yang termaktub di bawah UNCLOS. Maka sebab itulah, bagi menjamin bahawa semua perkara yang berlaku dan berbangkit berkaitan dengan Laut China Selatan dapat diselesaikan dengan cara yang aman agar ia tidak menimbulkan ketegangan. Maka negara-negara ASEAN pada tahun 2002 telah menandatangani sebuah dokumen politik yang utama bersama dengan dari negara China iaitu *Declaration of Conduct (DOC)*. Melalui DOC ini, kita sedang berusaha khas dan kuat untuk kita mewujudkan apa yang dipanggil COC, yang akan ditandatangani dan akan menjadi *binding*, Kod Tata Laku Laut di China Selatan, dengan izin, ataupun *Code of Conduct in the South China Sea*.

Ini adalah antara perkara yang akan menjamin kestabilan dan keselamatan akan berterusan berlaku dan mengelakkan sebarang bentuk ketegangan berlaku di Laut China Selatan. Dalam mengendalikan Laut China Selatan ini, kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama dan tentu sekalilah kita menggunakan pendekatan-pendekatan yang mengambil kira *strategic balance of power*, dengan izin, di antara negara Amerika Syarikat dan China supaya tindakan kedua-dua negara ini tidak menjejaskan keamanan di rantau ini.

Ingin saya tegaskan bahawa Laut China Selatan tetap menjadi isu yang utama, walaupun kompleks, namun kita tidak akan sekali-sekali berkompromi dalam soal perkara yang membabitkan aspek-aspek yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah mahupun kedaulatan perairan negara. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat berpuas hati dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang penuh diplomasi, dalam menjawab soalan pun dalam keadaan yang diplomasi juga. Jadi saya ada satu soalan tambahan oleh sebab sempadan laut negara kita ini terutamanya Laut China Selatan dan Selat Melaka ini penting dan luas. Ia menjadi laluan yang sangat penting kepada laluan antarabangsa.

Adakah kerajaan bercadang membawa isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa? Bagaimana kedudukan, pandangan, dan tindakan kita terhadap laporan kapal-kapal Republik Rakyat China yang berada di Beting Patinggi Ali? Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih kepada soalan tambahan. Saya hendak jelaskan bahawa pada waktu sekarang, kita berpegang secara konsisten bahawa segala pertikaian dilaksanakan sama ada secara bilateral atau multilateral, tetapi berdasarkan atau berpaksikan kepada UNCLOS 1982. Pada waktu ini, kita telah bersetuju antara *the claimant states* ataupun negara-negara yang terlibat dengan isu tuntutan bertindih ini iaitu sebarang bentuk tindakan untuk membawa kepada pihak ICJ perlu dilakukan secara bersama oleh negara-negara yang terlibat yang lain. *It cannot be done*, dengan izin, secara *unilaterally*.

■1030

Maka sebab itulah apa yang sedang ada sekarang ini ialah kita tengah usahakan, yang lebih penting daripada kita menyelesaikan, ialah kita hendak pastikan tidak wujud ketegangan di Laut China Selatan. Dalam UNCLOS, kita mempunyai penghormatan-penghormatan tertentu sebab UNCLOS memberi definisi-definisi dalam *maritime* yang kadang-kadang ia tidak difahami oleh kebanyakan kita.

Dalam definisi yang diberi oleh UNCLOS, kita ada lebih kurang empat *maritime features*.

Pertama, kita ada dipanggilkan pulau yang mana dia mempunyai *entitlement* (kelayakan) untuk mempunyai *maritime boundary*, *territorial sea* sebanyak 12 batu nautika; EEZ sebanyak 200; dan juga *coordinator shelf* (pelantar benua) daripada 200 hingga 350 batu nautika.

Kedua ialah *rock*. *Rock* batu, macam Pulau Batu Puteh dan sebagainya. Kawasan ini tidak mempunyai *territorial sea* dan juga tidak mempunyai EEZ.

Ketiganya adalah *Low Type Elevation* (LTE) seperti Beting Patinggi Ali. Ia hanya dapat kelihatan bila mana air surut. Ini juga tidak mempunyai *territorial sea*. Maknanya kalau kapal-kalap yang melalui di situ, tidak boleh dianggap sebagai melanggar kawasan kerana mereka tidak *entitle* kepada *territorial sea*.

So, dalam hal ini, kita masih berpegang kepada apa yang dinamakan sebagai *freedom of navigation* dan *freedom of overflight* sebagaimana yang terkandung di bawah UNCLOS. Akan tetapi, bagi menjaga, mengawal dan memelihara kedaulatan perairan negara, sebarang bentuk pencerobohan yang dianggap mengganggu aktiviti-aktiviti ekonomi dalam kawasan EEZ kita sentiasa diberi perhatian.

Ini termasuklah apa yang berlaku kepada bot-bot China yang didakwa memasuki dan untuk makluman, kita sudah pernah memanggil beberapa kali dan menghantar nota bantahan. Dan yang terbaru ialah kita memanggil pada 31 Mac, kita memanggil Duta Besar Republik Negara China dan menyatakan posisi dan pendirian kita secara *oral* dan bantahan secara *oral* supaya insiden yang disebutkan sebagaimana yang berlaku di kawasan Beting Raja Jarum, lebih kurang 105 batu nautika dari Miri, tidak akan berulang lagi. Terima kasih.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat ulasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Selain daripada puncanya iaitu laluan utama antarabangsa yang menyebabkan pertelingkahan ataupun konflik di Laut China Selatan, apakah punca yang lain? Mungkinkah disebabkan keghairahan sama ada China atau Amerika Syarikat untuk memperluaskan kuasa ketenteraan mereka ataupun terdapat banyaknya telaga minyak di pulau-pulau di Laut China Selatan ini? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Saya boleh jawab dalam satu *line* yang *simple*. Kedua-duanya ada. Ia membabitkan semua aspek. Saya tidak melihat kepada kenapa mereka hendak lakukan tetapi yang paling penting ialah sebarang bentuk pertikaian perlu diselesaikan secara aman dan damai agar ia tidak memberi penjejasan kepada *the overlapping claimant states*. Sebab, kalau berlaku sebarang bentuk ketegangan, bukan satu negara sahaja akan mengalami kerugian tetapi bahkan ia akan membabitkan kesemua negara.

Ini kerana pada waktu sekarang, ASEAN dilihat sebagai sebuah rantau yang cukup-cukup penting. Oleh sebab itulah kita masih lagi berpegang kepada *centrality of ASEAN*. Dalam apa keadaan sekalipun, ASEAN berpegang kepada kepentingan ASEAN itu yang utama.

China juga melihat bahawa ASEAN adalah rakan niaga yang tidak boleh dipandang enteng. Malahan pada tahun 2030, ia dianggap sebagai antara rakan dagangan yang paling utama. Pada waktu ini pun ia akan memberi penjejasan kalau berlaku sebarang bentuk ketegangan ataupun ketidakstabilan di kawasan Laut China Selatan. Maka sebab itulah kita berpegang- dan baru-baru ini pun dalam Sidang Kemuncak ASEAN, Presiden Li Keqiang telah memberi jaminan bahawa tidak akan ada sebarang bentuk *militarization*. Sebenarnya dibangkitkan oleh Presiden Xi ketika pertemuan dengan Presiden Obama. Kemudian *retreated by* pemimpin-pemimpin ASEAN ketika Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur baru-baru ini pada bulan Disember. Ini memberi perlambangan bahawa kesemua *claimant state* mahukan bahawa isu ini diselesaikan dengan cara yang baik. Terima kasih.

4. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, langkah menangani kes penipuan umrah dan khidmat upah badal haji kebelakangan ini yang menimbulkan kekeliruan.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekang dan juga mengawal kegiatan penipuan pakej umrah oleh individu, ejen ataupun syarikat pelancongan, kerajaan telah pun mengambil inisiatif dengan menubuhkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) pada 28 Ogos 2014 yang mana MKSU ini dianggotai oleh 12 orang ahli daripada pelbagai kementerian, jabatan dan juga agensi kerajaan serta NGO. Antaranya yang terlibat PDRM, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Turut terlibat sama ialah Lembaga Tabung Haji, Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) dan juga Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) yang mana mereka mempunyai peranan dan juga bidang tugas tersendiri dalam memantau serta menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pengendalian pakej umrah ini.

Tujuan utama MKSU ini ditubuhkan adalah untuk mengawal selia perkara-perkara berhubung dengan pengendalian pakej umrah, juga bagi mengelakkan kes penipuan daripada terus berlaku. Hasil daripada majlis mesyuarat MKSU ini juga, beberapa langkah telah pun serta sedang diambil untuk memastikan kes-kes penipuan umrah ini dapat dikurangkan.

Saya juga hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita dapat sama-sama memainkan peranan yang lebih komprehensif dalam mengekang daripada penipuan umrah ini berlaku.

Pertama ialah pengenalan harga minimum yang mana penetapan harga yang sebanyak RM4,900 adalah merupakan harga minimum yang kita tetapkan meliputi tempoh umrah selama 12 hari 10 malam. Ini adalah bagi menyedarkan kepada orang ramai supaya lebih berhati-hati dengan tawaran pakej umrah yang murah. Maksudnya kalau bawah RM4,900 itu, maka itu memang tak boleh, pakej itu tidak boleh diberikan.

Kedua, berkenaan dengan pengenalan lesen khas umrah yang mana ianya akan dikeluarkan kepada syarikat pengendalian pelancongan yang telah memenuhi syarat-syarat lesen khas umrah sahaja yang mana hanya syarikat yang berkemampuan sahaja yang dibenarkan untuk terlibat dalam pengendalian pakej umrah ini yang mana lesen khas umrah ini akan dikuatkuasakan pada bulan Oktober 2017 nanti.

Ketiga, hebahan serta kempen kesedaran umrah. Pihak kementerian telah pun mempergiatkan siri kempen kesedaran umrah kepada orang ramai di seluruh negara. Yang Berhormat dari Labuan, kita pun baru balik dari Labuan untuk buat kempen kesedaran ini yang mana Labuan pun turut terlibat. Selain daripada itu, *engagement session* bersama penggiat industri serta lain-lain agensi, persatuan, NGO juga kita adakan di setiap negeri. Kita hendak beri pemahaman kepada orang ramai supaya hati-hati dengan pakej umrah yang ditawarkan. Setiap kempen serta *engagement session* ini juga, dengan izin, akan mendapat liputan dan juga hebahan yang meluas daripada media cetak dan juga media elektronik.

■1040

Keempat, meningkatkan aktiviti pemantauan dan juga penguatkuasaan, yang mana setiap ahli MKSU akan membantu sama dalam membuat pemantauan dan juga menyalurkan aduan bagi memastikan maklumat dapat disalurkan dengan lebih tepat dan juga cepat. Mewujudkan *task force* bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti umrah di KLIA dan juga KLIA2 yang turut melibatkan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), PDRM dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Selain daripada itu juga pihak kementerian juga adakan kerjasama dengan pihak *CyberSecurity* Malaysia dan juga MYNIC Berhad bagi mengawal dan juga membendung kes-kes penipuan secara dalam talian. Saya hendak betulkan tadi yang mana harga pakej minimum RM4,900. Maksudnya kalau kurang daripada itu memang tak boleh hendak ini lah, RM4,900. Yang Berhormat semua kena mohon kerjasama lah untuk kalau beritahu dekat kawasan, inilah harganya.

Tuan Yang di-Pertua, isu badal haji pada masa ini tidak dikawal selia oleh mana-mana kementerian sebelum ini, tetapi bagi mengurangkan isu penipuan ini maka Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bersetuju untuk membantu bagi memantau perkara ini. Isu badal haji akan dimasukkan juga di bawah bidang kuasa Majlis Kawal Selia Umrah dan bagi tujuan memantapkan lagi tugas pemantauan dan perbincangan bersama dengan pihak JAWHAR iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Lembaga Tabung Haji serta lain-lain NGO yang berkaitan juga giat kita telah adakan. Kita juga mencari langkah-langkah yang terbaik bagaimana untuk mengatasi sebarang masalah yang berkaitan dengan pengendalian badal haji ini. Antara cadangan penambahbaikan mengenai isu pengendalian badal haji adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan garis panduan badal haji sebagai panduan kepada agensi pelancongan yang berlesen;
- (ii) menetapkan kadar harga minimum untuk kos badal haji; dan
- (iii) mendapat kerjasama dengan pihak JAWHAR dan juga Lembaga Tabung Haji bagaimana untuk memuktamadkan urusan badal haji memandangkan perkara ini boleh diperhalusi di bawah Akta Tabung Haji 1995 di bawah seksyen 4(c).

Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada menteri berkenaan. Saya sungguh terasa kerana saya sendiri agama tapi yang menipu siapa yang ditipu siapa? Hendak menuju ke Tanah Suci memerlukan cukup belanja ataupun cukup wang dana. Untuk mengumpul dana barangkali mereka ini mengambil masa bertahun-tahun juga tetapi dengan sekelip mata wang mereka lesap dan entah niat yang suci tidak tercapai.

Sekiranya Menteri menyatakan barulah hendak dilaksanakan peraturan dan sebagainya, keberhasilan kementerian dan sebagainya, jadi janganlah mengambil masa begitu lama kerana penipu ini akan berbuat demikian dari semasa ke semasa. Memang terbukti tapi sampai masa saya rasa sekiranya mereka ini didapati bersalah, saya cadang supaya hukuman berat diambil kerana jika didenda dengan wang ringgit sahaja mereka banyak wang. Jika boleh denda dengan mandatori, sebat atau jel, apa komen Menteri? Terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangan dan juga cadangan tersebut. Pihak kami boleh ambil cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat untuk kita perhalusi. Memang betul sebab kalau kita pergi lihat kes demi kes, yang terlibat ramai daripada orang kampung yang menyimpan dari sekian lama dan bukan mudah. Ada yang penoreh getah bertahun simpan dan untuk pergi ke umrah, belum pun dapat pergi haji, pergi umrah sahaja ini. Sebab itu di pihak kementerian kita amat serius dan kita amat peduli tentang untuk membanteras penipuan umrah ini secara serius dan juga secara bukan hanya sekali sahaja tetapi berterusan. Sebab itu kita minta jasa baik daripada semua pihak untuk sama-sama mengambil peduli tentang perkara ini dan juga sama-sama memberi kerjasama.

Bagi pihak kami juga, saya juga hendak memaklumkan statistik penipuan pakej umrah untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, di bawah aduan yang telah diberikan kepada pihak KPDNKK dan dari tahun 2012 hingga tahun 2016 setakat Mac berjumlah RM18,663,989. Itu daripada KPDNKK yang telah diadukan kepada pihak mereka yang mempunyai jumlah sebanyak 3,411 kes.

Bagi tahun 2016 sahaja kita dah terima lebih 210 kes. Kenapakah tinggi? Sebab saya rasa dengan kejayaan hebahan yang telah dimainkan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan kerjasama pihak PDRM, KPDNKK JAWHAR, Bumitra dan sebagainya dalam kita hendak menangani perkara ini. Begitu juga di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 yang telah kita guna pakai untuk mengawal penipuan pakej umrah ini yang mana kita melihat di bawah kompaun yang dikenakan di bawah akta ini telah pun kita kenakan. Bagi statistik yang membabitkan agensi pelancongan menganjurkan pakej umrah bagi tahun 2012 hingga 2016 hingga Mac sebanyak kompaun yang kita kenakan adalah sebanyak RM259 ribu yang melibatkan kes sebanyak 57.

Jadi, kesedaran pengguna amat penting dan mereka boleh pada masa ke masa menyemak ataupun *update* maklumat yang terkini berkenaan dengan umrah ini, di web kami www.motac.gov.my. Mereka juga boleh tampil ke hadapan untuk memberi kerjasama dan juga bagi kita membuat pendakwaan dan juga kita bekerjasama dengan pihak PDRM. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ada soalan lagi?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, tengah ni [*Ketawa*] Tak nampak. Sini tengah ni Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Siapakah tu? Sila.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Pakai tudung merah pun tidak nampak [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar keluhan daripada sahabat saya Datuk Haji Yunus yang mewakili rakan-rakan yang ditipu. Yang Berhormat Menteri, kita berasa kesal kerana saban tahun kes penipuan umrah dan haji badal ini kita dengar dan kita baca di media-media. Mustahil tiada cara mengatasinya dan kita dengar penguatkuasaan sudah pun dibuat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang mengadakan mekanisme undang-undang khusus bagi memastikan perkara sebegini dapat dibendung?

Bagaimanakah kerajaan mengambil langkah mendidik rakyat tentang penipuan sebegini supaya tidak kerap berlaku di masa kini dan masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya cukup gembira apabila soalan penipuan umrah ini mendapat perhatian daripada Yang Berhormat sampaikan ada dua orang Yang Berhormat bangun pada satu-satu masa. Saya melihat bahawa dalam kita membicarakan tentang isu penipuan umrah ini memang pastinya kawalan daripada segi undang-undang amat perlu.

Akan tetapi sebagaimana yang telah diberitahu tadi, di bawah Majlis Kawal Selia Umrah terdapat beberapa langkah yang telah kita beritahu, penetapan harga minimum yang itu perlu kita hebahkan supaya kalau orang hendak pergi kalau bawah daripada harga itu kita sendiri sebagai rakyat Malaysia kita boleh beritahu, "*Eh, baik-baik kalau nak pergi ini pun*". Sebaiknya buat semakan dulu, betul atau tidak syarikat ini mempunyai lesen ataupun tidak, adakah berdaftar ataupun tidak supaya sama-sama tidak menjadi mangsa penipuan.

■1050

Keduanya, bagaimana untuk membendung. Ini adalah dengan pindaan akta yang telah dibuat. Kalau dulu kompaun yang dikenakan hanya RM5,000 tetapi hari ini, kita hendak membuat pindaan jumlah itu. Maksudnya terlampau sedikit, sebab itu perlu dikenakan dengan lebih berat lagi supaya dapat memberi kesedaran dan juga pengajaran kepada mereka yang terlibat. Begitu juga dengan lesen khas umrah yang akan kita perkenalkan dan akan kita kuatkuasakan pada tahun 2017 supaya kita dapat memberi masa kepada industri-industri *player* dan juga kepada syarikat-syarikat ini untuk membuat persiapan, persediaan. Ini kerana bukan mudah untuk mereka menyediakan keperluan mereka dalam memberikan pakej umrah ini dan juga supaya ada *ample time*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk membuat persediaan bagi syarikat tersebut.

Begitu juga dengan hebahan, kerjasama daripada pihak NGO dan juga pihak jabatan kerajaan sebagaimana saya telah nyatakan sebentar tadi. Apa pun yang penting di sini, walaupun dikenakan tindakan ataupun dikenakan tindakan undang-undang yang berat pun tetapi kalau tidak ada kesedaran daripada semua pihak yang terlibat ataupun seluruh rakyat Malaysia, ia tidak berjalan juga.

Oleh sebab itu pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta semua agensi yang terbabit amat-amat memerlukan kerjasama daripada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini serta seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama memastikan agar tidak ada lagi mangsa yang terkena dengan penipuan umrah ini dan yang mana bukan saya hendak beritahu hanya orang kampung sahaja yang terkena Tuan Yang di-Pertua, ada juga di kalangan mereka yang profesional. Ada doktor, ada peguam pun sama yang terlibat dalam penipuan ini. Kerana apa, mereka hendak pakej yang murah. Lumrah manusia. Terima kasih, *wallahua'lam*.

5. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Menteri Kewangan menyatakan, apa langkah pihak kerajaan dalam menangani kemerosotan pendapatan negara melalui hasil petroleum berikutan kejatuhan harga minyak di samping nilai Ringgit yang lemah ketika ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari Bin Abdul Ghani]: *Bismillah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengambil kira pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan penurunan harga minyak mentah yang ketara sejak awal tahun 2015 serta kesannya kepada hasil Kerajaan Persekutuan, Bajet 2016 yang dibentangkan pada Oktober 2015 telah diubahsuai pada 28 Januari 2016. Dalam Bajet 2016 yang diubahsuai, kerajaan telah menyamak semula andaian harga minyak mentah daripada USD48 setong kepada paras USD30 hingga USD35 setong.

Oleh itu, hasil berkaitan petroleum dianggarkan turut berkurang dengan jumlah di antara RM7 bilion hingga RM9 bilion. Bagi mengimbangi penurunan hasil tersebut serta mengekalkan sasaran paras defisit fiskal tahun 2015 pada 3.1 peratus daripada KDNK dan jumlah hutang di bawah paras 55 peratus daripada KDNK, kerajaan terus melaksanakan langkah-langkah strategik dalam memperluaskan hasil kerajaan ataupun *broaden the revenue base* dengan tidak terlalu bergantung kepada hasil berkaitan petroleum serta mengoptimalkan dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus.

Dalam pembentangan pengubahsuaian Bajet 2016, kerajaan telah mengumumkan langkah meningkatkan pendapatan kerajaan. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan usaha pematuhan dan pengauditan terhadap para pengelak cukai atau *tax evaders*;
- (ii) memberi pertimbangan khas dengan melonggarkan pengenaan penalti pembayar cukai bagi menggalakkan pembayar cukai tampil melaporkan pendapatan tahun ke belakang. Tunggakan cukai tersebut perlu dilangsaikan sebelum 31 Disember 2016;
- (iii) mengurangkan ketirisan hasil di pulau bebas cukai yang dianggarkan hampir RM1 bilion dengan menstrukturkan semula saluran jualan rokok dan minuman keras iaitu dihadkan kepada kedai-kedai bebas cukai yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (iv) memperketatkan pengecualian cukai kenderaan import dengan meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan;
- (v) mengoptimumkan pendapatan daripada spektrum telekomunikasi melalui pengagihan semula dan proses bidaan; dan
- (vi) membangunkan beberapa buah kawasan strategik milik kerajaan dengan melaksanakan proses bidaan bagi merencanakan lagi kegiatan ekonomi.

Sekian.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Menteri yang menjawab. Saya tertarik dengan beberapa soalan yang saya akan kemukakan di mana berlaku ketirisan ataupun berlakunya aliran wang tunai. Ia juga akan mengakibatkan ekonomi negara juga tergugat. Baru-baru ini saya dapati *statement* daripada Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa ada penyeludupan keluar oleh keldai duit dibawa keluar di mana duit yang dibawa keluar ini hampir 2.4 bilion setahun. Jadi keldai dadah ini juga dibayar dengan wang tertentu bagi membolosi sempadan. Contohnya *Utusan Malaysia* hari ini menyebut bahawa penguat kuasa dibayar ufti, aktiviti-aktiviti haram tidak terganggu RM50,000 sebulan.

Aktiviti ufti sebanyak RM50,000 sebulan, itulah jumlah yang didakwa diperuntukkan oleh sindiket untuk dirasuah segelintir pegawai agensi penguat kuasa. Apakah tindakan daripada Bank Negara, apakah tindakan daripada Menteri Kewangan bagi menyekat aliran wang keluar di pintu-pintu masuk. Kenapa sehingga hari ini baru tersedar bahawa telah banyak wang mengalir keluar, berlakunya ketirisan daripada segi pelbagai pihak termasuklah penguatkuasaan. Jadi, apakah tindakan yang tegas sewajarnya kepada mereka ini yang boleh menjual maruah negara? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya hendak betulkan *statement Utusan*, itu sebenarnya bukan *statement* saya. *Statement* ataupun *investigative report* yang telah dibuat oleh *Utusan* dan minta saya komen. Saya tidak boleh *confirm* 2.4 bilion itu. Cuma saya mengatakan bahawa kegiatan penyeludupan wang keluar daripada negara kita tanpa melalui saluran rasmi adalah atas alasan kerana sebahagian daripada wang-wang ini didapati secara haram. Maksud saya secara haram itu ialah mereka ini mendapat keuntungan daripada kegiatan-kegiatan haram. Contoh, seperti penjualan dadah ataupun judi haram ataupun jenayah-jenayah lain yang melibatkan keuntungan, yang keempat lari daripada cukai.

Kalau yang haram ini sudah tentu kita tidak ada rekod. Akan tetapi kalau macam perniagaan-perniagaan yang dilakukan seperti perniagaan yang didaftarkan tetapi mereka lari daripada membayar cukai, maka duit-duit lebih daripada dia punya dapat selamat daripada bayar cukai ini dibawa keluar daripada negara, yang itu masalah kita. Akan tetapi di pihak Bank Negara, apa yang kita buat ialah kita telah *revamp remittance service provider* ini iaitu kita mempunyai hampir 2,000 buah lokasi untuk setiap perniagaan. Kalau mana-mana orang hendak hantar duit, kena melalui saluran formal ini. Dia tidak ada sebab mengatakan bahawa dia tidak ada saluran formal sebab itu dia tidak boleh hantar duit kerana itu dia kena buat secara *illegal*. Dia tidak boleh bagi alasan itu lagi kerana semua ini telah disediakan oleh pihak Bank Negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, selepas kita menyediakan semua sistem ini, *remittance service provider*, *money changer* dan sebagainya, mereka ini mempunyai satu sistem *deporting* yang sangat ketat. Sebahagian daripada mereka yang mana ada lesen ini, semua dikehendaki mengisi laporan ke Bank Negara. Kalau *money changer* itu, sesiapa yang bawa keluar duit dari *money changer*, dia akan dapat *detail right* daripada nama syarikat ataupun individu, *IC number* dan kita boleh *trace* mereka ini sama ada mereka ini terlibat daripada segi akta *money laundering*. Jadi, ini adalah yang dilakukan oleh kerajaan. Cuma kalau ada kegiatan-kegiatan yang diluar jangkaan kita rekod, yang ini kita hendak minta kalau boleh dapat maklumat daripada mereka yang berkepentingan ataupun awam boleh bagi maklumat ke Bank Negara, kita akan buat *raiding* kepada syarikat-syarikat tersebut. Ini kita kena elakkan kerana ia tidak memberikan kebaikan kepada ekonomi negara. Terima kasih.

■1100

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada respons Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan kerana kerajaan terkesan atas kejatuhan harga minyak. Akan tetapi rakyat juga terkesan kerana terkesan daripada segi kos sara hidup kerana penyesuaian tidak dibuat bagi produk-produk petroleum. Misalnya, minyak pelincir, gris dan sebagainya. Jadi, adakah dibuat sebarang bentuk ataupun tindakan untuk dibuat penyesuaian bagi produk-produk petroleum? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok, kita telah mengadakan pengapungan harga daripada segi kita menetapkan harga-harga minyak di pasaran. Oleh sebab pengapungan ini maka kalau harga naik, maka secara automatik harga juga akan naik. Kalau turun, harga juga akan turun. Maka, produk-produk yang bersangkutan dengan produk-produk petroleum ini secara tidak langsung ia akan *reflective* kepada harga minyak.

Kalau harga minyak turun, mana-mana syarikat minyak yang menjual harga tinggi, produk-produk sampingan ini, maka mereka tidak akan dapat sambutan sebab ini adalah *floating regime*. Jadi, kegusaran daripada pihak Yang Berhormat ini saya rasa *market forces* akan *handle*, soal *pricing* daripada segi minyak ini. Daripada segi penetapan harga RON95 dan RON97 itu memang kita akan maklumkan tiap-tiap bulan. Akan tetapi produk-produk sampingan petroleum ini ia bersangkut-paut dengan kos pengimportan ataupun pengeluaran minyak-minyak yang didapati di dalam negara kita.

6. Tuan Chia Song Cheng minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah sukatan pelajaran yang akan diuji dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 6 apabila ditukarkan ke format PT3.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan soalan bagi semua mata pelajaran sama ada dalam UPSR, PT3 dan SPM adalah sesuai dengan tahap calon murid mengikut tahun atau tingkatan murid. Soalan peperiksaan juga adalah selaras dengan kurikulum yang sedia ada. Persembahan soalan juga bersesuaian dengan kedalaman kandungan serta calon ditaksir dengan pelbagai aras pemikiran merentas pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah dan membuat penaaakulan secara kritis, kreatif dan inovatif. Terima kasih.

Tuan Chia Song Cheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian yang telah menjawab soalan saya. Akan tetapi saya ada dua soalan tambahan yang saya ingin mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Pertama, apakah hasil penyelidikan dan juga kelemahan yang dikenal pasti oleh kementerian ke atas format PT3 Tahun 6 ini agar isu seperti PT3 Tingkatan 3 tidak berulang ke atas pelaksanaan format PT3 Tahun 6 ini?

Soalan yang nombor dua, apa langkah-langkah untuk menyelesaikan kelemahan yang telah dikesan oleh kementerian ke atas format PT3 Tahun 6. Terutamanya, dalam kualiti pendidikan guru-guru sekolah rendah dan juga kesediaan Sumber Manusia dalam menampung perubahan format tersebut agar kualiti pendidikan serta kaedah pengajaran untuk melahirkan pelajar yang mampu berfikir dan juga penaakulan logik. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan yang berkaitan dengan kelemahan yang dikesani untuk PT3 apabila dilaksanakan untuk UPSR. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, permulaan penggunaan secara peperiksaan ala PT3 di UPSR bermula tahun ini. Maka, sekiranya apa-apa kelemahan yang dikesan di PT3 itu pun adalah kerana merupakan kali pertama kita menggunakan cara peperiksaan itu iaitu termaktubnya soalan-soalan pemikiran aras tinggi ataupun HOTQ iaitu *high order thinking question*, dengan izin, maka kita memerlukan masa untuk anak-anak murid kita, untuk guru-guru kita sesuai dengan cara peperiksaan itu.

Akan tetapi apa yang ingin saya tekankan di Dewan ini ialah UPSR ataupun PT3 itu janganlah kita melihatnya sebagai satu peperiksaan. Itu cuma satu ujian dan penaksiran kepada kefahaman murid-murid kita untuk pembelajaran di sekolah. Kalau ikut pandangan dan pendirian kementerian, kalau disebut peperiksaan itu, kita merujuk kepada SPM dan STPM, itulah peperiksaan. Jadi, yang UPSR dan PT3 itu adalah pentaksiran ataupun ujian semata-mata untuk melihat kemajuan mereka.

Untuk tahun 2016, tahun ini, UPSR khususnya daripada segi subjek bahasa, bahasa Inggeris sebelum itu kita ada dua kertas tetapi cuma ada satu gred. Pada tahun ini kita akan memberikan dua kertas, dua gred. Tambah satu gred lagi untuk bahasa Inggeris dan itulah bila sampai kepada isu subjek bahasa, empat elemen itu yang kita tekankan iaitu kebolehan membaca yang kita boleh bertutur, yang kita boleh mendengar, yang kita boleh menulis. Jadi, apa yang ditekankan dalam sistem pembelajaran yang baru ini, kita menekankan kepada pembelajaran dan pengajaran yang berpaksikan kepada murid, bukannya untuk kita melihat bagaimana pencapaian berapa 'A' dalam peperiksaan yang disebutkan itu. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Ramli bin Shariff** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, langkah-langkah yang diambil bagi mengawal kemasukan getah dari negara jiran.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff atas soalan.

Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersekali dengan empat lagi soalan iaitu daripada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai bertarikh hari ini 25 April 2016; Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertarikh 26 April 2016 serta soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif bertarikh masing-masing 27 dan 28 April 2016 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama, komoditi getah Tuan Yang di-Pertua. Mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, komoditi getah adalah berorientasikan eksport dan harganya bergantung pada keadaan ekonomi dunia khususnya di negara-negara pengimport utama. Selain itu, stok dunia komoditi ini juga mempunyai implikasi terhadap harga.

■1110

Walau bagaimanapun, pada masa ini, harga getah telah menunjukkan peningkatan. Harga purata bulanan SMR 20 telah meningkat dari RM4.66 pada bulan Januari 2016 kepada RM5.16 purata pada bulan Mac 2016. Dalam hal ini, kerajaan amat prihatin terhadap kebijakan para pengusaha dan penoreh getah, kesan daripada ketidakstabilan harga getah.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, langkah serta-merta yang telah pun dilaksanakan bagi meringankan beban penurunan harga getah termasuklah:

- (i) melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG), dengan izin, mulai bulan Januari 2015. Pada bulan Januari 2016, paras harga pengaktifan IPG telah dinaikkan oleh kerajaan dari harga SMR 20, RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi harga kaplam dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram dengan peruntukan dana yang disediakan sebanyak RM200 juta. Sehingga 6 April 2016, sebanyak 93,365 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG melibatkan peruntukan keseluruhan yang telah dibayar sebanyak RM14.01 juta;
- (ii) melaksanakan mekanisme penepatan harga di ladang dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi-koperasi sebagai modal pusingan untuk menjalankan aktiviti urus niaga getah. Berdasarkan maklum balas sehingga kini, terdapat 18 buah koperasi sedang terlibat dalam urus niaga getah dan menawarkan pada puratanya 10 sen hingga 20 sen sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen;
- (iii) menyediakan infrastruktur kutipan lateks dengan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Ini adalah memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi daripada harga kaplam; dan,
- (iv) menanggungkan kutipan SES sekiranya harga getah SMR 20 berada di paras bawah RM5.50 sekilogram mulai bulan April 2016 dan mekanisme pelaksanaan keputusan ini sedang diperhalusi memandangkan ia melibatkan beberapa buah agensi.

Tuan Yang di-Pertua, selain langkah-langkah tersebut, kerajaan juga mempunyai beberapa perancangan bagi membantu pekebun kecil getah termasuklah menggalakkan pekebun kecil melibatkan dalam aktiviti pertanian melalui integrasi tanaman getah dengan lada misalnya, dan juga lain-lain aktiviti pertanian dan juga mengkaji semula mekanisme penetapan harga bagi memastikan pekebun kecil menikmati harga getah yang berpatutan.

Selain daripada itu, strategi jangka panjang juga kerajaan turut menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara sehingga 10 peratus daripada jumlah pengeluaran getah asli negara termasuklah untuk pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah dan juga memperkukuhkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah serta bekerjasama dengan negara-negara pengeluar getah asli bagi menstabilkan harga seperti di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council*, dengan izin, ITRC dan juga *Association of Natural Rubber Producing Countries* ataupun ANRPC dan juga meneruskan bantuan seperti aktiviti tanaman semula dan juga tanaman baru.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung langsung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Malaysia tidak melarang pengimportan getah asli daripada mana-mana negara memandangkan terdapat kekurangan bahan mentah terutamanya lateks untuk keperluan industri sarung getah dan pengeluaran lateks dalam negara pada tahun 2015 ialah sebanyak 45,862 tan manakala penggunaan lateks ialah sebanyak 406,930 tan.

Walau bagaimanapun, Lembaga Getah Malaysia (LGM) menjalankan siasatan secara berkala bagi memastikan kualiti getah yang diimport adalah bersamaan dengan borang pengimportan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila soalan tambahan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Noriah yang telah menjawab soalan yang saya kemukakan ini dengan panjang lebar dan juga syabas saya ucapkan kepada kerajaan dalam mengambil tindakan di dalam menangani penetapan harga getah bagi membantu pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kepada Yang Berhormat Dato' Noriah bagi Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi ini, apakah tindakan di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), dengan izin, itu berkesan dalam gerakan menstabilkan harga getah asli dan apakah impaknya setakat ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesuai sangat soalan tersebut Tuan Yang di-Pertua kerana kita sedang melaksanakan satu mekanisme di bawah kerangka ITRC ini yang mana ITRC ini merangkumi tiga buah negara pengeluar negara utama getah iaitu kita Malaysia, Thailand dan juga Indonesia yang mana syer pengeluaran ketiga-tiga negara ini Tuan Yang di-Pertua ialah sebanyak 68.2 peratus daripada keseluruhan pengeluaran getah asli dunia.

Langkah yang sedang dilaksanakan yang ingin saya nyatakan di sini adalah, dengan izin, *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS). Ini pelaksanaan kali keempat Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengelakkan harga jatuh lebih teruk lagi ataupun secara berterusan. Ia telah mula dilaksanakan untuk tempoh kali keempat ini dari 1 Mac 2016 sehingga 31 Ogos 2016 dan ia melibatkan pengurangan sebanyak 615,000 tan untuk dikongsi oleh ketiga-tiga negara bagi mengurangkan jumlah eksport dan lambakan di peringkat global.

Impaknya Tuan Yang di-Pertua, sejak dilaksanakan AETS keempat ini, kita melihat peningkatan harga untuk SMR 20 daripada RM4.26 sekilogram pada 11 Februari 2016 kepada RM6.11 pada 22 April 2016, pada Jumaat lepas Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, antara langkah lain di bawah kerangka ITRC ini termasuklah ketiga-tiga negara bersetuju untuk meningkatkan penggunaan domestik sebanyak 10 peratus dan juga melalui satu lagi program iaitu, dengan izin, *Demand Promotion Scheme Committee* (DPSC) selain daripada meneruskan pertukaran maklumat tentang R&D, tentang maklumat-maklumat penghasilan produk getah lain yang ada nilai tambah misalnya dan lain-lain untuk kegunaan dan panduan bersama, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Ringkas.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kemukakan soalan, adakah pihak Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi membuat kajian yang mana seorang pekebun kecil ini memiliki lima ekar tanaman getah. Adakah pendapatan dengan kadar keadaan harga yang tidak menentu ini, beliau ini mendapat pendapatan di bawah RM1,000?

Kedua, hari ini kita melihat bahawa ladang getah ini makin hari makin berkurangan kerana nombor satunya faktor harga, yang keduanya faktor daripada segi tenaga yang mana saya menjangkakan pengurangan penanaman getah ini hampir 50 peratus bertukar kepada tanaman sawit. Ini juga ada isu sebab...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Penanaman getah dia ada wang SES. Tanam getah ini ada dapat wang SES bila ditanam getah semula. Akan tetapi bila dia berubah kepada kelapa sawit, wang SES ini tidak dibayar. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa isu yang dibangkitkan dalam satu soalan sebentar tadi. Satu, tentang pendapatan pekebun kecil yang memiliki purata lima ekar. Memang harga sedang jatuh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang kerajaan laksanakan ini adalah untuk membantu kesan daripada kejatuhan harga ini melalui Insentif Pengeluaran Getah yang kita nyatakan tadi.

■1120

Average untuk lima hektar Tuan Yang di-Pertua ataupun dua hektar lebih, pekebun kecil jika hendak usahakan sendiri kebunnya boleh dapat lebih daripada RM1,000 dengan insentif ataupun IPG yang kita laksanakan dan sejak bulan Januari untuk semenanjung memang sudah layak untuk membuat tuntutan kerana harga purata bulanan RM5.50. Cuma kita masih meneruskan kempen-kempen Tuan Yang di-Pertua, sebab ada pekebun-pekebun kecil yang katanya mengikut laporan yang kita terima belum dapat maklumat, belum ada kad PAT-G untuk membuat tuntutan dan kita menambahbaik kaedah ataupun memudahkan kaedah tuntutan, kita izinkan melalui peniaga dan juga melalui pejabat-pejabat penyelia atau ketua kampung letak di situ, maklumkan dan kita akan kutip untuk memudahkan.

Tentang kutipan wang SES untuk tanaman semula. Sebenarnya semua pekerja kecil adalah berhak untuk mendapat bantuan Skim Tanaman Semula untuk hasil daripada kutipan ses, 14 sen yang kita kutip itu 10 sen untuk tanam semula dan 4 sen untuk program-program kajian dan penyelidikan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi jika ada isu pekebun kecil yang dikatakan tidak dapat bantuan tanam semula daripada kutipan ses ini boleh maklumkan kepada kita.

Cuma ada beberapa isu yang mungkin tadi dinyatakan kalau getah kepada getah tidak ada masalah ataupun getah kepada tanaman lain ada masalah dan sebagainya boleh rujuk kepada kita semula Tuan Yang di-Pertua. Misalnya RM9,230 untuk tanam semula getah kepada getah di Semenanjung dan juga RM13,500 untuk tanam semula getah ke getah di Sarawak, RM14,000 untuk tanam semula getah ke getah di Sabah dan RM2,500 untuk tanam semula getah ke tanaman lain di semenanjung. RM7,000 untuk tanam semula sawit pekebun kecil di bawah NKEA di Semenanjung sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

8. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah tindakan jangka panjang yang diambil oleh kementerian bagi menangani kebanjiran golongan belia dalam pasaran buruh negara kita kerana kita mengetahui setiap tahun, didapati hampir setengah juta orang belia Malaysia memasuki pasaran buruh

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat sejahtera salam 1 Malaysia, salam sehat! Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, RMKe-11 pendidikan dalam bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan platform penting bagi meningkatkan tenaga kerja mahir Malaysia. Kementerian Sumber Manusia, melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) akan mempergiat kolaborasi dengan industri untuk meningkatkan pengambilan TVET menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkukuhkan penambahan dan *profile* TVET.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan ini akan menghasilkan graduan berkemahiran yang diperlukan industri dan menjadikan TVET sebagai laluan pilihan transformasi ini dapat direalisasikan menerusi pelaksanaan tiga strategik utama:

- (i) memperkukuhkan tadbir urus TVET ataupun Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dengan izin untuk pengurusan yang lebih baik menerusi pemantapan kerangka kelayakan nasional dan keharmonian berbagai sistem latihan bagi institut TVET awam dan swasta;
- (ii) memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan melalui kerjasama dengan industri; dan
- (iii) meningkatkan penjenamaan untuk menarik minat berhadap TVET menerusi aktiviti promosi yang menonjolkan TVET sebagai kerjaya pilihan yang menarik.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa bangga kerana kerajaan telah memberikan perhatian cukup serius kepada TVET ini dan kalau kita lihat memanglah usaha-usaha dalam menaikkan kadar pekerja mahir ini telah diambil oleh kerajaan. Kalau kita buat perbandingan Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar negara maju memberikan penekanan kepada TVET. Hari ini kadang-kadang kita melihat kadang-kadang ada ibu bapa kita mengharapkan bahawa pencapaian anak mereka dalam bidang akademik dalam peperiksaan khusus sebagainya itulah kepercayaan yang cemerlang bagi mereka. Akan tetapi sebenarnya akhir-akhir ini negara maju melihat kemajuan dalam bidang vokasional dan teknikal kemajuan yang cukup membanggakan bagi negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kebanjiran golongan belia dan juga graduan kalau tidak ditangani sudah tentu akan menjejaskan ataupun meningkatkan kadar pengangguran di negara kita. Namun *alhamdulillah*, negara kita adalah antara negara yang mempunyai kadar pengangguran terendah kalau kita buat perbandingan. Umpamanya saya bagi sedikit Tuan Yang di-Pertua, Indonesia 6.1 peratus; Portugal 15.3 peratus; Saudi Arabia 12.1 peratus; Sepanyol 25.6 peratus; Greek 27.5 peratus; dan kita hanya 3.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan penempatan pencari kerja di kalangan belia amnya dan khususnya di kalangan graduan institut pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan golongan siswazah mendapat pekerjaan adalah seperti Program Penempatan Pekerjaan (3P). Tujuan program 3P adalah untuk membantu mencari kerja mendapatkan pekerjaan dan membantu pihak majikan untuk mendapatkan pekerja. Program ini melibatkan aktiviti seperti karnival kerja, temu duga terbuka dan juga *client account* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pencapaian yang kita buat umpamanya penempatan yang dibuat oleh Jabatan tenaga Kerja melalui Program Penempatan Pekerjaan ini, 2016 sehingga 15 April Tuan Yang di-Pertua, untuk terkini sebanyak 39,919. Iaitu 9,315 orang siswazah dan 30,604 orang bukan siswazah dan ada lagi perbandingan yang lain yang boleh saya berikan, agak panjang juga Tuan Yang di-Pertua dan tidak perlu saya sebutkan.

Kedua pengambilan pengendalian portal *JobsMalaysia*. Portal *JobsMalaysia* menggalakkan orang ramai mendaftar secara *online* bagi membolehkan permohonan kerja, di mana belia-belia berterabur di negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh pergi ke portal *JobsMalaysia* secara *online* bagi membolehkan permohonan kerja siswazah atau belia dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pengalaman kerja. Saya ambil satu contoh sedikit Tuan Yang di-Pertua, di bawah program ini.

Pendaftaran aktif dalam portal *JobsMalaysia* sehingga 31 Disember 2015 ialah 283,208 orang. Sebanyak 171,788 orang siswazah dan 111,420 orang bukan siswazah. Ini sambutan yang diberikan oleh belia dan mahasiswa kita yang sedang mencari kerja.

Sehingga 15 April 2016 untuk tahun 2016 seramai 254,819 orang mencari kerja berdaftar di portal JobsMalaysia, seramai 157,617 orang siswazah, 97,216 orang bukan siswazah. Ini Tuan Yang di-Pertua adalah usaha yang dibuat oleh kerajaan kita.

Ada lagi program lain yang kita laksanakan umpamanya Skim Latihan 1Malaysia yang melibatkan pelbagai pihak termasuk GLC di bawah- contohnya bagi frasa pertama pelaksanaannya seramai 3,000 orang siswazah telah menyertai program di bawah Bank Negara, dan 25 GLC yang mengambil bahagian dalam program ini. Kemudian program *soft skill*, dengan izin, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan Program *Specialized Training and Advanced Recruitment* ataupun STAR yang bertujuan untuk melatih graduan lepasan diploma dan ijazah pertama dengan kemahiran dan kompetensi khusus yang diperlukan oleh industri untuk meningkatkan kemahiran mereka di pasaran pekerjaan.

■1130

Ini Tuan Yang di-Pertua, antara program-program yang kita lakukan dan satu lagi yang boleh kita ambil peranannya ialah *Industrial Skill Enhancement Program* (INSEP) di bawah Kementerian Sumber Manusia di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu antara langkah-langkah yang boleh kita laksanakan bagaimana kita boleh menangani masalah kebanjiran belia di negara kita. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan penjelasan yang cukup padat dan saya rasa hendak soal pun susah. Walau bagaimanapun, saya patut mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan bidang TVET ini. Ini kerana seperti yang kita ketahui, di Malaysia, kadar bidang kemahiran teknikal ini masih rendah. Dua tahun lepas kita hanya mempunyai lebih kurang 28 peratus dan Singapura, sebuah negara maju telah mempunyai 52.8 peratus.

Sedikit soalan. Inisiatif yang diambil kerajaan memang kita bangga. Kita patut mengucapkan berbilang-bersang terima kasih bahkan saya cukup bangga apabila pihak kementerian mengadakan program tertentu terutama dengan institusi dalaman bahkan institusi luar negara untuk menaik tarafkan kelulusan TVET yang diperolehi oleh pekerja-pekerja mahir, bahkan boleh dinaikkan ke Tahap 3, 4 dan 5 SKM. Laporan yang saya terima, apabila mereka telah dinaiktarafkan ke tahap yang lebih tinggi tetapi malangnya berlaku suasana di mana dalam sektor-sektor swasta, Yang Berhormat Menteri, mereka tidak menaikkan gaji. Ini yang berlaku. Apabila tahap kemahiran dinaikkan dengan mereka mendapatkan sijil melalui program yang telah diadakan tadi, tempat mereka bekerja itu tidak mahu menaikkan gaji setimpal dengan kemahiran kelulusan baru yang telah didapati.

Ini laporan yang saya terima dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa langkah-langkah yang lebih drastik yang patut diadakan, dilakukan supaya keadaan ini dapat kita banteras selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan program TVET ini. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Senator.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelaksanaan gaji minimum adalah salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk menarik pekerja-pekerja tempatan mendapatkan kerja. Kebanjiran belia ataupun graduan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr., antaranya menyumbang kepada kadar pengangguran walaupun kadar pengangguran negara kita masih rendah iaitu 3 peratus. Akan tetapi ini juga faktor yang menyebabkan belia kita ataupun anak-anak kita tidak boleh kerja kerana gaji rendah.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri, saya tidak dapat mengesahkan dan mungkin ada kebenarannya. Oleh sebab itulah kalau kita melaksanakan gaji minimum, RM900 sekalipun, masih ada majikan yang tidak membayarnya dan bermula daripada 1 Julai ini, kerajaan akan melaksanakan gaji minimum RM1,000 sebulan kepada pekerja di Semenanjung dan RM900 sebulan di Sabah, Sarawak dan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum ini, sebenarnya bukan sahaja melihat daripada segi *revision* ataupun semakan semula kepada gaji minimum tetapi ia juga melihat kepada bagaimana penguatkuasaan pelaksanaan gaji oleh majikan-majikan ini. Kita mengucapkan terima kasih kerana ramai, telah banyak majikan yang telah bayar gaji lebih daripada RM1,000 kepada pekerja kita.

Tidak ramai yang terlibat dengan -walaupun kecil yang terlibat dengan gaji minimum ini tetapi ini adalah antara mekanisme yang kita gunakan. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. usaha akan kita buat dan akan diteruskan melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) ini untuk kita melihat pertamanya apakah gaji minimum akan dilaksanakan. Kedua, apa kemahiran yang dimiliki oleh anak-anak kita juga dibayar mengikut gaji yang sepatutnya diberi kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[21 April 2016]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini giliran Menteri-Menteri menjawab. Saya ingin menasihatkan semua Ahli Yang Berhormat berhati-hati dan dengar betul-betul segala yang dibangkitkan ataupun jawapan daripada kementerian. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang Yang Berhormat telah bangkitkan dan tidak dijawab, sila ambil perhatian. Tanpa buang masa, oleh sebab masa itu emas, saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Pertahanan.

11.37 pg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya dihormati Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya ingin menyatakan penghargaan kepada lima Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang pertama ialah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yassim. Ada? Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor?

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ada ya. Ketiga, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Tidak ada dalam Dewan ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau tidak ada.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Keempat ialah Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Saya nampak dekat luar tadi serta Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Jadi saya hanya akan menjawab soalan-soalan yang berkaitan kalau sekiranya Yang Berhormat yang berkenaan ada dalam Dewan. Kalau tidak saya akan bagi secara bertulis untuk menjimatkan masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya sentuh berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yassim iaitu mengenai cadangan mewujudkan Majlis Permuafakatan bersama bekas atau veteran ATM. Kementerian Pertahanan menyambut baik dan sentiasa bersikap terbuka atas sebarang cadangan yang akan memberi manfaat kepada veteran ATM. Pada masa ini, pihak kementerian iaitu mekanisme yang sedia ada ialah di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran iaitu di bawah veteran ATM atau JHEV singkatannya, tujuannya memberi bantuan kepada veteran dengan dibantu oleh persatuan-persatuan veteran yang sedia ada yang berdaftar di bawah Akta Veteran 2012.

Salah satu hala tuju dalam pelan strategi Kementerian Pertahanan 2016 memberi tumpuan kepada kebajikan anggota dan veteran ATM yang telah banyak menyumbang bakti dan melakukan pengorbanan besar untuk negara. Jadi cadangan Yang Berhormat itu walau bagaimanapun saya akan bawa untuk perbincangan kerana cadangan ini baik kerana ia melibatkan golongan pemimpin yang lain dan bukanlah pimpinan selain daripada veteran dan juga yang JHEV dan sebagainya.

■1140

Jadi kita boleh beri penekanan yang lebih. Kadang-kadang ada juga ahli-ahli veteran kita seperti Yang Berhormat Senator Tan Sri Anwar pun tahu ada sesetengahnya mereka ini tidak menganggotai mana-mana persatuan. Jadi ini kita boleh beri tumpuan khusus kepada mereka yang tidak menganggotai persatuan. Jadi cadangan ini kita akan ambil perhatian Yang Berhormat. Terima kasih.

Antara pendekatan yang digunakan ialah majlis dan sesi pertemuan dengan Menteri dan Timbalan Menteri dengan bertujuan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh golongan ini secara *first hand* dan seterusnya menyelesaikannya. Saya selalu turun bersama-sama dengan PVATM dan juga JHEV untuk bertemu dengan anggota-anggota kita di akar umbi.

Di bawah Akta Veteran 2012 memastikan Veteran ATM diurus secara lebih tertib dan profesional, membolehkan Majlis Veteran Kebangsaan ditubuhkan. Ia berfungsi sebagai salah satu mekanisme baru untuk merumuskan dasar-dasar dan pelan tindakan. Dalam aspek pemberian bantuan kebajikan, kerajaan tanpa mengira fahaman politik akan memilih mereka tidak kira pemain politik dan sebagainya sama ada mereka dalam persatuan atau tidak. Ini semua kita mempunyai garis panduan dan sekiranya mereka layak, mereka akan dapat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu kedua ialah cadangan untuk melaraskan pencen kepada pesara yang telah lama pencen dan pemberian elaun bulanan kepada pesara yang tidak berpencen seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B). Pihak kementerian sentiasa prihatin atas nasib veteran ATM. Namun cadangan ini juga dilaksanakan untuk memberi implikasi kewangan yang besar kepada negara.

Untuk menyelaraskan pencen akan melibatkan bukan sahaja pesara tentera tetapi ia melibatkan pesara-pesara di sektor awam. Bagi cadangan pemberian elaun atau elaun bulanan kepada veteran yang tidak berpencen dan mungkin boleh diberi selepas mereka berumur 60 tahun. Suka saya jelaskan di sini bahawa terma dan syarat-syarat perkhidmatan angkatan tentera secara jelas telah menetapkan bahawa kelayakan seseorang anggota lain-lain pangkat untuk menerima pencen perkhidmatan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 21 tahun perkhidmatan.

Angkatan tentera tidak menghalang mana-mana anggota yang ingin menamatkan perkhidmatannya sebelum 21 tahun. Jadi kita tidak halang. Maknanya mereka boleh teruskan atau ini ialah pilihan mereka sendiri. Pemberhentian ini berdasarkan kepada permohonan anggota itu sendiri dan ia memenuhi implikasi dan kepada mereka. Jadi sebelum berhenti kita biasanya kita akan panggil nasihat dan memberi sama ada mereka hendak berhenti atau tidak. Jadi kalau mereka hendak berhenti itulah pilihan mereka. Walau bagaimanapun kita tidak melepaskan mereka begitu sahaja. Kita ada program-program untuk membantu mereka selepas mereka bersara.

Sebagai makluman, sebelum permohonan pemberitahuan diluluskan, ATM melalui perkhidmatan masing-masing akan menemu duga dan menasihatkan golongan ini berkaitan dengan kelulusan sekiranya menamatkan perkhidmatannya lebih awal. Melalui polisi dan syarat-syarat perkhidmatan ATM, kerajaan tidak berhasrat untuk memberi pencen perkhidmatan kepada bekas tentera yang menamatkan perkhidmatan kurang daripada 21 tahun dan apabila mereka mencecah kepada umur 60 tahun.

Isu yang ketiga ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Beliau tidak ada dalam Dewan ini, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Isu yang keempat yang saya ingin sentuh ialah mengenai usaha Kementerian Pertahanan dalam meningkatkan pengambilan bilangan anggota ATM seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

Pengambilan baru anggota ATM berasaskan kepada unjuran guna tenaga bagi setiap sesuatu tahun. Bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2015 sambutan untuk memasuki perkhidmatan ATM amat menggalakkan. Berdasarkan kepada kehadiran pemohon-pemohon ke pusat-pusat pemilihan berdasarkan tempoh berkenaan, peratusan permohonan bagi tahun 2014 telah meningkat sebanyak 3 peratus berbanding dengan 2013 dan 12.6 peratus pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014. Ini menunjukkan masa ini, kerjaya sebagai anggota ATM amat menarik minat golongan remaja. Berdasarkan kepada sambutan ini, kita terpaksa pilih yang terbaik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang ini mulai 1 Julai 2016 kenaikan pangkatnya tidak seperti dahulu. Kita berdasarkan kepada *time based*. Jadi ini bergantung kepada perkhidmatan. Jadi kalau dia Prebet, dalam masa lima tahun dia akan naik kepada Lans Koperal, daripada gaji RM1,500 terus naik kepada RM1,700 dalam masa lima tahun. Selepas itu dalam masa tiga tahun pula mengikut *time based*, ia akan naik kepada Koperal dan dia akan mendapat RM2,200. Kalau gaji Koperal sekarang ini untuk tentera sebanyak RM4,800. Jadi sekarang ini dulu-dulu kita sampai pencen baru koperal sahaja atau lans koperal. Akan tetapi sekarang ini dalam masa lapan tahun mereka sudah mendapat sehingga Koperal dan gaji, pendapatan ialah RM4,000 lebih dan ini tidak masuk COLA dan sebagainya. Jadi sebab itu kita tengok sekarang ini sudah ramai di kalangan orang muda telah memilih untuk memasuki angkatan tentera.

Isu yang kelima ialah turut disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman ialah berkaitan usaha yang dilakukan oleh kementerian dalam pembekalan aset dan latihan yang mencukupi kepada anggota-anggota ATM. ATM sentiasa fokus kepada keutamaan yang tinggi bagi menjamin keselamatan negara. Justeru, usaha-usaha membekalkan peralatan dan aset serta latihan kepada ATM, hala tuju kementerian untuk memastikan kedaulatan dan kemakmuran negara terpelihara.

Peningkatan pembangunan, keupayaan ATM adalah menyeluruh dengan mengambil pendekatan berasaskan keupayaan yang dikenal pasti sebagai pelan 4D MAF. Pilihan ini garis panduan untuk membangunkan dalam tempoh jangka panjang selaras dengan dasar pertahanan negara. Perolehan aset berdasarkan *priority asset* setiap perkhidmatan dan jenis ancaman yang dihadapi.

Daripada aspek latihan, setiap kursus yang dilaksanakan telah melalui proses perancangan yang rapi dan pelaksanaannya sentiasa ditambah baik berpandukan kepada maklumat maklum balas peserta dan perkhidmatan melalui audit dalaman dan luaran.

Jumlah dan jenis latihan yang dirancang berdasarkan kepada keperluan untuk mengekalkan kompetensi bagi mendukung keperluan operasi. Antara latihan yang dilaksanakan seperti kursus kerjaya dan kemahiran, latihan individu, latihan berkumpulan, latihan bersama, latihan dua hala dan latihan pelbagai hala. Seperti aset sekarang ini macam yang kita tengok di Sabah, kita sekarang ini memerlukan macam kita *upgrade* kita punya *hawk* sekarang ini. Oleh sebab itu kita mendapat empat buah *Blackhawk* dari Brunei dan akan dilengkapi dengan *gatling gun*. Kita telah menambahkan anggota di sana.

■1150

Selain daripada itu, sebuah batalion telah kita tempatkan di Lahad Datu dan sebagainya. Ini semua usaha yang kita buat. Walaupun dalam keadaan kekangan ini tapi masih kita dapat melaksanakan dengan mengoptimumkan kita punya perbelanjaan. Kalau kita tengok baru-baru ini, kita telah beli aset-aset yang diperlukan yang kita buat baru ini ujian di Johor iaitu *Star Trek* dan sebagainya. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak baik tetapi soal keselamatan ini kita tidak akan kompromi. Jadi ini kita akan menentukan aset-aset yang perlu sahaja kita beli.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keenam iaitu yang terakhir. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Lucas bin Umbul bertanya berkenaan dengan konsep *eyes in the sky* dan *joint patrolling* dalam menjaga keselamatan Pantai Timur atau di Sabah.

Konsep *eyes in the sky* dan *joint patrolling* usaha atau idea daripada Menteri Pertahanan sendiri kerana kita telah melaksanakan di *Straits of Malacca* dan ia amat berkesan. Sekarang ini dicadangkan untuk diperluaskan ke Sabah kerana akhir-akhir ini kita tengok banyak berlaku penculikan bukan sahaja melibatkan warganegara kita, tapi yang baru-baru ini, dua kejadian, dua dari Indonesia iaitu bot dagang dari Indonesia telah dirompak oleh lanun di kawasan Laut Sulu iaitu berada dalam perairan *Philippine* dan kita juga telah terlibat dalam satu rombongan dan juga pelanunan di situ. Jadi, kerjasama antara Malaysia, *Philippine*, Indonesia dan Brunei juga amat perlu. Jadi, sekarang ini sedang diusahakan oleh Malaysia dan kita harap usaha ini akan dapat direalisasikan apabila rundingan oleh negara-negara yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi...

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): [Bangun]

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Ya, sila.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang kelompok veteran yang tidak berpencen. Apa yang saya bangkitkan satu cadangan di mana untuk menanda aras apa yang telah dilaksanakan di beberapa buah negara iaitu mereka ini apabila sampai umur 65 tahun akan diberi pengiktirafan atau pun satu elaun sara hidup kerana apabila berumur 65 tahun, kebanyakan daripada mereka yang tidak berpencen berada dalam keadaan yang tidak dapat lagi menyara hidup. Jadi, kelompok inilah yang saya cadangkan untuk kementerian lihat kepada mereka dalam golongan atau pun kelompok yang tidak lagi dapat menyara hidup. Jadi, bukan menuntut pencen kerana mereka telah mengikut terma dan kondisi apabila tamat perkhidmatan mereka memang tidak berpencen.

Jadi, kita tidak boleh gunakan pencen. So, saya cadangkan supaya kita lihat kepada golongan ini dan kita beri seumpama elaun sara hidup untuk bulanan. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun sebagai Presiden di VAT ATM, jadi saya ingat perkara ini kita boleh rundingkanlah. Sebenarnya banyak perkara yang telah kita ambil tindakan.

Umpamanya baru-baru ini ialah berkenaan dengan IMAS. Dahulu sebelum ini pesara atau veteran Angkatan Tentera, mereka mempunyai masalah apabila hendak mengambil ubat dan sebagainya. Sekarang ini mereka hanya dapat ambil *prescription* daripada doktor dan mereka boleh pergi ke 1,100 buah farmasi di seluruh negara. Mereka boleh ambil apa sahaja, ubat kah, peralatan dan sebagainya dan syarikat yang berkenaan akan *claim*.

Kadang-kadang ada sesetengah veteran sebelum ini mereka tidak mempunyai wang untuk membeli ubat dan sebagainya. Sekarang dengan adanya *prescription* daripada doktor sahaja, mereka sudah boleh ambil ubat, boleh ambil peralatan yang diperlukan oleh mereka ini. Ini adalah antara usaha-usaha yang telah kerajaan buat untuk menjaga kepentingan veteran ini.

Jadi, saya rasa benda yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri itu, saya rasa Yang Berhormat Tan Sri, *insya-Allah*, kita akan lihat dan mengambil perhatian.

Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan juga teguran kepada Kementerian Pertahanan dan kita amatlah hargai dan *insya-Allah*, segala apa yang telah dicadangkan termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dilaksanakan sekarang ini, kita akan ambil perhatian untuk dilaksanakan pada masa-masa yang akan datang. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah sedikit boleh kah?

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Yang Berhormat, saya persilakan giliran Kementerian Kewangan.

11.56 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Tital Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kewangan amat sangat dihargai.

Saya akan mula menjawab satu persatu sebahagian daripada persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin meminta pertimbangan untuk menaikkan harga jualan RON97 ke tambahan 10 sen seliter bagi menampung kos pengangkutan yang ditanggung oleh pemilik stesen minyak di Sabah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penetapan harga runcit RON97 ini dilaksanakan mengikut harga pasaran semasa menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) sejak Julai 2010.

Melalui mekanisme ini, tiada elemen subsidi dalam penetapan harga petrol RON97 memandangkan ia produk yang dianggap sebagai produk premium.

Daripada segi kos pengangkutan, ia telah diambil kira sebagai salah satu komponen dalam kita menetapkan harga RON97 di seluruh negara. Dengan itu, cadangan untuk memberi subsidi tambahan 10 sen seliter untuk menanggung kos RON97 ini di Sabah, ia tidak dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Kedua, soalan dari Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga iaitu meminta supaya penerangan yang lanjut diberikan kepada orang awam mengenai cara dan teknik mengesan penipuan peniaga dalam mengenakan pembayaran GST.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mana-mana peniaga tidak boleh mengutip GST sekiranya mereka ini tidak berdaftar. Apabila mereka berdaftar, dia mesti ada nombor *registration, registration number of GST*. Kalau dia tidak ada *registration number of GST*, dia tidak dibenarkan untuk kutip GST. So, kalau mana-mana pengguna yang membeli barang dikenakan GST tetapi dia tidak ada *number registration*, maka adalah salah dan boleh buat aduan kepada pihak Kastam untuk kita mengambil tindakan.

Di samping itu, kita juga perlu mengetahui bahawa jenis-jenis barang dan juga perkhidmatan yang dikenakan GST dan yang tidak dikenakan GST iaitu apa produk-produk yang dikenakan GST sifar, yang tidak ada GST dan GST *exempted*. Dalam soal ini, Kastam telah menumpukan banyak program untuk memastikan penduduk-penduduk atau rakyat mengetahui produk-produk yang dikenakan GST dan yang tidak dikenakan GST melalui kempen-kempen mengenai GST kepada orang awam melalui media cetak, majalah, surat khabar, *handbook* elektronik, televisyen, radio dan sebagainya. Kita juga boleh berhubung secara terus kepada pihak Kastam sekiranya kita tidak berapa pasti sama ada produk itu dikenakan GST atau tidak.

■1200

Ketiga, kita juga menggalakkan pengguna-pengguna setiap kali membeli barang meminta resit kerana resit ini sangat penting. Kalau ada peniaga-peniaga yang sengaja mengenakan kita GST kepada barang-barang yang sepatutnya GST sifar ataupun *exempt* GST kita boleh ambil tindakan, pihak Kastam boleh ambil tindakan kepada peniaga-peniaga ini.

Soalan seterusnya ialah Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat mencadangkan agar pelaksanaan GST dihapuskan atau kadar GST sebanyak 6 peratus dikurangkan kepada 3 peratus bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sewaktu kerajaan membuat keputusan untuk menukar sistem SST kepada GST ini, kita telah mengambil kira kedudukan SST berapa *tax* yang dikenakan. Kemudian kita juga mengambil kira GST yang dikenakan oleh negara-negara jiran kita.

Saya bagi contoh kalau kita tengok di Filipina *for example*, rakyat mereka dikenakan GST 12 peratus; Indonesia - 10 peratus; Vietnam - 10 peratus; Cambodia - 10 peratus; Laos - 10 peratus; Thailand - 7 peratus; Singapura - 7 peratus; dan Malaysia kita mengenakan 6 peratus. Kalau kita bandingkan cara kita mengimplementasikan GST ini ialah kalau kita tengok negara-negara yang saya sebutkan tadi itu semua produk ada GST. Akan tetapi kita terdapat banyak produk yang kita *exempt*kan daripada GST.

Contoh barang-barang keperluan asas untuk penduduk-penduduk berpendapatan rendah seperti beras, minyak, gula, tepung, sayur, ikan dan sebagainya. Juga banyak lagi barang-barang yang menjadi kemestian kepada mereka yang berpendapatan rendah kita *exempt*kan daripada ataupun kita sifarkan GST kepada produk-produk tersebut. Termasuklah pada bajet yang baru ini Oktober 2016, kita juga telah *include* 8,630 jenama ubat semua kita tidak kenakan GST. Susu bayi dan macam-macam lagi yang telah diminta oleh pemimpin-pemimpin dalam menyuarakan sewaktu kerajaan menyusun Bajet 2016 yang lalu.

Di samping itu Yang Berhormat juga mencadangkan agar senarai barangan yang dikecualikan GST ditambah. Pihak kerajaan bersedia untuk melihat apakah senarai-senarai produk yang masih Yang Berhormat perlu untuk kita pertimbangkan.

Akan tetapi pada pokok pangkalnya *basis* cadangan untuk tidak mengenakan GST ataupun mengenakan GST sifar kepada sesuatu produk ini bergantung kepada sama ada dia menjadi keperluan asasi rakyat. Kalau dia hanya untuk keperluan industri selalunya kita tidak akan bagi GST sifar.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid mencadangkan agar pelaksanaan GST diperkasakan dan memperbanyakkan lagi sektor dikenakan. Kita akan melihat semua ini.

Kedua, hasil kutipan GST ini hendaklah disalurkan kepada rakyat untuk pembangunan dan kemudahan rakyat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, GST ini sebenarnya semua kutipan GST yang kita kutip dimasukkan dalam akaun yang disatukan. Daripada akaun disatukan ini kita agihkan kepada dalam perbelanjaan bajet kita termasuklah perbelanjaan daripada segi keselamatan, pembayaran pentadbiran kerajaan negeri dan juga soal-soal membangunkan ekonomi negara. Jadi dia semuanya termasuk dalam akaun disatukan dan tidak diasingkan daripada akaun-akaun lain.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan mohon pengecualian GST untuk orang kurang upaya (OKU) perlu tunjukkan kad OKU sebelum layak diberikan pengecualian GST. Saya pada dasarnya memang saya bersetuju bahawa orang-orang OKU ini sebenarnya kalau boleh kita kecualikan. Akan tetapi oleh sebab kita mempunyai masalah daripada segi penguatkuasaan, kita tidak mahu kalau ada orang yang ada kad OKU kemudian orang lain *take advantage* guna kad dia beli selagi ada barang dekat *market* untuk dia lari daripada GST dengan menggunakan kad OKU.

Jadi oleh itu kerajaan telah buat sistem di mana kita merasakan lebih baik kita bagi *direct* sumbangan kepada OKU ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal, eKasih dan bantuan-bantuan *one-off*. Juga untuk peralatan kita juga benarkan OKU ini sekiranya mereka ini boleh menggunakan persatuan-persatuan mereka untuk mendapat *one-off exemption* daripada pihak Kastam untuk membeli peralatan-peralatan yang boleh membantu untuk kehidupan mereka.

Soalan seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Isu penguatkuasaan GST yang masih lemah yang mengakibatkan rakyat marah kepada kerajaan. Saya tidak nafikan bahawa sewaktu kita mula-mula buat sistem GST ini kita dapati memanglah banyak terdapat salah faham di antara masyarakat di luar sana dengan juga pihak kerajaan. Ini adalah kerana banyak faktor yang sebahagian besar daripadanya adalah kesempatan yang telah diambil oleh peniaga-peniaga. Oleh sebab itu banyak penguatkuasaan telah dijalankan oleh pihak KPDNKK dalam mengatasi perkara ini.

Dalam tempoh 11 bulan pelaksanaan GST iaitu daripada 1 April 2015 hingga 29 Februari 2016 sebanyak 1,190 kes telah disiasat oleh KPDNKK yang melibatkan kesalahan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16 kes telah dibawa ke Mahkamah Sesyen. Kesemua kesalahan tersebut telah selesai dan telah melibatkan denda yang berjumlah RM125,000.

Sehingga 29 Februari juga sebanyak 200 Kertas Siasatan telah dibuka oleh KPDNKK bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu 140 buah Kertas Siasatan di bawah seksyen 14(1), kerana mencatut, 53 Kertas Siasatan di bawah seksyen 21(5) kerana enggan atau gagal memberi makluman balas kepada notis yang dikeluarkan dan tujuh Kertas Siasatan di bawah seksyen 53 kerana tidak menyimpan rekod perniagaan. Kesemua ini tindakan-tindakan kita bagi memastikan bahawa semua peniaga kena mengikut ataupun undang-undang GST ini supaya pihak masyarakat di luar sana tidak tertipu dengan proses implementasi GST ini.

Soalan seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff memohon ditambahkan barangan sifar GST seperti berikut. Susu, lampin, farmaseutikal dan juga *top-up Touch'nGo*.

Susu itu kita sudah bagi, bajet yang lepas bahawa kita dahulu mula-mula masa buat GST kita buat cuma bayi yang berumur 12 bulan ke bawah. Kerajaan telah meningkatkan hingga ke-36 bulan ke bawah iaitu tiga tahun.

Untuk lampin pakai buang bayi dan wanita ini, produk ini memang ada SST 10 peratus, tetapi bila kita buat *implementation of GST, tax* ini sudah kurang daripada 10 peratus kepada 6 peratus jadi buat masa ini kerajaan belum lagi buat keputusan untuk memberi sifar GST kepada produk ini. Kemudian *top-up Touch'nGo*. *Top-up Touch'nGo* ini memang tidak ada GST. Apabila kita hendak *top-up* kita punya *Touch'nGo* memang tidak dikenakan GST. Akan tetapi selepas kita ada *top-up* tersebut apabila kita menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti tol, tol tidak ada kena GST. Akan tetapi kalau kita gunakan untuk *parking*, pergi kepada *shopping mall* kita pakai untuk buat *parking*, yang itu kalau kita bayar *parking* RM1 dia ada GST enam sen. Itu kita tolak GST tetapi hendak *top-up* tidak ada.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong. Syarikat milik bangsa Siam tidak dapat mendaftar sebagai syarikat bertaraf bumiputera. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tidak mendaftarkan syarikat berdasarkan bangsa. Akan tetapi sebaliknya pendaftaran dibuat berdasarkan struktur ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera. Bagi tujuan pendaftaran syarikat bekalan dan perkhidmatan di bawah Kementerian Kewangan pemilik syarikat termasuk Melayu, Siam, bumiputera Sabah dan Sarawak boleh memohon taraf bumiputera tertakluk kepada syarat-syarat memenuhi sekurang-kurangnya 51 peratus kawalan oleh bumiputera seperti berikut iaitu:

- (i) pemilikan saham syarikat dimiliki oleh bumiputera, Lembaga Pengarah mestilah sekurang-kurangnya 51 peratus;
- (ii) jawatan Ketua Eksekutif Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dalam jawatan penting hendaklah dipegang oleh bumiputera;
- (iii) pekerja syarikat hendaklah terdiri daripada bumiputera 51 peratus;
- (iv) pengurusan kewangannya hendaklah dikuasakan oleh bumiputera dan seterusnya; dan
- (v) cara organisasi atau fungsi pengurusan syarikat mestilah menunjukkan bahawa ada penguasaan sepenuhnya oleh bumiputera.

■1210

Seterusnya, Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin, berapakah jumlah RTC ataupun UTC seluruh negara dan mencadangkan diwujudkan RTC, UTC di Setiu, Kemaman dan Hulu Terengganu? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Program Pusat Transformasi Bandar atau *Urban Transformation Centre* (UTC) merupakan satu inisiatif di bawah Strategik Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang bertujuan membawa perkhidmatan kepada rakyat dan memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Sehingga kini, terdapat 14 UTC yang telah beroperasi sejak penubuhan UTC yang pertama pada tahun 2012 iaitu bermula dengan UTC Melaka, diikuti dengan UTC Kuala Lumpur, seterusnya UTC Perak, Kedah, Pahang, Sentul, Sabah, UTC Johor, UTC Sarawak, UTC Keramat, UTC Sungai Petani, UTC Labuan, UTC Miri dan juga UTC Sibul.

Selain daripada itu, terdapat juga tiga buah UTC yang sedang dalam proses penubuhan iaitu UTC Kelantan, UTC Tawau dan UTC Terengganu. Manakala tiga buah UTC lagi yang akan dibina dalam tahun ini juga iaitu UTC Keningau, Perlis dan Negeri Sembilan. Pewujudan UTC ini telah berjaya memberi faedah dan impak yang amat besar kepada komuniti bandar di negeri-negeri tersebut. Perkara ini dapat diterjemahkan melalui jumlah pengunjung di UTC pada tahun 2015, di mana seramai 11.4 juta orang rakyat yang mendapat faedah daripada perkhidmatan yang ditawarkan di UTC tersebut.

Selain itu sejak UTC dibuka di Melaka pada Jun 2016, UTC Malaysia telah memberi perkhidmatan kepada lebih 27.5 juta orang rakyat.

Satu statistik menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan dengan penubuhan UTC, rakyat terutama di kawasan bandar yang terlibat dalam menikmati pelbagai perkhidmatan terutama kerajaan tanpa mengira masa. UTC mempunyai ciri yang unik, satu-satunya model yang terbaik di dunia. Perkara ini telah diakui oleh Bank Dunia yang melawat UTC pada Jun 2015 yang lalu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bagi Pusat Transformasi Bandar atau RTC, ia adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walau bagaimanapun, sedikit maklumat mengenai RTC adalah seperti berikut. Sehingga kini, sebanyak lapan buah RTC telah diwujudkan di seluruh negara iaitu RTC Perak di Gopeng, RTC Kelantan di Tunjung, RTC Pahang di Pekan, RTC Johor di Kulai Jaya, RTC Kedah di Napoh, RTC Terengganu di Bandar Al Muktafi Billah Shah, Sarawak di Miri dan juga Melaka di Sungai Rambai.

Soalan seterusnya, mengenai hutang negara. Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit mohon maklumat mengenai status jumlah hutang negara, perincian hutang mengikut sektor dan analisa perbandingan dengan negara-negara lain. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Malaysia dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana dengan paras hutang Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK kekal terurus pada tahap 54.5 peratus ataupun RM630.5 bilion pada akhir Disember 2015.

Daripada Jumlah berkenaan, 96.6 peratus atau RM609.1 bilion hutang domestik, sementara bakinya RM21.5 bilion atau 3.4 peratus merupakan pinjaman luar pesisir. Paras 54.5 peratus tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding negara keberhutangan tinggi seperti Jepun 245.9 peratus KDNK, Greece 197 peratus, Itali 133.1 peratus dan Amerika Syarikat 104.9 peratus. Jika dibandingkan dengan negara ASEAN pula, tahap hutang Singapura adalah pada paras 98.7 peratus, Thailand 43.5 peratus, Korea Selatan 38.2 peratus dan Indonesia 26.5 peratus.

Untuk soalan seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, mengenai sistem perolehan kerajaan. Soalan iaitu isu integriti, ketirisan pegawai awam, mampukah standard operator prosedur untuk luluskan sesuatu projek, berapa syiling projek yang boleh diluluskan oleh pegawai awam dan oleh Yang Berhormat Menteri? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua perolehan secara tender hendaklah dipertimbangkan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan Agensi atau kementerian tersebut.

Kementerian Kewangan telah menurunkan kuasa kepada kementerian atau agensi untuk menimbang dan meluluskan sesuatu tender seperti berikut. Bagi tender kerja RM100 juta ke bawah, dia boleh dibuat di peringkat kementerian tersebut. Bagi tender bekalan ataupun perkhidmatan RM50 juta ke bawah, boleh dibuat di kementerian tersebut. Akan tetapi bagi tender yang melebihi nilai yang saya sebutkan tadi, hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.

Tender terbuka, soalan daripada Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim juga ada mengatakan bahawa mengapa tender didominasi oleh orang yang sama. Bagaimana kerajaan menangani atau mengawal situasi monopoli ini agar pengurusan tender lebih adil dan tidak dimonopoli oleh sesetengah pihak. Beliau bertanya bagaimana usaha kerajaan untuk menangani persepsi negatif ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk, tender terbuka dipelawa dan dinilai berdasarkan pada penilaian teknikal dan kewangan bagi mendapat nilai faedah terbaik kepada kerajaan.

Pada masa yang sama, sebarang keputusan tender akan dipaparkan di laman sesawang MyProcurement bagi tujuan ketulusan. Jadi di peringkat MoF, kita tidak benarkan kalau katakan sesuatu projek yang kita tender ada lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh buah syarikat yang masuk tetapi tauke semua sama, tidak boleh sebab kita tidak akan benarkan. Akan tetapi isu Yang Berhormat Datuk ini, saya faham iaitu orang yang masuk tender ini *the main player* cuma satu tetapi dia pergi guna lesen orang lain.

Jadi kita yang bertanggungjawab, yang ada lesen, kalau kita kenal pasti, kita buat laporan dan kita boleh pastikan bahawa lesen ini dibatalkan supaya dia tidak ada lesen lagi dia hendak pinjam.

Jadi, perbuatan ini dia kena dua hala, dia tidak boleh sahaja kerajaan. Fasal kita kalau hendak *disqualified* orang, kita kena ada fakta. Kalau tidak ada fakta, kita tidak boleh *disqualified*. Nanti dia *sue* pula kerajaan, kenapa kita dikeluarkan daripada proses tender ini kerana semata-mata saya dimaklumkan oleh si anu dan si anu bahawa dia ini tidak buat kerja. Jadi, proses ini kena betul. Jadi kalau sekiranya ada maklumat-maklumat yang sah, kita akan keluarkan dia daripada sistem tender ini, dia tidak boleh *participate*. Akan tetapi saya faham, sistem ini dia melibatkan *collaboration* di antara pemilik-pemilik lesen iaitu di luar bidang kuasa kerajaan. Akan tetapi walau bagaimanapun, MoF pastikan bahawa sebarang tender yang kita bawa, kita masukkan, kita *make sure fulfillment of the technical requirement* dan juga kewangan. Itu kita akan pastikan.

Seterusnya, Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Pemberian *direct award* kepada syarikat-syarikat antarabangsa dalam projek tender kerajaan yang akan menjejaskan perkembangan syarikat tempatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dasar semasa menetapkan agensi hendaklah menggunakan kepada semua kementerian yang boleh *decide* 100 ke bawah ini dan juga 50 ke bawah bahagian pembekalan, dasar semasa menetapkan agensi hendaklah menggunakan bekalan perkhidmatan tempatan sekiranya boleh diperolehi secara tempatan.

Dia tidak boleh pakai syarikat-syarikat luar negara. Pemilihan syarikat-syarikat asing hanya dibenarkan sekiranya bekalan dan perkhidmatan tersebut tidak boleh diperolehi secara tempatan. MoF sentiasa memastikan benda ini tidak berlaku. Kalau ada terlepas pandang di pihak kementerian, sila maklumkan kepada MoF. *Insyallah* kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

■1220

Soalan seterusnya daripada Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad menyatakan MoF bertanggungjawab ke atas MAS atas tindakan Christoph Mueller, CEO MAS yang berhasrat untuk meninggalkan MAS pada September 2016. Jadi, soalan ini saya tidak berapa *clear* tetapi saya hendak bagi penjelasan sedikit lah. Christoph Mueller ini, memang lah kita ambil dia dahulu masa waktu kita buat *plan* pemulihan MAS yang dilancarkan oleh Khazanah Nasional Berhad pada 29 Ogos 2014, menggariskan dua belas bidang tumpuan untuk utama bersekitar tadbir dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta mengawal seliaan dan persekitaran, membolehkan MAS beroperasi semula dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memulihkan kembali syarikat penerbangan MAS.

Waktu kita ambil dahulu, kita sains kontrak dengan CEO ini tiga tahun, jadi sekarang ini dia sudah hendak letak jawatan dan alasan yang diberi adalah kerana atas alasan peribadi. Jadi, peribadi ini saya ingat saya tidak payah hendak bercakap dalam Dewan ini. Akan tetapi kalau orang sudah tidak mahu bekerja, jadi tidak guna kita paksa. Saya percaya bahawa Lembaga Pengarah MAS dan juga Khazanah sedang meneliti isu ini dan sedang mencari CEO baru. Saya telah juga sarankan kepada Pengarah Urusan Khazanah untuk kita melihat semula selepas kita buat *restructuring* MAS ini, akta pun ada, semua sudah *start* baru, jadi kalau boleh, kalau ada *talent* dalam negara, kita pakai *talent* dalam negara.

So, buat masa ini, jawatan Ketua Pegawai Operasi MAB ini dipegang oleh seorang juga bukan warganegara, Peter Bellew. Telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dan dia mengambil alih jawatan ini sehinggalah September 2016. Kita harap pihak Khazanah dan juga pihak MAS akan dapat mencari pengganti CEO MAS ini. Seterusnya, saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis soalan saya. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat .

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada soalan baru Yang Berhormat. Silakan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma sedikit sahaja saya hendak tanya pandangan dan pendapat Yang Berhormat Menteri. Apa yang kita difahamkan, susu dari satu hingga tiga tahun ini, susu-susu ini tidak diminum oleh bayi-bayi yang berusia tiga tahun ke atas.

Sedangkan yang tiga tahun ke atas susu bayi ini lah yang dapat GST. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, bayi yang seusia tiga tahun ke atas, dia tidak minum susu ibu sudah. Dari satu sampai dua tahun dia banyak minum susu ibu. Jadi, saya hendak minta dan bagi pandangan kepada Menteri supaya susu bayi 3 tahun ke 6 tahun ini juga tidak dikenakan GST. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum Yang Berhormat. Kalau kita tengok soal GST terhadap susu yang melebihi tiga tahun ini, kalau dahulu mula-mula kita buat dahulu kita buat 0-12 bulan ke bawah, kemudian bajet yang selepas ini kita naikkan sampai tiga puluh enam ke bawah. Masalah isu dia ialah kita membuat sesuatu keputusan ini berdasarkan kepada *reference* kepada Kementerian Kesihatan. Kalau dia katakan bahawa yang ini *unnecessary*, jadi kita akan pertimbangkan.

Akan tetapi setakat hari ini yang dia katakan susu yang *necessary* untuk budak-budak minum ini tiga tahun ke bawah, sebab itu kita masuk. Selepas daripada tiga tahun itu, dia banyak jenis susu yang dia berbentuk komersial, ada juga susu-susu yang bentuk komersial dijual kepada dewasa, kepada remaja. Jadi, itu sudah terlampau komersial dia punya itu, jadi tidak di *zoom in*. *Zoom in* ini adalah untuk *specific target group*. Jadi, kalau katakan nanti Kementerian Kesihatan boleh beritahu kita golongan *group* mana yang perlukan susu dalam kategori apa, mungkin ia ada spesifik kategori daripada umur 4 tahun ke-6 tahun contoh, spesifik apa jenis susu tersebut.

Jadi, kemungkinan besar Kementerian Kewangan boleh melihat benda itu dan kita mungkin boleh bagi. Akan tetapi kalau hendak bagi *wide* susu ini, ia termasuk susu hendak campur, susu buat *Nescafe* tarik pun, itu tidak boleh. Jadi, pasaran di luar sana komersial, jadi itu isu kita. Akan tetapi yang tiga tahun ke bawah itu senang kita masukkan tetapi kalau ada kriteria mungkin Kementerian Kewangan boleh pertimbangkan. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, begitulah bunyinya jawapan daripada Kementerian Kewangan dan sekarang saya persilakan Kementerian Pengangkutan pula.

12.26 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada sepuluh orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2016 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap Kementerian ini.

Bagi menjawab isu-isu dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan isu Lapangan Terbang. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah membangkitkan mengenai status bayaran pampasan tanah dan juga tender bagi projek bagi menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Kerja-kerja menaik taraf ini meliputi memanjangkan landasan, pembesaran *main parking apron* dan *passenger loading bridge*. Walau bagaimanapun, kerajaan akan menjalankan satu kajian kemungkinan ataupun *feasibility study* terlebih dahulu bagi memastikan cadangan projek ini menepati keperluannya. Dalam hubungan ini, juru perunding untuk menjalankan kajian tersebut dijangka akan dilantik pada Julai 2016 dan kajian akan dimulakan pada bulan Ogos 2016, tempoh kajian adalah selama tiga bulan, maka maknanya, proses tender ini belum dimulakan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian telah mencadangkan pihak kementerian untuk mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah operasi MASwings. Seperti penerbangan yang di tunda dan masalah penambahan penumpang yang tidak selari dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Menjawab isu yang dibangkitkan, Kementerian Pengangkutan menyedari akan peningkatan penumpang yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan MASwings, serta isu berhubung penundaan penerbangan oleh syarikat penerbangan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengangkutan kini sedang menjalankan kajian semula ke atas perkhidmatan udara luar bandar ataupun, dengan izin, *rural air service* (RAS) di Sabah dan Sarawak dengan tujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan tersebut kepada penduduk setempat. Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan juga sering mengadakan perbincangan secara berterusan dengan syarikat MASwings untuk menangani isu penerbangan yang ditunda yang berpunca daripada masalah teknikal pesawat.

Dalam hal ini, syarikat MASwings telah mengambil tindakan dengan menubuhkan satu pasukan yang bertujuan untuk memulihkan operasinya kembali sekiranya masalah tersebut berlaku. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus telah mencadangkan supaya pihak MASwings memberikan diskaun 40 peratus hingga 50 peratus kepada bagi penerbangan Kota Kinabalu-Labuan, selari dengan jarak dan tempoh perjalanan yang pendek.

Untuk makluman Yang Berhormat Berhormat Senator, kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

■1230

Harga siling tersebut berada antara lingkungan 19 peratus sehingga 49 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran yang ditawarkan. Perkara ini juga terpakai terhadap kadar tambang yang dikenakan bagi laluan Kota Kinabalu-Labuan yang juga merupakan salah sebuah laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Sekiranya pihak MASwings memberikan diskaun 40 peratus hingga 50 peratus bagi penerbangan Kota Kinabalu-Labuan, dikhawatiri laluan tersebut akan mengalami lebih banyak kerugian berikutan siling sedia ada yang rendah dan kerajaan terpaksa menanggung lebih banyak subsidi bagi menampung kerugian tersebut.

Kerajaan sentiasa prihatin dalam membantu meringankan beban pengguna perkhidmatan RAS di Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, semasa pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan RAS di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada bayaran GST. Jadi, ini bermula pada 1 Januari pada tahun ini.

Dalam pada itu, sebagai langkah penambahbaikan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings, kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi ke atas Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) secara menyeluruh termasuk penetapan kadar tambang bagi perkhidmatan tersebut. Rasionalisasi tersebut dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2017.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai keputusan Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang menghentikan penerbangan terus antarabangsa ke bandar-bandar utama dunia seperti Paris, Stockholm, New York dan Los Angeles dan seterusnya memohon penjelasan sama ada MAB perlu membayar kos atau caj yang tinggi sekiranya ingin mendapatkan semula slot untuk mendarat di lapangan terbang antarabangsa bagi destinasi yang telah dihentikan penerbangan terus tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa menggalakkan penerbangan Syarikat Penerbangan Malaysia seperti Malaysia Airlines untuk mengekalkan perkhidmatan penerbangan ke destinasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, disebabkan kerugian yang tinggi dicatatkan dalam menyediakan perkhidmatan penerbangan ke destinasi-destinasi seperti Paris, Stockholm, New York dan Los Angeles ini telah menyebabkan Malaysia Airlines terpaksa membatalkan perkhidmatan penerbangan tersebut.

Tindakan Malaysia Airlines membatalkan beberapa buah laluan penerbangan ke beberapa buah destinasi antarabangsa merupakan satu keputusan komersial ataupun, dengan izin, *commercial decision* syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan pada *commercial viability* sesuatu laluan. Menjadi dasar kerajaan untuk menghormati keputusan yang dibuat oleh syarikat-syarikat penerbangan untuk merasionalisasikan laluan penerbangan yang dibuat atas keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut.

Bagi maksud mendapatkan slot pendaratan di mana-mana lapangan terbang antarabangsa, MAB perlu membuat permohonan slot dengan penyelarar slot di lapangan terbang tersebut. Penyelarar slot akan membuat pertimbangan atas permintaan MAB iaitu Malaysia Airlines Berhad berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini, penyelarar slot akan membuat keputusan untuk memberi, menolak atau mencadangkan slot yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, permohonan untuk mendapatkan slot di lapangan terbang tidak melibatkan sebarang kos kepada syarikat penerbangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How juga telah membangkitkan mengenai keperluan koordinasi antara Kementerian Pengangkutan dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi mengatur jadual penerbangan syarikat-syarikat penerbangan supaya frekuensi penerbangan ke destinasi yang sama oleh syarikat-syarikat penerbangan tidak terlalu dekat. Sehubungan itu, syarikat-syarikat penerbangan tempatan menggunakan kaedah *market demand analysis* untuk penjadualan dan penempatan penetapan bilangan laluan penerbangan. Melalui kaedah ini, syarikat penerbangan dapat mengenal pasti permintaan trafik penerbangan dengan mengambil kira laluan *point to point* dan *end beyond traffic* yang menguntungkan bagi mendapatkan dan mengisi jadual penerbangan domestik dan antarabangsa syarikatnya.

Secara amnya, mekanisme tersebut turut mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan pesawat, permintaan trafik dan *commercial viability* sesuatu laluan. Syarikat-syarikat penerbangan negara perlu memfailkan semua permohonan untuk mengadakan penerbangan kepada pihak berkuasa penerbangan Malaysia iaitu Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) untuk kelulusan. Dalam hubungan ini, pemfailan tersebut dilakukan berasaskan *market demand analysis* yang telah mengambil kira keperluan dan kepentingan pengguna agar tidak berlaku pertindihan jadual penerbangan antara syarikat-syarikat penerbangan tempatan.

Jadual-jadual penerbangan domestik yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan negara telah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) jadual penerbangan domestik disusun berdasarkan kepada permintaan penumpang yang tinggi pada masa tersebut biarpun terdapat slot masa lain yang kosong tetapi slot tersebut tidak dipilih kerana tidak dapat menarik jumlah penumpang yang tinggi dan akan menyebabkan kerugian kepada syarikat penerbangan sekiranya penerbangan diadakan;
- (ii) jadual penerbangan sedia ada juga disusun untuk membolehkan *connectivity* ke laluan-laluan antarabangsa yang lain diadakan; dan,
- (iii) jadual penerbangan sedia ada disusun bagi membolehkan penggunaan maksimum kapasiti kapal terbang bagi satu-satu laluan.

Penerbangan pada masa yang sama oleh syarikat-syarikat penerbangan akan memberikan lebih banyak pilihan kepada penumpang-penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu pengangkutan darat. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin telah membangkitkan mengenai pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) dan mata demerit iaitu Sistem KEJARA. Kementerian Pengangkutan amat menghargai sokongan dan saranan Yang Berhormat Senator terhadap pelaksanaan AES dan mata demerit dalam usaha menangani keselamatan jalan raya. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan meneruskan dan memperluaskan pelaksanaan AES dari semasa ke semasa dengan diberi penjenamaan semula kepada *Awareness Automated Safety System*, singkatannya AWAS.

Pemasangan kamera AWAS akan dilakukan di lokasi-lokasi kritikal iaitu *accident prone area* dan kawasan berisiko tinggi yang dikenal pasti dan ditentu sahkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalanraya Malaysia (MIROS). Selain itu, pandangan dan saranan orang ramai di peringkat akar umbi akan diambil kira dalam menentukan lokasi pemasangan kamera sebagai satu langkah *engagement* kerajaan untuk melibatkan orang ramai dengan usaha mempertingkatkan aspek keselamatan jalan raya.

Dalam masa yang sama sebagai usaha untuk meningkatkan lagi elemen keberkesanan penguatkuasaan, pelaksanaan AWAS akan dikuatkuasakan serentak dengan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya atau Sistem KEJARA. Pelaksanaan bertujuan untuk memastikan pengguna jalan raya agar tidak mengulangi kesalahan lalu lintas dan berupaya mengubah tingkah laku ke arah pemantauan yang berhemah dan mengutamakan budaya *safety first*.

■1240

Seterusnya Yang Berhormat Senator Ng Chiang Chin juga telah mencadangkan supaya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mempertingkatkan lagi sistem latihan dan pendidikan keselamatan jalan raya yang sedia ada pada tahap permulaan dengan kerjasama dengan institut memandu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pelan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) 2014 hingga 2020 menyasarkan pengurangan 50 peratus kadar kematian menjelang 2020. Salah satu inisiatif di bawah PKJR ini ataupun Pelan Keselamatan Jalan Raya ini pelaksanaan sukatan baru Kokurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) berteraskan hasil pembelajaran bertujuan menghasilkan generasi baru memandu yang lebih kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah. KPP ini dibangunkan berdasarkan piawaian antarabangsa iaitu dengan mempertingkatkan dan memberi tumpuan khusus kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang mengutamakan keselamatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem KPP yang baru ini telah kita mulai pada Julai 2014. Selain itu, Sistem Ujian Kompetensi juga menetapkan pencapaian kelulusan berdasarkan aras pendidikan iaitu aras aplikasi untuk ujian teori, aras mekanisme untuk kemahiran dan aras menghargai nilai murni untuk pembentukan sikap yang mengutamakan keselamatan. Langkah ini adalah bagi memastikan calon menguasai dan mengintegrasikan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap sebagai hasil latihan pemanduan berhemah di samping menerapkan budaya *safety first* dalam diri pemandu.

Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin juga telah mencadangkan supaya JPJ memberi perhatian yang lebih dalam mengesan perkembangan memandu kelulusan pemandu 'L' yang masih dalam tempoh pemantauan. Berhubung isu ini, Akta Pengangkutan Jalan 1987, "*Seseorang calon memandu yang telah lulus ujian teori akan dikeluarkan lesen 'L' ataupun lesen belajar memandu*".

Sekiranya pemegang lesen 'L' tersebut lulus ujian 'berkompeten' yang ditetapkan, lesen memandu percubaan, lesen 'P' akan dikeluarkan bagi kelas atau kelas-kelas lesen yang diuji dan perlu memegang lesen P untuk tempoh selama dua tahun. Selepas tempoh dua tahun, lesen 'P' tamat tempoh, pemegang lesen adalah layak untuk menukar kepada lesen memandu dari lesen memandu 'P' kepada lesen memandu kompeten ataupun CDL, singkatan dari *Competence Driving License*.

Walau bagaimanapun, mana-mana pemohon yang memohon lesen CDL setelah lesen 'P' tamat tempoh disyaratkan untuk tidak mempunyai rekod kesalahan di bawah Sistem KEJARA. Mereka yang mempunyai rekod KEJARA akan disekat permohonannya untuk mendapatkan lesen CDL dan pemohon perlu menjalani ujian semula selepas tempoh pembatalan lesen selesai iaitu 12 bulan selepas pembatalan.

Oleh itu bagi meningkatkan lagi pengawalseliaan ke atas pemegang lesen 'P' dan CDL, kerajaan bercadang untuk menambah baik Sistem KEJARA ke arah memupuk sikap dan budaya keselamatan jalan raya yang lebih baik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid telah membangkitkan mengenai status pelaksanaan VEP ataupun *vehicle entry permit*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan sistem caj jalan ataupun *road charge* dan sistem permit masuk kenderaan asing atau *vehicle entry permit* (VEP) dengan fasa pertama melibatkan sempadan Johor-Singapura iaitu di Tambak Johor dan link kedua.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua sistem ini adalah bertujuan untuk mendaftar dan merekodkan keluar masuk kenderaan asing serta kutipan RC sebanyak RM20 bagi setiap kemasukan kenderaan asing. Medium kawalan selia ke atas kenderaan asing yang tinggal melebihi masa dalam usaha untuk menangani isu kenderaan klon. Maksudnya kedua-dua sistem...

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Mohon penjelasan. Saya ada membangkitkan bila hendak dilaksanakan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Dijangka pada 1 Jun tahun ini, maksudnya lebih kurang dalam masa dua bulan, 1 Jun. Jadi tujuan sistem ini adalah mendaftar, merekodkan keluar masuk kenderaan asing dengan kutipan sebanyak RM20 bagi setiap kemasukan kenderaan asing. Medium mengawal selia ke atas kenderaan-kenderaan asing yang tinggal melebihi masa dalam usaha untuk menangani isu-isu kenderaan klon. Banyak kenderaan dari Singapura telah diklonkan di Malaysia sebab itu kadang-kadang terdapat dua buah kereta dengan *plat number* yang sama. Seterusnya memantapkan elemen penguatkuasaan kesalahan trafik terhadap kenderaan asing dengan mengenakan halangan ketika keluar bagi kenderaan yang mempunyai rekod saman yang belum diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun membuat perolehan terhadap sistem *road charges* ini dan VEP. Buat masa ini kerja-kerja pembangunan sistem dan infrastruktur termasuk pemasangan perkakasan di Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar Johor Bahru sedang giat dijalankan. Pelaksanaan sistem RC dan VEP yang mengambil tempoh yang lama ini adalah kerana melibatkan pengintegrasian sistem agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pembangunan sistem yang agak kompleks di kedua-dua CIQ serta memastikan isu-isu pelaksanaan yang berbangkit ditangani terlebih dahulu selain aspek perundangan disahkan teratur sebelum sistem ini dapat dikuatkuasakan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit dalam perbahasan telah mencadangkan supaya pihak kerajaan melalui agensi-agensinya kerajaan termasuklah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan seperti JPJ, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia iaitu MIROS dapat mencari formula supaya dapat mengurangkan kemalangan jalan raya yang melibatkan lori yang mengangkut bahan berbahaya seperti kimia, bahan petroleum ataupun gas.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam aspek pengangkutan barangan berbahaya, pihak kementerian telah menambah baik peraturan sedia ada dengan mewartakan ketetapan yang baru, lebih menyeluruh. Ketetapan baru ini berkaitan dengan pembinaan dan penggunaan bagi sesebuah kenderaan yang membawa barangan berbahaya berdasarkan ketetapan di bawah peraturan *United Nations* (UNR-105) yang berkaitan *constructional features of dangerous goods vehicle*.

Peraturan baru melibatkan pengangkutan barangan berbahaya tersebut telah diwartakan dan akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2017, setahun lagilah secara berperingkat.

Peraturan baru ini telah dirangka berdasarkan kepada skop dan tanggungjawab JPJ serta maklum balas daripada pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan supaya peraturan tersebut selaras dengan peraturan sedia ada agensi-agensi lain dan sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Antara agensi yang terlibat dengan penggubalan peraturan baru tersebut adalah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Alam Sekitar.

■1250

Bagi memastikan semua pihak terutamanya syarikat pengangkutan darat dapat memahami dengan jelas dan bersedia terhadap pematuhan kepada peraturan baru ini, JPJ telah mengadakan sesi konsultasi secara berterusan dengan pihak-pihak yang berkaitan. Di samping itu juga, pihak JPJ sentiasa meneliti dan mengemas kini polisi sedia ada yang berkaitan dengan pengangkutan muatan yang lain khususnya bahan galian mineral serta muatan kargo bersaiz besar dan berat supaya seiring dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi pengangkutan semasa.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad telah membangkitkan mengenai penggunaan *retread tyres* ataupun tayar celup yang banyak di pasaran yang mengakibatkan berlakunya kemalangan jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penggunaan tayar celup yang mematuhi peraturan *United Nations* dan *Malaysian Standard* adalah selamat dan dibenarkan untuk digunakan. Pelaksanaan pematuhan standard melibatkan tayar celup tersebut telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010 melalui Prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ dan pemeriksaan kenderaan oleh pihak Puspakom.

Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan tayar celup yang digunakan oleh kenderaan perdagangan mematuhi standard yang ditetapkan. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak serpihan tayar yang pelbagai saiz telah bertaburan atas permukaan jalan raya, namun begitu hanya sebahagian kecil sahaja melibatkan serpihan daripada tayar celup, manakala selebihnya serpihan daripada tayar pneumatik yang digunakan oleh kenderaan berat atau objek yang keras yang lain. Keadaan ini berlaku adalah berpunca daripada kaedah penggunaan dan penyelenggaraan tayar serta kenderaan yang tidak dilakukan dengan baik dan teratur oleh pemilik atau pemandu kenderaan berat berkenaan.

Berdasarkan penelitian oleh pihak JPJ dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) terhadap sampel serpihan tayar yang bertaburan di atas jalan raya, punca utama kegagalan pada tayar yang menyebabkan tayar akan meletup adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kenderaan membawa muatan secara berlebihan- *overloading*;
- (ii) sistem penyelenggaraan dan pemantauan tayar yang lemah oleh pemilik dan pemandu kenderaan, dan
- (iii) penggunaan tayar yang tidak mematuhi standard.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan telah membangkitkan mengenai pelekat kenderaan bagi golongan orang kurang upaya atau OKU, yang banyak dijual dan telah disalahgunakan oleh orang ramai. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelekat kenderaan khas OKU diedarkan secara percuma di pejabat-pejabat JPJ negeri dan cawangan di seluruh negara mulai Mei 2014. Pelekat ini hanya diedarkan kepada OKU fizikal yang memandu dan memiliki kenderaan yang telah diubahsuai serta mendapat kebenaran JPJ.

Pelekat ini berfungsi sebagai tanda pengenalan kepada kenderaan dan memudahkan OKU fizikal mendapatkan tempat letak kereta kenderaan yang dikhaskan kepada OKU. Pengeluaran pelekat kenderaan khas OKU oleh JPJ memerlukan pemohon atau wakil untuk hadir ke pejabat JPJ negeri atau cawangan bagi tujuan pendaftaran dengan membawa bersama kad pengenalan, lesen memandu dan kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. JPJ berhak untuk menolak permohonan yang dikemukakan dan jika dirasakan tidak menepati garis panduan yang telah disediakan. Setiap pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh JPJ mempunyai nombor siri sebagai salah satu bentuk kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar kabotaj. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul telah membangkitkan mengenai dasar kabotaj. Untuk makluman, seperti yang pernah diperjelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini bahawa Dasar Kabotaj tidak menghalang kapal-kapal asing untuk mengunjungi mana-mana pelabuhan di Malaysia untuk mengangkut terus kargo-kargo eksport ataupun import. Dengan demikian, dakwaan untuk kapal-kapal asing perlu melalui Pelabuhan Klang terlebih dahulu adalah tidak benar...

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tan Sri, saya minta maaf kepada Yang Berhormat kerana saya dah minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk balik kerana Setiausaha saya meninggal dan dia dikebumikan lepas Zuhur kerana nampak Yang Berhormat Menteri jawab panjang lagi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tak, sekejap sahaja lagi.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ya?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Lagi seminit.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Seminit? Saya takut tak sempat nanti. Saya hendak tanya balik yang *airport* Melaka tadi, saya ingat hendak tunggu akhir. Saya harap akan jadi ya supaya jangan tak jadi sebab sekarang ini hujung bulan Jun, Guangdong beberapa *plane* akan datang secara *chartered* dan juga kapal terbang dari Indonesia juga akan datang. Satu lagi, *airport* Melaka ini boleh jadi *airport* pilihan kerana masa saya balik dulu dari Jepun, turun KL dia jerebu kuat jadi kapal terbang pergi ke Penang lepas itu berhenti satu jam, naik balik, balik semula ke Kuala Lumpur. Kalau Melaka ada, maka ia boleh menjadi lapangan terbang pilihan sekiranya berlaku kecemasan.

Akhirnya, saya hendak ucapkan tahniahlah Tuan Yang di-Pertua kerana BN telah menang dua kerusi tanpa bertanding di Pilihan raya Kecil Negeri Sarawak [*Tepuk*] Satu, Datuk Amar Awang Tengah, DUN Bukit Sari dan yang kedua, YB. Dr. Abdul Rahman Ismail, DUN Bukit Kota dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah berkhidmat dengan baik dan cemerlangnya sepanjang tempoh dua penggal [*Tepuk*] Mudah-mudahan Tan Sri terus sihat, panjang umur, murah rezeki dan kita akan jumpa lagi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Insya-Allah* mengenai *airport* Melaka, kajian *feasibility* itu sedang dan akan dilaksanakan. *Insya-Allah* dapat keputusan seberapa yang cepat untuk kebaikan pembangunan di *Airport* Melaka.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat, ketidakseimbangan perdagangan juga menyumbangkan kepada peningkatan harga barang. Kajian tersebut mendapati kos perkapalan hanya menyumbang 6 peratus hingga 8 peratus daripada kos keseluruhan sesuatu produk. Untuk makluman, kerajaan juga telah dan sedang mengambil beberapa langkah proaktif dalam mengurangkan jurang kos sara hidup rakyat Sabah, Sarawak dan Labuan. Antara langkah terkini dalam RMKe-11 telah meluluskan peruntukan bagi pembesaran Pelabuhan Sepanggar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan. Saya hendak tanya Menteri sama ada persoalan yang saya bangkit dalam perbincangan saya, dalam perbahasan saya tempoh hari ada sebut tak tadi ataupun saya *lost*, saya tertinggal. Saya dalam perbahasan saya, ada dua perkara yang saya bangkitkan. Yang pertamanya sikap *driver* teksi, Tan Sri pun mungkin ingat. Yang keduanya tentang teksi sapu profesional, *GrabCar* dan *Uber Car*. Yang itu saya rasa belum ada penjelasan lagi. Terima kasih Tan Sri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, teksi ini di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu SPAD. Jadi, *insya-Allah* pihak Jabatan Perdana Menteri akan menjawab.

Seterusnya bagi pihak kementerian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan khususnya kepada Tan Sri Yang di-Pertua yang telah dapat menjalankan tugas amanah sepanjang tugas sebagai Yang di-Pertua. Saya wakil pihak kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan saya bagi warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited bagi memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mapan dan mesra pengguna di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Kebetulan Yang Berhormat itu habis pun tepat jam satu dan saya harap agaknya wakil Kementerian Kesihatan tadi dia lupa, harap agak dia sempat datanglah jam 2.30 nanti. Kalau tidak saya hendak beri laluan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Saya harap Yang Berhormat semua, ini hari terakhir saya, saya tak suka hendak tegur yang bukan-bukanlah. Saya hendak tegur baik sahaja hari ini. Walau bagaimanapun, saya berharap sungguh-sungguhlah semoga Yang Berhormat semua akan maju jaya dan kalau terus saya akan bersara dan saya akan terus memberi kerjasama kalau sekiranya diperlukan, *insya-Allah*.

Sekian, kita tangguhkan persidangan kita ke jam 2.30 petang. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak sambung terus kepada nombor empat, Kementerian Kesihatan. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan penggulungan ini saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak Timbalan Menteri KKLW untuk mengalu-alukan Pengerusi dan Setiausaha JKPPK Parlimen Machang ke Dewan ini *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan kesihatan di Malaysia. Sebelum saya meneruskan penggulungan, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa memandang serius dan komited terhadap isu kesihatan yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini demi kebajikan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif meminta Menteri Kesihatan menetapkan prosedur di hospital swasta supaya rawatan diberikan terlebih dahulu dalam situasi kecemasan sebelum lain-lain keperluan seperti soal bayaran dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa hospital swasta wajib memberikan perkhidmatan rawatan kecemasan yang sewajarnya kepada pesakit dan memastikan pesakit adalah stabil sebelum meminta dan mengenakan sebarang bayaran. Ini Tuan Yang di-Pertua termaktub dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan Peraturan 2006.

Tuan Yang di-Pertua, setelah memberi rawatan dan keadaan menjadi stabil barulah pihak hospital berbincang tentang tindakan susulan kepada pesakit tersebut, menerangkan tentang keadaan beliau ataupun kepada keluarganya tentang apa-apa rawatan ataupun pemeriksaan makmal yang perlu dijalankan dan apakah tindakan rawatan selanjutnya. Bermakna selepas pesakit menjadi stabil. Jika ada pelanggaran, pelanggaran maksudnya pihak hospital swasta tidak mahu menerima, tidak mahu memberi rawatan kecemasan kepada pesakit maka pihak pesakit ataupun keluarga boleh mengemukakan aduan kepada kementerian melalui alamat ckaps@moh.gov.my. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang sudah ada kes-kes yang telah pun lesen mereka ditarik balik kerana kesalahan ini. Telah pun berlaku di Pahang, Kedah dan juga di Kelantan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat meminta supaya Kementerian Kesihatan menyatakan, daripada segi statistik sehingga bulan April, berapakah kes denggi yang telah direkodkan dan berapa yang terlibat dengan kematian? Apakah tindakan kepada mereka yang cuai dalam menjaga kesihatan ini? Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bermula dari Januari sehingga 24 April 2016 sebanyak jumlah kumulatif kes denggi dilaporkan 42,682 kes berbanding dengan 38,517 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan sebanyak 10.8 peratus. Manakala jumlah kematian denggi sebanyak 94 kes kematian berbanding 120 kes kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Menunjukkan pengurangan sebanyak 26 kes kematian ataupun pengurangan 21.7 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian mengambil tindakan ke atas mereka yang cuai dan setakat rekod yang ada Tuan Yang di-Pertua, daripada Januari sehingga 29 Februari 2016, bilangan premis yang telah diperiksa ialah 939,249. Bilangan kompaun yang dikeluarkan ialah 3,260, bilangan kompaun yang dikeluarkan ialah 1,630,000 kes. Jumlah kes yang dibawa ke mahkamah 353 dan nilai denda daripada kes-kes mahkamah tersebut sebanyak RM237,100 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, soalan selanjutnya Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh mencelah, minta mencelah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri kerana memberi peluang saya mencelah. Saya sebelum alih dari denggi ini, nampaknya masalah denggi ini makin bertambah setiap tahun. Kita buat kompaun, kita bawa mereka ini ke mahkamah. Dalam pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini mencukupi? Oleh sebab saya fikir salah satu masalah yang kita tidak dapat kurangkan denggi ini ialah kerjasama daripada rakyat kita sendiri. Kalaulah tindakan mahkamah dan juga kompaun ini tidak mencukupi, saya berpendapat bahawa tindakan yang lebih serius diambil untuk mencegah denggi ini dengan boleh jadi kompaunnya dipertingkatkan dan sebagainya supaya rakyat tahu bahawa menjadi tugas kita sebagai rakyat untuk mengurangkan penyakit denggi ini. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim tentang masalah kerjasama daripada rakyat Malaysia dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana memang sebenarnya usaha daripada kementerian sahaja ataupun usaha daripada Kementerian Kesihatan dan juga agensi-agensi lain termasuk kementerian-kementerian lain tidak mencukupi. Akan tetapi mestilah kita mendapat kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. Selalu saya tekankan tentang perkara ini dalam surat khabar, TV dan sebagainya tentang peranan yang patut dimainkan oleh setiap individu atau setiap isi rumah.

■1440

Mereka hanya perlu meluangkan masa 10 minit tiap-tiap seminggu. Seminggu sekali 10 minit sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk memeriksa dalam rumah dan luar rumah dan juga di sekeliling kawasan, memastikan tidak ada tempat-tempat takungan yang boleh membiakkan nyamuk. Ini kalau boleh dijalankan memang kita akan dapat mengurangkan kes-kes denggi dengan begitu cepat, Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini, untuk makluman, bulan Januari yang lepas, tahun ini, setiap minggu kita merekodkan kes denggi sebanyak 3,500 kes seminggu tetapi sehingga sekarang ia semakin menurun. Mungkin akibat daripada cuaca panas, tempat pembiakan sudah kurang. Jadi, kes sudah menurun. Setakat minggu lepas, kes yang di rekodkan ialah sebanyak 1,607 kes bagi seluruh Malaysia. Jadi, satu penurunan yang mendadak.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa kalau hujan semula, kita kena faham bahawa telur nyamuk ini, ia boleh tahan dalam keadaan kering selama enam bulan. Jadi, kalau hujan- macam sekarang sudah mula hujan, kita bimbang telur ini akan menetas dan akan menjadi larva dan akan menjadi nyamuk. Jadi, sebab itu kita kena sentiasa berwaspada dan kita pastikan kawasan rumah masing-masing bersih, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya. Sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mencelah. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya faham memang rakyat kena mengambil bahagian di dalam menguruskan hal denggi ini. Akan tetapi, kalau kita lihat di Kuala Lumpur ini sendiri, bangunan-bangunan kerajaan yang luas kawasannya juga salah satu penyebab kepada pertumbuhan denggi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga dengan padang-padang golf. Saya kebetulan mempunyai rumah di dalam padang golf dan padang golf ini juga kadang-kadang tidak ada penyelenggaraan yang baik. Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian membuat program bagi bangunan-bangunan yang besar termasuk sekolah dan sebagainya daripada segi pembersihan di kawasan-kawasan mereka ini juga? Soalan saya, tambahan sedikit Tuan Yang di-Pertua, adakah El Nino menyebabkan pembiakan denggi ini terencat sekejap Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. *Member* saya lama ini, dari *Penang* lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan berbagai-bagai kementerian termasuk KPKT dan semualah seperti Kementerian Pendidikan dan sebagainya untuk kita bersama-sama berusaha hendak membersihkan kawasan dan membanteras denggi ini. Memang ini kita lakukan dan baru-baru ini mulai 11 April yang lepas, selama dua bulan kita mengadakan program besar-besaran seluruh Malaysia. Memang ia mendapat sokongan daripada pelbagai pihak yang telah pun kita jemput, termasuk askar dan polis dan semua agensi yang lain seperti bomba dan sebagainya untuk kita sama-sama menjaga kebersihan, mencuci kawasan, kawasan lapang Tuan Yang di-Pertua yang ada sampah yang banyak. Ini yang boleh menyebabkan timbul masalah yang banyak di kawasan ataupun tempat-tempat takungan ini.

El Nino yang seperti saya sebut tadi, memang kita boleh kaitkan El Nino dengan penurunan kes-kes denggi ini kerana keadaan sudah kering, tempat pembiakan nyamuk sudah kering semua. Akan tetapi saya sebut sekali lagi bahawa telur nyamuk ini tahan sampai enam bulan tanpa air. Selepas itu, bila hujan semula, ada takungan air, ia boleh menetas semula. Ini yang kita bimbang, bila hujan semula, ia kemungkinan besar kes-kes denggi akan bertambah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan. Yang Berhormat Senator telah bertanya, memohon supaya Kementerian menambah bilangan pakar dalam semua bidang terutama penyakit autisme dan pakar yang berkaitan dengan kesihatan bersekutu. Mohon juga tambah bilangan pakar di kawasan luar bandar memandangkan kebanyakan pakar berada di dalam bandar. Mohon agar pusat-pusat rawatan autisme ditambah di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, KKM memang amat prihatin dan sentiasa memantapkan usaha bagi menambah bilangan pakar dalam semua bidang termasuklah dalam rawatan penyakit autisme sama ada di kawasan luar bandar ataupun dalam bandar. Antara usaha menambahkan bilangan pakar yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan perjawatan baru bagi pegawai pakar. Ini dalam keadaan sekarang, kita mewujudkan jawatan baru melalui cara tukar ganti, mengambil kira keperluan perkhidmatan dan *facilities* sedia ada serta tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan;
- (ii) peningkatan slot tajaan biasiswa, Hadiah Latihan Persekutuan untuk program Sarjana Kepakaran dari 800 slot bagi tahun sebelumnya kepada 1,000 slot mulai tahun 2015 dan menggalakkan pegawai perubatan untuk mendapatkan kepakaran mengikut program laluan *parallel*. Tuan Yang di-Pertua, ini kalau dia boleh pilih sama ada hendak buat kepakaran dengan universiti tempatan ataupun universiti luar negara. Meningkatkan bilangan biasiswa untuk keseluruhan bidang sub kepakaran daripada 35 biasiswa pada tahun 2002 kepada 150 semenjak tahun 2011 sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua;
- (iii) melantik semula pegawai perubatan pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan dan seterusnya, melantik semula secara kontrak pegawai perubatan pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM;
- (iv) mendapatkan perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara *sectional*; dan
- (v) menggalakkan pegawai perubatan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, bagi menambahkan bilangan golongan pakar khususnya di kawasan luar bandar termasuklah di Sabah dan Sarawak, pihak KKM telah pun memanjangkan tempoh khidmat penempatan pegawai perubatan pakar daripada enam bulan kepada minimum satu tahun. KKM juga sedang mengkaji beberapa lagi faedah dan bentuk elaun dan insentif untuk pegawai perubatan pakar yang bertugas di kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit autisme di kesan di peringkat kanak-kanak. Rawatan bagi pesakit autisme di hospital KKM diberikan oleh pakar dari pelbagai disiplin dan lain-lain anggota kesihatan bersekutu secara berpasukan ataupun *team approach* yang terdiri daripada pakar kanak-kanak, pakar psikiatri kanak-kanak, pegawai pemulihan perubatan ataupun cara kerja serta pegawai pemulihan perubatan pertuturan dan bahasa.

Sekarang ini terdapat tiga orang pakar kanak-kanak yang mempunyai pengkhususan dalam subkepakaran *developmental* pediatrik serta 19 orang pakar psikiatri kanak-kanak yang memberi rawatan daripada segi diagnosis serta pengurusan pesakit secara holistik. Penyakit autisme menerima rawatan intervensi di Klinik Kesihatan Kerajaan dan juga hospital kerajaan. Rawatan dan intervensi awal yang diberikan adalah seperti *speech language therapy*, *psychology intervention* dan *occupational therapy*. Buat masa sekarang, tidak ada pusat rawatan autisme yang khusus diwujudkan di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, orang Tanjong ini, minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan usia ambulan yang digunakan beroperasi dan berapakah kekerapan penyelenggaraan yang direkodkan bagi memastikan ambulan tersebut beroperasi dengan baik. Tambahan lagi, adakah ada peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usia kenderaan ambulan dibenarkan beroperasi mengikut polisi KKM tujuh tahun. Manakala kekerapan penyelenggaraan yang dilakukan adalah bergantung pada *mileage* kenderaan- *mileage* ambulan tersebut atau setiap tiga bulan sekali atau mana-mana yang terdahulu. Contohnya, ambulan jenis Toyota adalah pada mulanya 1,000 kilometer, selepas itu 5,000 kilometer, kemudian 10,000, 15,000 dan seterusnya.

■1450

Manakala ambulans jenis Iveco pada tahap siap 5,000, 10,000, 20,000 dan 30,000 dan seterusnya. Peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan adalah berdasarkan pada skop perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan iaitu di bawah program penswastaaan perkhidmatan sokongan hospital dan kontrak penyelenggaraan perkhidmatan sokongan klinik. Bagi hospital seluruh Malaysia, yuran perkhidmatan sokongan hospital adalah di bawah skop kejuruteraan fasiliti dikenakan kepada syarikat konsesi, Tuan Yang di-Pertua.

Manakala bagi klinik kesihatan pula, yuran perkhidmatan sokongan klinik adalah di bawah skop penyelenggaraan kejuruteraan yang dikenakan kepada syarikat yang dilantik oleh KKM Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, jumlah ambulans yang ada hampir 2,000 di seluruh Malaysia dan tahun 2016, kementerian akan membeli 150 buah lagi ambulans dan pada tahun 2017, kementerian akan beli 500 lagi Tuan Yang di-Pertua supaya kita boleh mengganti yang sudah lama dan sudah ada yang baru Tuan Yang di-Pertua.

Kosnya bukan rendah, tinggi juga, lebih daripada RM380,000 sebuah unit termasuk kereta, kenderaan dan juga perkakasan di dalam ambulans tersebut Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan daripada Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana memberi jawapan yang begitu mantap. Saya cuma ingin bertanya lebih sedikit. Saya difahamkan ada kes yang melibatkan seorang pesakit yang naik dalam ambulans dan disebabkan ketidakstabilan ambulans tersebut, pesakit itu jatuh. So saya *just* hendak *confirmation*, adakah benar perkara sedemikian pernah berlaku? Dan yang keduanya, ke manakah ambulans-ambulans ini dihantar untuk penyelenggaraan? Mengikut sesuatu tempat di sesuatu negerikah atau sebuah pusat yang dikhaskan untuk penyelenggaraan tersebut. Apa terjadi apabila setelah tujuh tahun itu, adakah dihapuskan atau bagaimana? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini orang Tanjong ini soalan. *Just specific*, ini soalan tentang kes yang jatuh ini adalah soalan spesifik, saya perlu sedikit maklumat dan kita boleh siasat. Tentang di mana kita hantar hendak *repair* ambulans ini, ini adalah di bawah bidang syarikat *concessionaire* Tuan Yang di-Pertua. Sama ada syarikat *concessionaire* hospital ataupun syarikat *concessionaire* klinik. Mereka yang bertanggungjawab dan merekalah yang *repair* ambulans tersebut.

Berkeanaan yang tujuh tahun ini, kadang-kadang kita pakai lebih daripada tujuh tahun Tuan Yang di-Pertua pasal hendak ganti lambat, kita terpaksa pakai juga, *repair*, pakai juga.

Kadang-kadang dia *slow* sikit tetapi itulah hakikat dia. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun kita cuba meningkatkan, menambahkan lagi jumlah ambulans yang baru menggantikan yang lama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar minta supaya Menteri Kesihatan menaikkan fasiliti Hospital Sultan Ahmad Shah yang terletak di Temerloh, Pahang memandangkan hospital tersebut kekurangan kemudahan seperti bilangan katil dan kemudahan-kemudahan lain. Adakah kementerian boleh menambah kemudahan prasarana di hospital tersebut? Dan mohon agar dana tambahan dapat disalurkan untuk menambah atau menaik taraf bangunan atau keperluan lain seperti kemudahan tempat letak kereta. Ini soalan yang amat spesifik pada Hospital Temerloh.

Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh, merupakan hospital berpakar *major* yang mempunyai bilangan katil sebanyak 550 dan kadar kemudahan katil sebanyak 82 peratus pada tahun 2014. Pada tahun ini kementerian akan menambahkan lagi 100 buah katil untuk hospital ini dan menjadikan jumlah katil sebanyak 650 Tuan Yang di-Pertua. Projek naik taraf kemudahan prasarana yang dilaksanakan pada tahun 2014 dan tahun 2015 adalah seperti:

- (i) menaik taraf bilik utiliti di Jabatan Bedah Mulut dan Pergigian Pediatrik;
- (ii) menaik taraf unit dialisis;
- (iii) membekal dan memasang tangki air jenis Holly Water Storage Tank; dan
- (iv) menaik taraf kaunter penerimaan sampel darah di Jabatan Patologi.

Antara langkah lain yang diambil oleh KKM bagi mengatasi masalah kekurangan katil dan kekurangan prasarana di hospital ini adalah dengan melaksanakan inisiatif *cluster* Tuan Yang di-Pertua, di mana kita ada kerjasama dan *networking* dibuat bersama dengan Hospital Jengka dan Jerantut dan ia merupakan hospital tanpa pakar. Ini bermaksud, ada kes yang dirujuk daripada Jengka ataupun di Jerantut ke Hospital Temerloh dan ada pula kes yang dirujuk dari Hospital Temerloh ke Jengka dan Jerantut kerana ada terutama kes-kes yang kronik.

Jadi kita rujuk untuk ke Jengka dan Jerantut dari Hospital Temerloh supaya dapat meluangkan *congestion* dengan izin Tuan Yang di-Pertua di Hospital Temerloh.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan bagi aset perubatan di Hospital Sultan Ahmad Shah ini untuk tahun 2014 dan tahun 2015. Ini meliputi penggantian peralatan yang telah lama dan penambahan peralatan yang diperlukan bagi menampung keperluan perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua. Senarai memang ada pada saya dan jenis-jenis kerja yang telah dijalankan Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas meminta Menteri Kesihatan supaya meletakkan syarat supaya semua rakyat asing yang ingin mendapat rawatan di hospital dan klinik kerajaan diwajibkan mempunyai perlindungan insurans perubatan terlebih dahulu. Ini Tuan Yang di-Pertua memang berlaku.

Pekerja-pekerja asing yang sah Tuan Yang di-Pertua diwajibkan mempunyai polisi insurans di bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA). Kebanyakan tunggakan bil rawatan hospital adalah disebabkan oleh warga negara asing yang tidak sah, PATI Tuan Yang di-Pertua.

Mereka ini datang dimasukkan ke wad, selepas itu dia hilang. Saya hendak sebut di sini tentang tunggakan. Tahun 2015, tunggakan dari warga asing ialah RM32.95 juta dan tunggakan daripada rakyat tempatan ialah RM10.84 juta.

Pada tahun 2016, bila Kementerian telah pun memulakan *hundred percent charge*, dulu kita ada diskaun, sekarang ini kita dikenakan *hundred percent charge* kepada warga asing, jumlah tunggakan daripada Mac sehingga sekarang sudah naik kepada RM19.8 juta untuk tiga bulan pertama. Bermakna, kalau kita buat unjuran, kalau empat kali, *four quartets* empat kali, jadi hampir-hampir RM80 juta akan tunggakan Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini *outpatient* yang kita caj, *outpatient* bagi warga asing kita caj RM40 sekali berjumpa doktorlah. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Noriah...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta, minta laluan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya hendak tahu, apa langkah-langkah kerajaan, langkah-langkah Kementerian khususnya untuk mengambil tindakan pasal PATI ini. Kalau kita tengok di sini, sebagai mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, PATI ini yang banyak lari, yang tak bayar bil, apa dan sebagainya. Jadi apa langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian untuk membendung perkara ini agar ia tidak berlarutan sampai bila-bila. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam amalan kita biasa tiap-tiap hari Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kesihatan dan juga pihak hospital swasta, bila pesakit datang dengan keadaan kecemasan, memang kita bagi rawatan dulu. Tidak kiralah keadaan apa pun, kita bagi rawatan dulu, selepas stabil, barulah kita bincang tentang fi. Bila dia dengar fi ini dia sudah lari. dia sudah pergi ke lain.

Bagi pendatang asing yang amalan kita biasa juga ialah bahawa bila pendatang asing datang ke hospital kita dan dapat rawatan dan dimasukkan ke wad, kita buat laporan terus kepada Imigresen. Biasanya juga mereka akan tiba-tiba hilang dan ini berlaku. Dalam hal ini Kementerian menulis surat kepada kedutaan masing-masing tetapi setakat ini tidak ada tindakan apa-apa pun daripada kedutaan masing-masing. Ini kerana mereka datang dengan cara tak sah, jadi pihak kedutaan masing-masing tidak *recognized* mereka. Jadi kita memang tak dapat bayaran apa-apa.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta Kementerian Kesihatan memberi penjelasan sama ada terdapat dasar kawalan harga ubat-ubatan dan apakah mekanisme yang telah dilaksanakan dan sekiranya ada, adakah pihak berkenaan akan dikenakan denda jika menjual ubat-ubatan dengan harga yang tinggi dan berapa ramaikah yang telah didakwa setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penjagaan kesihatan Malaysia sekarang ini kita ada beroperasi dua cara iaitu satu perkhidmatan kerajaan, satu lagi perkhidmatan swasta. Kerajaan memang kita subsidi semua sekalilah Tuan Yang di-Pertua, 100 peratus. Maka, tidak timbul masalah harga ubat. Akan tetapi yang menjadi masalah ialah di peringkat di pihak hospital pihak swasta. Buat masa ini belum ada dasar kawalan harga ubat-ubatan di negara ini dan harga ubat masih ditentukan oleh kuasa pasaran dan persaingan.

Walau bagaimanapun, harga perolehan ubat-ubatan oleh kerajaan di sektor awam dikawal secara tidak langsung melalui tatacara-tatacara dan arahan-arahan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Kajian KKM menunjukkan bahawa ubat-ubatan telah diperolehi secara efektif dan cekap. Pada masa ini, KKM telah pun menyediakan harga ubat panduan pengguna sebagai rujukan orang ramai bagi sebahagian jenis ubat dan boleh didapati di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi, www.farmasi.gov.my...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, habis sudah, sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Jadi makna dalam harga panduan Tuan Yang di-Pertua, makna Bahagian Perkhidmatan Farmasi telah pun berhubung dengan *supplier* ubat-ubat ini dan mereka mengeluarkan satu garis panduan tentang harga. Jadi setakat ini sudah ada 2,400 jenis ubat yang telah pun diberi panduan harga. Makna kita boleh kepada *website* ini dan mendapat tahu tentang harga yang sebenar ataupun harga yang *the current price*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerajaan dan KKM memang sedar akan masalah harga ubat mahal di sektor swasta, khususnya di klinik dan hospital swasta serta di kedai farmasi yang membebani rakyat pada waktu diperlukan.

Isu berkaitan kawalan harga ubatan ini juga merupakan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan Pelan Strategik KKM 2016- 2020. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, KKM kini sedang mengkaji kaedah atau mekanisme untuk melaksanakan kawalan harga bagi ubat-ubatan daripada segi perundangan bersama dengan KPDNKK yang mengawal harga barangan, termasuk ubat-ubatan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan agensi-agensi lain yang terlibat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Hilmi yang menjawab panjang lebar dan terang dan kita faham maksudnya. Rata-rata kita nampak Yang Berhormat ini mengharapkan satu ketika esok, Malaysia ini akan menjadi sifar denggi. Itulah, *insya-Allah* ya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri menjawab dengan baik dan tepat. Sekarang ini saya hendak pergi kepada nombor 5, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dipersilakan.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Y.M Engku Naimah binti Engku Taib, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul yang telah pun membangkitkan perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab kementerian ini sepanjang perbahasan Titah Diraja Dewan Negara, pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader telah pun meminta kementerian untuk memberi perhatian dalam membangunkan pakej pelancongan domestik serta bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi memberi pelepasan cukai kepada individu yang melancong di dalam negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui *Tourism Malaysia* telah pun membangunkan pakej-pakej percutian domestik yang telah pun merangkumi 41 segmen seperti *homestay*, ekopelancongan, pakej bulan madu, pakej perbasikal dan juga banyak lagi. Pakej-pakej ini ditawarkan oleh 204 orang pengusaha pelancongan di seluruh negara bagi menggalakkan lagi industri pelancongan domestik di negara kita. Pakej-pakej ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam risalah *Cuti-cuti 1Malaysia Dekat Je, 1001 Pakej.*

Kajian pelancongan domestik juga yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014 telah pun menunjukkan pelancongan domestik telah meningkat sebanyak 11.6 peratus iaitu daripada 60.7 juta orang berbanding pada 2013 iaitu sebanyak 54.4 juta orang pelancong.

Manakala jumlah perbelanjaan pelancong domestik juga telah meningkat kepada RM41.4 bilion pada tahun 2014, berbanding RM35.6 bilion pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 16.1 peratus. Purata tempoh penginapan bagi seseorang pelancong domestik juga telah meningkat daripada 2.56 malam ke 2.60 malam pada tahun 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, kementerian juga telah mendapat kelulusan pelanjutan bagi pemberian pengecualian cukai sehingga tahun taksiran 2018 bagi pengusaha pelancongan yang berjaya mengendalikan sekurang-sekurangnya 1,500 orang pelancong tempatan dalam setahun. Ini bagi menggalakkan lagi pengusaha-pengusaha pelancong tempatan untuk mempergiatkan lagi usaha mereka dalam memastikan kepentingan pelancongan domestik negara.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator supaya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini bekerjasama dengan pihak LHDN bagi membincangkan insentif pelepasan cukai kepada individu yang melancong di dalam negara, untuk makluman Yang Berhormat Senator, langkah ini telah pun dikenal pasti sebagai salah sebuah pelan tindakan kementerian melalui *Tourism Recovery Lab* yang telah pun kita adakan pada 29 September 2015 dan juga cadangan Makmal Pelancongan dan Kebudayaan 2.0 pada bulan April 2016. Kementerian akan mengambil tindakan susulan bagi membincangkan cadangan ini dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YBM Engku Naimah binti Engku Taib telah pun mengusulkan kepada pihak kementerian untuk memajukan lagi pakej pelancongan berkaitan dengan alam semula jadi dan memohon penjelasan berkenaan dengan langkah-langkah kementerian dalam pelancongan domestik, khususnya dalam negeri Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan kawasan ekopelancongan yang lebih lestari dan juga sistematik, kementerian telah pun merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 yang turut mengenal pasti tujuh kluster kawasan ekopelancongan yang berpotensi tinggi di negeri Terengganu. Antaranya kluster Setiu-Penarik, kluster Ajil-Kuala Berang dan Tasik Kenyir dan juga kluster Kampung Raja Besut-Pulau Perhentian dan Jerneh.

Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM19.1 juta untuk membangunkan sepuluh buah projek ekopelancongan di seluruh negara. Daripada jumlah RM19.1 juta itu, sebanyak RM5 juta telah pun diperuntukkan bagi membangunkan sebuah projek di negeri Terengganu sahaja iaitu bagi membina serta menyiapkan pelantar laluan di Pulau Perhentian, Kuala Besut, Terengganu.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga melalui *Tourism Malaysia* telah pun membangunkan pakej-pakej pelancongan alam semula jadi ataupun ekopelancongan bagi menarik para pelancong antarabangsa dan juga domestik, terutamanya ke taman-taman negara, taman-taman laut dan pulau-pulau di mana para pelancong boleh menghayati keindahan khazanah alam semula jadi serta menyertai dalam aktiviti penyelaman, *boat watching*, jelajah hutan ataupun pengembaraan ringan, *soft adventure* dan juga sebagainya.

Para pelancong juga boleh menginap di perkampungan *homestay* yang terletak di kawasan-kawasan alam semula jadi seperti di negeri Terengganu yang seperti ada di Dungun, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan juga sebahagiannya.

■1510

Tourism Malaysia juga telah pun mengadakan usaha-usaha mempromosikan pelancongan alam semula jadi seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Program Mega Fair dengan mempelawa pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa mengalami sendiri produk-produk pelancongan alam semula jadi dan merangka pakej-pakej dengan kerjasama pengusaha-pengusaha tempatan serta wakil-wakil media antarabangsa juga memberi sokongan pasaran dan juga publisiti kepada produk-produk ini.

Contohnya lawatan ke Royal Belum sempena Program Malaysia Mega Meet 2015 yang melibatkan seramai 119 wakil agensi pelancongan empat syarikat penerbangan dan 20 media daripada 39 buah negara;

- (ii) dengan penyertaan di pameran pelancong domestik seperti *Matta Fair* dan pameran antarabangsa di ITD Berlin, WTM London dan *Flight Center Travel Expo*, Australia; dan
- (iii) bagi segmen *bird watching* dan juga *adventure* pula, pihak Tourism Malaysia menyertai *Philippines Bird Festival*, *British Bird Watching Fair*, *ASEAN Bird Fest Singapore*, *Taipei International Bird Fair* dan *Adventure Travel Explore* dan juga seminar di Melbourne serta menganjurkan program-program yang melibatkan media tempatan bagi meningkatkan lagi publisiti di pasaran domestik seperti di Taman Negara Bird Count bersama media 2015.

Sebagai usaha untuk memajukan lagi sektor pelancongan domestik, khususnya di negeri Terengganu, pelbagai program promosi telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensi Tourism Malaysia. Antara program promosi yang dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertamanya, mempromosikan Terengganu semasa penyertaan *Tourism Malaysia* dalam pameran pelancongan *trade* dan *consumers* seperti karnival pelancongan belia, *MITA Tourism Fair* dan *Matta Fair* sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat nasional.

Keduanya, menganjurkan lawatan suai kenal, melibatkan penyertaan media dan juga agensi pelancongan terpilih untuk menyaksikan sendiri keunikan produk pelancongan negeri Terengganu.

Ketiga, mengadakan Seminar Pembangunan Pakej Interaktif pada bulan Februari 2015 bagi membantu pengusaha-pengusaha pelancong membangunkan pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik. Keempat, mempromosikan pakej-pakej pelancongan negeri Terengganu seperti *Terengganu Bike Ride*, pakej pulau dan juga pantai, *homestay*, pengembaraan alam semula jadi serta lain-lain. Kelima, menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong tempatan melalui 14 buah pejabat *Tourism Malaysia* negeri dan 21 buah pusat penerangan pelancongan di seluruh negara serta melalui laman sesawang *Tourism Malaysia*.

Bagi menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Terengganu pula, beberapa acara telah pun kita ketengahkan untuk pra-promosi Tahun Melawat Negeri Terengganu 2017, termasuk *Terengganu Food and Food Trail 2016* dan *Terengganu Islamic Tourism Trail 2016*. Tahun Melawat Terengganu 2017 juga telah pun kita promosikan di dua *travel Mart London* pada bulan November 2015. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Azizah binti Haji Aron telah meminta kementerian untuk menyatakan atas anjuran Pesta Pelancongan Domestik ataupun *Malaysia Inbound Tourism Association* ataupun lebih dikenali sebagai *MITA Fair* yang telah dilancarkan di KLCC pada 29 hingga 31 Januari yang mana Yang Berhormat juga telah mencadangkan kepada pihak kementerian.

Pertama, acara ini akan dianjurkan sebanyak dua kali setahun iaitu pada awal dan akhir tahun.

Kedua, cadangan beliau lebih membanyakkan lagi pakej pelancongan yang menarik dan berpatutan ditawarkan.

Ketiga, lokasi acara sebegini haruslah diadakan di tempat yang sesuai dengan kemudahan pengangkutan awam.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga turut melibatkan soalan yang sama berkenaan dengan penglibatan MITA. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklum balas yang telah kita terima daripada penganjur acara iaitu *MITA Fair*, iaitu *Malaysian Inbound Tourism Association*, jumlah pengunjung yang telah berkunjung pada 29 hingga 31 Januari yang lepas adalah seramai 12,508 orang dengan mencatatkan hasil jualan pakej sebanyak RM1.65 juta.

Berhubungan dengan cadangan supaya acara ini diadakan dua kali setahun serta cadangan pemilihan lokasi acara, perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan pihak penganjur. Kita amat mengalu-alukan serta menghargai cadangan Yang Berhormat Senator bagi memajukan sektor pelancongan domestik. Oleh sebab saya juga sempat hadir pada *MITA Fair* tersebut dan saya melihat sendiri bahawa tarikan akan lebih menarik sekiranya mereka juga memilih *venue* ataupun tempat yang lain disebabkan oleh kemudahan kenderaan tempatan.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga mengenai kos penganjuran *MITA Fair*, ia dianjurkan dan dibiayai sepenuhnya oleh *Malaysia Inbound Tourism Association* iaitu MITA. Kementerian membantu pihak penganjur untuk meningkatkan kesedaran mengenai penganjuran acara ini daripada segi promosi dan publisiti bagi menarik lebih ramai lagi pengunjung ke *MITA Fair* ini.

Pihak kementerian mengambil maklum atas saranan Yang Berhormat Senator dan ingin memaklumkan bahawa *MITA Fair* yang telah dianjurkan pada Januari 2016 telah menarik penyertaan sebanyak 40 orang pengusaha hotel, *resort* dan kementerian boleh menggalakkan pengusaha-pengusaha *homestay* serta lebih banyak lagi pengusaha hotel untuk menyertai pameran sedemikian sekiranya ia diadakan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain telah meminta kementerian apakah perancangan seterusnya yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan kesinambungan seni silat sebagai seni mempertahankan diri rasmi negara Malaysia sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 September 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum Seni Silat diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seni mempertahankan diri rasmi negara pada 18 September 2015, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun mengisytiharkan seni persilatan Melayu sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2007 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645. Kementerian ini menyediakan platform bagi persatuan-persatuan silat untuk melibatkan diri dalam program-program utama seperti acara perasmian, pertunjukan dan persembahan poket.

Pada bulan Ogos 2016 akan datang ini kementerian melalui Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka akan menganjurkan Program Pengembangan Silat iaitu Kem Warisan Silat Waja Diri 2016 yang akan memberikan fokus kepada generasi muda sebagai penyambung warisan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara juga telah mengadakan program seperti berikut:

- (i) melalui Kelab Tunas Seni Cemerlang sekolah rendah (KTSC) yang telah melibatkan 363 orang pelajar; dan
- (ii) melalui Kelab Giat Seni Cemerlang (KGSC) bagi sekolah menengah yang melibatkan pelajar berjumlah 448 orang pelajar.

Melalui program ini, JKKM iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah pun menyediakan 25 orang jurulatih silat yang mahir, bertauliah serta profesional sebagai tenaga pengajar silat kepada pelajar-pelajar sekolah ini. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu perbincangan yang menyentuh pihak kementerian. Sesungguhnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat menghargai sebarang pandangan, teguran serta saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak jelas dan terang dan kita nampak jelas masuk kita punya pahlawan silat iaitu Datuk Haji Megat. Dia seorang pejuang silat. Maka didengar itu, dia bergegas masuk sini. Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin telah memberi satu jawapan yang baik dan tepat dan kita ucapkan terima kasih banyak. Sekarang saya hendak beralih kepada soalan lain pula, daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

■1520

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 18 hingga 21 April 2016. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan berkaitan dengan kementerian ini mengenai pusat pembangunan usahawan dan kadar duti import ke atas kenderaan yang perlu dibayar oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader telah menyarankan agar kerajaan mewujudkan pusat pembangunan usahawan di setiap kawasan Parlimen. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kini kerajaan belum mempunyai rancangan untuk menubuhkan pusat pembangunan usahawan di setiap kawasan Parlimen.

Walau bagaimanapun, MITI dan agensi di bawahnya melalui cawangan-cawangan di seluruh Malaysia berperanan dalam membantu perusahaan kecil dan sederhana di peringkat negeri melalui khidmat nasihat dan bimbingan untuk program-program seperti pembangunan usahawan dan pembangunan produk. MITI mempunyai tujuh buah cawangan di peringkat negeri iaitu di Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak manakala agensi di bawah MITI iaitu SME Corp. Malaysia pula mempunyai 11 buah pejabat negeri yang bertindak sebagai pemudah cara secara langsung berkaitan keusahawanan dan PKS. Program-program yang sedang dijalankan oleh MITI dan agensi-agensinya di bawahnya termasuk:

- (i) program *Groom Big* untuk meningkatkan keupayaan usahawan daripada peringkat mikro kepada sederhana, seterusnya ke peringkat yang lebih besar dan berupaya meneroka pasaran eksport;
- (ii) program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang mana MITI sebagai peneraju bagi Jawatankuasa Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan Peringkat Kebangsaan SDSI bertujuan untuk mempromosikan produk-produk SDSI yang dibangunkan oleh usahawan di bawah bimbingan MITI dan juga kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Kraf Tangan Malaysia, *Business Accelerator Programme*, dengan izin, yang bertujuan untuk membantu meningkatkan keupayaan perniagaan PKS melalui pelaksanaan projek penambahbaikan seperti peningkatan keupayaan, pengeluaran dan operasi, pematuhan persijilan dan piawaian antarabangsa, penyelidikan dan pembangunan produk serta promosi dan penjenamaan;
- (iii) program Berimpak Tinggi Dua (HIP 2), *Technology Commercialization platform*, dengan izin, yang menyediakan satu platform untuk memberi bantuan yang menyeluruh kepada PKS yang inovasi ke arah pengkomersialan;
- (iv) program Berimpak Tinggi Empat (HIP 4), *Going Export*, dengan izin, untuk membantu pengeksport PKS sedia ada dan pengeksport baru bagi menembusi pasaran eksport melalui penyediaan dan pelaksanaan pelan eksport,

- (v) program Berimpak Tinggi Enam (HIP 6), *Inclusive Innovation*, dengan izin, bertujuan membantu kumpulan pendapatan 40 peratus terendah untuk menambahbaikkan kualiti produk, meningkatkan pematuhan kepada standard dan akses kepada pasaran. Program ini dilaksanakan secara kolaborasi antara agensi seperti SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia, skim persijilan *National Mark of Malaysian Brand* untuk mengiktiraf produk dan perkhidmatan jenama Malaysia bagi membolehkan syarikat-syarikat yang mempunyai jenama yang diiktiraf dapat memperluaskan pasaran di dalam dan luar negara; dan,
- (vi) Enterprise 50 iaitu anugerah yang mengiktiraf pencapaian PKS Malaysia yang berdaya saing dan InnoCERT untuk membantu PKS yang berinovasi dan berdaya maju menjadi syarikat bertaraf global yang mana bantuan merangkumi keutamaan menyertai latihan dan pendedahan dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan insentif *rebate*, faedah pinjaman dan pengecualian duti bagi pinjaman yang diluluskan di bawah industri kewangan terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif telah membangkitkan isu mengenai kadar duti import yang agak tinggi ke atas kenderaan yang diimport oleh Ahli Parlimen dan mencadangkan agar pihak Kementerian mengurangkan atau menghapuskan duti import dan duti-duti lain yang dikenakan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Dasar Pemberian Lesen Import (AP) kenderaan persendirian kepada Ahli Parlimen merupakan satu keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan dengan mengambil kira jasa dan sumbangan mereka kepada rakyat dan negara. Keistimewaan ini juga turut diberikan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan bekas Ahli Parlimen. Selain daripada Ahli-ahli Parlimen dan ADUN, keistimewaan ini juga hanya diberi kepada rakyat Malaysia yang bermastautin di luar negara melebihi tempoh satu tahun kerana bekerja atau belajar.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan menimbangkan untuk mengurang dan menghapuskan duti import ke atas kenderaan yang diimport oleh Ahli-ahli Parlimen, seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 18 hingga 21 April 2016. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih dan padat nampaknya dan tidak ada soalan. Sekarang kita ucapkan terima kasih kepada kita punya Yang Berhormat Menteri tadi iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Lee Chee Leong iaitu Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Terima kasih. Nombor tujuh sekarang ini. Ketujuh ialah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan dijawab oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Silakan Yang Berhormat.

3.29 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh peranan KeTTHA dalam sesi perbahasan Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yang merupakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dipertanggungjawabkan untuk mewakili Menteri dan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan untuk menjawab segala persoalan dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan ini.

■1530

Seramai lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang membangkitkan semua isu berkaitan KeTTHA yang terdiri daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad.

Isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator menunjukkan betapa membuktikan sikap prihatin Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap kesejahteraan hidup rakyat Malaysia berikutan dengan fenomena El Nino yang sedang melanda di negara kita pada masa ini. Kesan daripada fenomena tersebut telah menyebabkan kekurangan bekalan air di beberapa buah negeri. Antaranya di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Pahang, Johor dan Sabah. Tanpa melengahkan masa lagi saya akan menyampaikan penjelasan diberikan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat meliputi dua sektor utama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air iaitu sektor air terlebih dahulu dan diikuti oleh sektor tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah memohon supaya pembinaan Empangan Sungai Siput ataupun Empangan Jernih disegerakan bagi menampung masalah kekurangan air di negeri Melaka menjelang tahun 2018. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Projek Empangan Sungai Siput, Empangan Jernih telah pun diluluskan di bawah *rolling plan* Keempat Rancangan Malaysia Kesepuluh ataupun RP4 Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan kos projek berjumlah RM164 juta.

Projek ini telah bersambung ke dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dengan peruntukan sebanyak tambah lagi RM110 juta yang disediakan bagi tahun 2016. Pembinaan empangan ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti sumber air mentah negeri Melaka sehingga tahun 2030 memandangkan kapasiti sedia ada hanya dapat bertahan hingga tahun 2020 sahaja.

Pada masa ini projek ini dalam peringkat pra pelaksanaan di mana pihak perunding telah dilantik untuk menyediakan reka bentuk dan komponen-komponen lain serta dijangka siap pada pertengahan tahun 2016. Tender projek ini dijangka dikeluarkan pada bulan Julai 2016 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada bulan November 2016. Projek ini dijangka siap pada bulan Mei 2019 berdasarkan tempoh pembinaan selama 30 bulan.

Buat masa ini Kerajaan Negeri Melaka telah pun melantik perunding untuk melaksanakan kerja-kerja ukur tanah, bertujuan pengambilan balik tanah yang dijangka dapat diselesaikan sebelum kerja-kerja fizikal dimulakan. Jumlah keluasan pengambilan balik tanah ialah 250 hektar yang melibatkan 176 lot. Pecahan bilangan lot mengikut komponen projek adalah seperti berikut, empangan 87 lot, muka sauk 19 lot, paip air 70 lot.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad telah bertanyakan mengenai status terkini perjanjian penstrukturan bekalan air di negeri Kelantan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, cadangan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Kelantan telah pun dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2016 yang lepas.

Perjanjian penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air di negeri Kelantan akan ditandatangani setelah beberapa isu utama diselesaikan di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam tempoh ini. Walau bagaimanapun, perjanjian penstrukturan semula industri bekalan air Kelantan belum lagi ditandatangani. Pengguna air di Kelantan akan terus menikmati perkhidmatan bekalan air bersih daripada Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) seperti biasa. Oleh itu tiada keperluan kepada alternatif lain bagi bekalan air bersih di negeri Kelantan.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) peratus liputan bekalan air awam di negeri Kelantan hingga tahun 2014 - 63.2 peratus manakala pada tahun 2016 - 64 peratus. Sehubungan dengan itu di bawah *Rolling Plan 1*, Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi menjalankan kajian sumber air alternatif untuk tujuan bekalan air yang turut melibatkan kajian sumber air bawah tanah bagi kawasan-kawasan berpotensi di negeri Kelantan.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad atas cadangan beliau supaya lebih banyak empangan dibina di dalam negara bagi menakung air hujan untuk kegunaan semasa cuaca panas yang melampau.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas, sejumlah lapan buah empangan yang telah dibina untuk tujuan bekalan air. Daripada lapan buah empangan tersebut, empat buah empangan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, dua empangan sedang dalam proses pembinaan manakala dua buah empangan lagi telah pun siap dibina. Di sini saya akan membacakan senarai empangan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan dibina iaitu:

- (i) Projek Menaiktaraf Empangan Congok, Mersing;
- (ii) Skim Bekalan Air Tawau Fasa 3, reka bentuk dan pembinaan empangan air;
- (iii) pembinaan Empangan Jernih Alor Gajah, Melaka; dan
- (iv) sumber bekalan air mentah Wilayah Betong, *Batang Layar dam*;

Empangan-empangan yang sedang dalam proses pembinaan ialah berikut:

- (i) pembinaan Empangan Kahang di daerah Kluang dan
- (ii) pembinaan pembesaran Empangan Mengkuang.

Selain daripada itu, dua buah empangan yang telah siap di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas adalah:

- (i) Pembinaan Empangan Bengoh di Kuching; dan
- (ii) Skim Bekalan Air Triang Fasa 1 bagi daerah Seremban, Pakej 5 pembinaan Empangan Sungai Triang.

Sukacita ditegaskan bahawa pembinaan empangan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah bekalan air sekiranya kawasan tadahan tidak dipelihara. Oleh itu komitmen kerajaan-kerajaan negeri untuk sama-sama memelihara kawasan tadahan masing-masing adalah sangat penting bagi memastikan bekalan air mentah ke empangan tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff yang telah membangkitkan isu-isu rakyat dan juga cadangan bernas berhubung dengan bekalan air dalam situasi fenomena El Nino serta kemapanan sumber air mentah di negara ini pada masa akan datang. Seperti mana semua sedia maklum, fenomena El Nino yang sedang melanda negara telah menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 peratus hingga 60 peratus. Keadaan ini mengakibatkan beberapa buah sungai dan empangan yang membekalkan sumber air mentah untuk bekalan air awam mengalami penurunan paras air.

Oleh itu loji rawatan air (LRA) di lima buah negeri di Pahang, di Kedah, Johor, Perlis dan Sabah telah mengurangkan pengeluaran air terawat, seterusnya menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

Sebanyak 15 buah loji rawatan air terjejas pengeluaran air terawat yang melibatkan 27,000 buah akaun di Semenanjung Malaysia dan 1,200 buah akaun di Sabah. Antara langkah-langkah mitigasi yang diambil oleh operator-operator air di negeri-negeri yang terbabit menghantar bekalan air melalui lori tangki dan tangki statik termasuk bagi sekolah-sekolah yang terlibat. Di samping itu operator air turut memasang pam *pontoon* bagi meningkatkan paras air di muka sawah di loji air serta memasang *purified water package plan* bagi negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini hanya dua buah kawasan iaitu daerah Kota Tinggi dan Mersing dan di Johor telah diluluskan oleh SPAN untuk melaksanakan operasi bekalan air berjadual mulai daripada 18 April 2016. Sebanyak 17,000 akaun pengguna air terlibat, operasi ini berdasarkan mekanisme satu hari ada air, dua hari tidak ada air. Ini ada masalah sedikit ini.

Berhubung dengan operasi pembenihan awan Jabatan Metrologi Malaysia telah melaksanakan operasi pembenihan awan mengikut keperluan. Ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Walau bagaimanapun, hujan yang turun hasil daripada operasi pembenihan awan tersebut masih lagi tidak mencukupi untuk memulihkan kedudukan paras air di sungai dan empangan yang terjejas.

Justeru, penyelesaian masalah bekalan air memerlukan kerjasama jitu antara kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan-kerajaan negeri perlu memastikan kawasan tadahan dipelihara dan sebarang aktiviti pembangunan tidak terkawal termasuk pertanian yang boleh menjejaskan sumber air mentah perlu dikawal. Kerajaan Persekutuan akan menerokai sumber-sumber air alternatif bagi menjamin kecukupan bekalan air pada masa hadapan. Selain daripada itu pengguna juga perlu memainkan peranan yang penting dalam situasi ini. Pengguna perlu menghargai air dan menjimatkan penggunaan air masing-masing.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff juga ada mencadangkan supaya diwujudkan kumpulan wang amanah bagi tujuan membangunkan teknologi serta menerokai sumber air alternatif seperti sumber air bawah tanah bagi menjamin kemapanan sumber air khususnya dalam mendepani fenomena El Nino yang berlaku pada masa ini.

■1540

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim juga telah mencadangkan supaya bajet khas disediakan bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan sumber air mentah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa sekarang kementerian belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan kumpulan wang amanah bagi memastikan sumber air alternatif dan penjagaan kawasan tadahan air. Ini kerana bidang kuasa ke atas sumber air dan peranan memelihara kawasan tadahan air adalah di bawah kerajaan negeri masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, isu bekalan-bekalan air, sumber air, penerokaan sumber air alternatif akan ditangani di bawah jawatankuasa tertinggi yang ditubuhkan di bawah Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Berkenaan dengan sumber potensi air tanah pula secara dasarnya sumber air tanah negara boleh dijadikan sebagai alternatif kepada bekalan air bagi menampung kekurangan air pada musim kemarau. Namun, kajian secara menyeluruh perlu dilaksanakan di seluruh negara iaitu melibatkan 189 lembangan sebelum sumber air bawah tanah tersebut boleh di ekstrak secara meluas untuk kegunaan domestik negara.

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia atau JMG telah melaksanakan Projek Kajian Simpanan Air Tanah Negara ini di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi dua lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Kelantan Utara dan Sungai Langat. Hasil daripada kajian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Lembangan Kelantan Utara jumlah simpanan air tanah yang selamat boleh di ekstrak dalam sehari 509,000 meter *cube* sehari. Jumlah air tanah sedang digunakan 125,000 meter *cube* sehari; dan
- (ii) Lembangan Sungai Langat pula jumlah simpanan air tanah yang selamat boleh di ekstrak dalam sehari ialah 45,000 meter *cube* sehari dan jumlah air tanah sedang digunakan 19,000 meter *cube* sehari.

Seterusnya, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Jabatan Mineral dan Geologi Malaysia akan menjalankan kajian penilaian simpanan air tanah ke atas lima lembangan iaitu Lembangan Sungai Muda di Kedah, Lembangan Sungai Selangor di Selangor, Lembangan Sungai Kedamaian Tempasuk di Sabah, Lembangan Sungai Pahang di Pahang dan Lembangan Sungai Miri di Sarawak. Kajian ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Sejumlah peruntukan yang besar amat diperlukan sekiranya sumber air tanah ini hendak dibangunkan dan jumlah yang banyak secara lebih sistematik.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Suhaimi Abdullah telah menyentuh isu berkenaan persediaan kementerian dan agensi dalam menangani masalah banjir dalam negara terutama di negeri Kelantan yang telah mengakibatkan infrastruktur sekali gus menyukarkan Tenaga Nasional Berhad atau (TNB) untuk membekalkan tenaga elektrik di kawasan terjejas. Bagi mengenal pasti situasi banjir, pihak kementerian melalui TNB telah membuat persediaan ketiga peringkat khususnya untuk meminimumkan kesan kerosakan ke atas infrastruktur bekalan elektrik berikut.

Peringkat pertama pembinaan loji jawatankuasa. Kawasan bebas banjir adalah antara aspek yang diambil kira oleh pihak TNB semasa kajian. Kesesuaian tapak untuk pembinaan sesebuah stesen jana kuasa. Kesemua tapak dan lokasi hidro berada lebih tinggi daripada laut sementara jawatankuasa haba di mana dibina berhampiran dengan pantai dan dilengkapkan dengan sistem pengaliran lebih baik bagi memastikan jana kuasa-jana kuasa akan terus menjana tenaga elektrik walaupun pada musim tengkujuh. Sehubungan dengan itu, tiada stesen jana kuasa terjejas dalam bencana banjir yang lalu.

Peringkat yang kedua pembinaan Pencawang Masuk Utama atau PMU. Pencawang-pencawang masuk utama PMU telah dibina atas paras banjir berdasarkan data 50 tahun *cycle*. Selain itu, semua bangunan pencawang yang dibina sejak tahun 90-an hingga kini jenis bangunan dua tingkat di mana peralatan utama dan juga panel-panel kawalan dan perlindungan ditempatkan di tingkat atas. Jika PMU tersebut ditenggelami air, operasi PMU tidak akan terjejas. Namun, banjir luar biasa yang melanda pada bulan Disember 2014 telah menyebabkan sebanyak tujuh buah PMU terpaksa dihentikan tugas.

Bagi negeri Kelantan terdapat lima PMU yang terlibat iaitu PMU Gua Musang, PMU Kuala Krai, PMU Rantai Panjang, PMU Tanah Merah dan PMU Lemal. Manakala negeri Terengganu dua PMU yang terlibat iaitu PMU Kemaman dan PMU Chukai. Kesemua PMU yang terlibat dibina sebelum tahun 90-an. Tindakan memberhentikan tugas adalah bertujuan untuk memastikan PMU-PMU tersebut tidak mengalami kerosakan teruk dan boleh beroperasi semula dengan segera apabila banjir mulai surut.

Dengan tindakan pencegahan ini, PMU tersebut telah dihenti tugas selama empat hari iaitu 25 hingga 28 Disember 2014 tanpa kerosakan pada peralatan utama. Melalui pengalaman ini, TNB sedang dalam proses meninggikan lagi peralatan-peralatan yang boleh terjejas semasa banjir dengan mengubahsuai tapak peralatan supaya melepasi paras banjir di lokasi sedia ada bagi memastikan operasi tidak terjejas semasa banjir yang akan datang.

Peringkat ketiga pula pembinaan Pencawang Pembahagian Utama (PPU), Stesen Suis Utama (SSU) dan Pencawang Elektrik (PE). Penetapan lokasi serta pembinaan terowong elektrik yang saya sebut tadi dibuat dengan mengambil kira faktor-faktor teknikal terutamanya keupayaan pencawang tersebut menyediakan sistem pembekalan elektrik yang berdaya harap serta menepati keperluan pengguna di sebuah kawasan.

Dalam keadaan banjir pula, bekalan elektrik diputuskan secara terancang oleh TNB atas sebab-sebab keselamatan bagi mengelakkan risiko renjatan elektrik kepada pengguna dan kabel-kabel dan talian atas yang menyalurkan bekalan elektrik ke premis-premis pengguna. Bekalan elektrik akan dipulihkan semula sebaik sahaja air surut selepas pemasangan elektrik dan persekitaran disahkan selamat untuk penyaluran bekalan elektrik.

Sekian sahaja jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang menyentuh bidang kuasa KeTTHA. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana semuanya akan diberi perhatian oleh KeTTHA demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih ...

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Boleh saya hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap Datuk.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Boleh saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkas, ringkaskan.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tadi, saya ucapkan terima kasih kerana kementerian bersetuju membina Empangan Sungai Jernih. Baru-baru ini baru berlaku El-Nino. Kita ada dua batang paip besar dari Johor bawa ke Melaka. Saya difahamkan kerajaan atau pun Syarikat Air Johor tidak bagi kita ambil sepenuhnya, sebahagian sahaja. Jadi, bagaimanakah kementerian boleh atasi dalam jangka panjang?

Kedua dan yang terakhir soalan saya sesuaikan isu-isu negeri macam Selangor yang tidak memberi kerjasama supaya isu bekalan air ini tidak lagi berlaku di masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ingatkan saya. Yang Berhormat, boleh tangguh sekejap.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya ingat soalan itu spesifik, biar kita buat jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, saya hendak cakap sekejap.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, petang ini kita punya Tuan Yang di-Pertua tamat dia punya tugas sebagai Tuan Yang di-Pertua, selepas ini. Dia telah berkhidmat sebagai Tuan Yang di-Pertua mulai 26 April 2010. Genap dua *term*, enam tahun. Hari ini hari akhir. Banyak jasa yang ditunjukkan kepada kita. Bak kata orang Melayu tadi, "*Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.*" Tunjuk ajarnya, cara cakupnya, ilmunya banyak disampaikan kepada kita khususnya kita di dalam ini.

Sepanjang saya di sini saya nampak beliau seorang tokoh yang wibawa. Apa yang dikatakannya tegas dan terang dan juga macam-macam saya nampak yang boleh kita tiru daripada seorang tokoh ini yang 10 tahun berada di sini. Kita tengok cara dia mengendalikan tiada kompromi daripada segi ketegasan. Prinsipnya ada. Yang salah itu tetap salah, yang benar itu benar. Itulah yang saya katakan tadi bahawa banyak kita dapat ilmu daripada kita punya Tuan Yang di-Pertua khususnya saya ini banyak nampak sahabat lama kita ini. Cara dia mengendalikan, tutur kata dia, budi bahasanya sangat baik, patut contohi. Kita doakan dia terus berjaya dan kita harap dia terus berjuang. Bak kata orang Melayu tadi budinya tadi.

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tumpul buat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi Tuan Yang di-Pertua kita tetap dikenang orang.*

Ini dia tadi. Dengan itu kita harapkan dan doakan dia terus berjaya. Sekian, dan terima kasih. Terus minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung.

■1550

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan-soalan itu soalan spesifik, jadi saya ingat kita ada sebahagiannya akan dibuat jawapan bertulis tetapi ada juga soalan yang berkenaan dengan isu Selangor, penstrukturan semula bekalan air Selangor kini berada pada tahap terakhir untuk dimuktamadkan. Ini jawapan berkenaan dengan bekalan air Selangor. Mengenai Loji Rawatan Air Langat 2 pula yang akan siap sepenuhnya pada tahun 2019, yang ini bawah kementerian saya tetapi yang berkenaan dengan negeri Melaka itu spesifik, nanti kita akan jawab bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi ke tak ada? Kalau tidak ada, saya pindah ke nombor lapan, Kementerian Perusahaan, Perdagangan dan Komuniti.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengambil kesempatan juga bagi pihak rakan-rakan, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar yang telah berkhidmat dengan begitu cemerlang sepanjang tempoh dua penggal sebagai Speaker Dewan Negara. Betul bukan budi sebarang budi, budi Speaker tersemat di hati.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengungkapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, isu kejatuhan harga getah dan bantuan kerajaan untuk pekebun kecil getah telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong dan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga getah asli telah menunjukkan peningkatan mulai tahun 2016 yang mana harga getah SMR20 meningkat daripada harga purata RM4.67 sekilogram pada bulan Januari kepada RM6.11 sekilogram pada 22 April 2016. Peningkatan harga ini disebabkan oleh sentimen positif pasaran berikutan pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* dengan izin, iaitu AETS yang keempat oleh tiga buah negara anggota RTIC iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand yang bermula pada 1 Mac 2016.

Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas akibat daripada ketidakstabilan harga getah. Bagi meringankan beban akibat penurunan harga getah, beberapa langkah telah dilaksanakan. Antaranya termasuk melaksanakan IPG ataupun Insentif Pengeluaran Getah mulai bulan Januari 2015. Pada bulan Januari 2016, paras harga pengaktifan IPG telah dinaikkan daripada harga SMR20 RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cup lump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram dengan peruntukan dana sebanyak RM200 juta. Sehingga bulan April, lebih RM14 juta telah diagihkan di bawah IPG, Tuan Yang di-Pertua.

Juga melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk menjalankan aktiviti urus niaga getah dan juga menyediakan infrastruktur kutipan lateks dengan peruntukan sebanyak RM10 juta yang akan dilaksanakan di tiga buah tempat iaitu di Palong, di Gerik dan juga di Kuala Lipis.

Dan juga akan meneruskan bantuan kepada pekebun kecil untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru dan juga termasuk menanggungkan kutipan ces sekiranya harga getah SMR20 berada di paras bawah RM5.50 sekilogram mulai bulan April cuma mekanisme pelaksanaan sedang diperhalusi kerana ia melibatkan beberapa buah agensi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan juga mempunyai beberapa perancangan bagi membantu pekebun kecil. Ia termasuklah menggalakkan pekebun kecil terlibat dalam aktiviti pertanian lain melalui integrasi tanaman getah dengan lada misalnya dan juga lain-lain aktiviti pertanian dan juga mengkaji semula mekanisme penetapan harga bagi memastikan pekebun kecil menikmati harga yang berpatutan.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad berhubung pelaksanaan IPG, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah mengadakan sebanyak 375 sesi penerangan ke seluruh negara pada tahun 2015 dan 155 sesi penerangan pada tahun 2016 sahaja termasuklah di Kelantan. Program ini memberi ruang kepada pekebun kecil untuk berinteraksi secara langsung dan membuat kad Permit Autoriti Transaksi Getah ataupun kad PAT-G serta membuat tuntutan IPG.

Berikut adalah antara senarai lokasi program penerangan mengenai IPG yang telah dilaksanakan di Kelantan sepanjang Januari hingga Mac 2016 seperti di Dewan Bukit Pegayong-Kok Lanas; Dewan Kampung Kubur Datu-Jeli; Dewan Sekolah Kebangsaan Kampung Kuala Nal-Kuala Krai; Kampung Budi; Manik Urai-Kuala Krai; dan Dewan Pondok Moden; Ayer Lanas-Jeli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Kelantan sahaja sebanyak 7,013 permohonan tuntutan IPG telah diluluskan dan jumlah keseluruhan tuntutan yang telah diberi bagi negeri Kelantan sehingga 6 April 2016 adalah lebih daripada RM933,000.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong telah membangkitkan isu kuota yang menyekat eksport Kayu Getah Bergergaji (KGB). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk menjamin bekalan Kayu Getah Bergergaji (KGB) yang mencukupi dan berterusan bagi kegunaan sektor perabot, kayu kumai dan tanggam, pihak Kementerian telah memperkenalkan dasar pengeksportan KGB secara kuota. Pelaksanaan kuota eksport tahunan ini adalah dengan tujuan untuk menghalang eksport KGB untuk memastikan bekalan KGB terjamin bagi kegunaan industri pemprosesan hiliran tempatan terutamanya sektor pembuatan perabot dan tanggam.

Jumlah kuota yang ditetapkan sentiasa dipantau bergantung pada stok bekalan bahan mentah, permintaan dan penggunaan. Walaupun terdapat kenaikan ke atas kuota dari tahun 2014 iaitu daripada 80,000 meter padu kepada 140,000 meter padu pada tahun 2015, pengeksport KGB tidak mencapai had kuota yang telah dibenarkan dan ini membuktikan bahawa penambahan kuota tidak menghasilkan peningkatan eksport dan ia juga bukan jalan terbaik untuk meningkatkan harga kayu getah.

Sekiranya dasar penggunaan kuota ke atas eksport KGB dimansuhkan, ia akan memberi kesan yang negatif kepada pembangunan industri perabot tempatan dan antara kesan negatif yang akan dihadapi adalah kekurangan bahan mentah KGB bagi pembuatan perabot tempatan dan di samping itu, negara juga menghadapi persaingan dengan negara pengeluar perabot utama iaitu China yang menggunakan bahan mentah KGB dari negara Malaysia untuk pembuatan perabot mereka. Pengeksport perabot negara China akan menggunakan peluang ini untuk mengeluarkan lebih banyak produk perabot dengan menggunakan KGB yang dibekalkan dari Malaysia sehingga boleh menyebabkan negara Malaysia hilang daya saing.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian dan *Malaysian Timber Industry Board* (MTIB), dengan izin, bersama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan RISDA sedang dalam usaha untuk meningkatkan harga tender kayu getah bagi pekebun kecil getah bertujuan meningkatkan pendapatan golongan tersebut.

Pihak MTIB akan membantu RISDA mengatur sesi lawatan kilang ke negeri-negeri seperti Perak, Kedah, Perlis, Pahang, Johor dan Kelantan. Sehingga bulan Mac 2016, pihak MTIB dan RISDA telah mengadakan lawatan ke Perak, Johor dan Melaka dan lawatan seterusnya dijangka akan dijalankan ke negeri Pahang.

Selain daripada itu, pihak MTIB juga akan membantu RISDA dalam pendedahan maklumat berkaitan pengenalan dan penggredan kualiti, kecacatan kayu dan peraturan-peraturan teknikal kayu. MTIB juga bercadang untuk membantu RISDA dalam mendapatkan kuota eksport KGB. Menerusi usaha sama ini, harga kebun getah telah berjaya dinaikkan iaitu harga tender kawasan kebun getah bagi pekebun kecil pada bulan Januari 2016 dilaporkan meningkat di antara RM2,500 sehektar hingga RM3,000 sehektar berbanding bulan Disember 2015 iaitu hanya sekitar RM272 sehingga RM1,235 sahaja sehektar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja isu-isu yang telah disentuh oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan Titah Diraja dan segala pandangan dan...

■1600

Dato' Seri Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Dato' Noriah binti Kasnon: Sila. Dengan izin, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri yang menjawab.

Berkenaan dengan kayu getah ini, adakah kita hendak menyelamatkan beberapa pengusaha perabot tempatan untuk dieksport tapi malang apa yang dihadapi ialah pekebun getah? Padahal, di negeri jiran menjual dengan harga yang paling tinggi RM60,000, RM70,000 tetapi pendapatan kita masih lagi kurang.

Satu lagi mengenai tanam semula. Ramai pekebun kecil terutama di Kedah telah memberitahu saya bahawa laporan untuk menebang pokok itu sudah setahun tapi tidak boleh ditebang kerana peruntukan tanam semula itu tidak ada. Malah, saya tanya RISDA sekali pun, RISDA pun kata bahawa kerajaan telah mengurangkan peruntukan hampir dua peratusan peruntukan itu untuk pembayaran tanam semula ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih. Mengenai harga penebangan kayu getah di ladang sebagaimana Yang Berhormat membandingkan di negara Thailand, sebenarnya harga lebih kurang sama Yang Berhormat dengan di Malaysia. Kita sudah buat kajian dan kita pun ada sebuah syarikat iaitu Syarikat Evergreen yang ada yang membuat aktiviti tersebut di Malaysia dan juga di Thailand. Harga memang pada satu ketika di Thailand agak tinggi, sama juga pada kita pada sekitar tahun 2012 tetapi sekarang memang itu juga anggaran harga yang ditawarkan di Thailand, tidak jauh berbeza dengan di negara kita.

Pastinya isu sekatan ataupun isu kuota tidak menjejaskan eksport sebenarnya sebab masih baru 61 peratus, Yang Berhormat. Tahun lepas pun 61 peratus dicapai. Jadi tidak pernah- kita bagi kuota 140,000 metrik padu, tidak habis digunakan. Jadi tahun ini kita kurangkan kepada 100,000 dan setakat ini pun saya kira masih 17,000 metrik padu yang telah kita isikan. Jadi, masih ada ruang. Itu bukan satu alasan, saya kira, untuk kita membuka sekatan dan juga tentang kutipan ses untuk program penanaman semula, ia masih berterusan Yang Berhormat tetapi betul, ada sedikit kelewatan kerana menunggu giliran dan mungkin dalam keadaan kewangan yang perlu mendahulukan mana yang dahulu saya kira Yang Berhormat.

Akan tetapi, saya yakin pihak RISDA di bahawa Kementerian Luar Bandar dan Wilayah akan menjawab isu kelewatan mendapatkan insentif tanam semula melalui ses yang telah dikutip ini, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya jawab isu-isu yang telah disentuh dan insya-Allah mana yang tidak dijawab, bolehlah berjumpa saya dan kita akan berbincang dengan lebih lanjut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan perhatian terhadap perkembangan sektor pertanian negara dan mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Diraja berkaitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Sepanjang sesi perbincangan Titah Diraja berlangsung, seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian ini. Secara keseluruhannya, perkara pokok yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja berkenaan dengan isu dan kebajikan sektor agromakanan tapi juga bagaimana Kementerian dapat memastikan sektor agromakanan itu *sustainable*, dengan izin, pada masa akan datang.

Sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan pembangunan sektor pertanian dan memastikan *food security* ataupun jaminan makanan dan juga kedaulatan negara terjamin. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan terutama atas saranan dan cadangan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib telah bertanyakan bilangan pesawah yang mendapat manfaat insentif daripada tambahan RM50 dan juga bertanyakan impak daripada insentif tersebut.

Dalam Ucapan Pengubahsuaian Bajet 2016, kerajaan telah menetapkan tambahan tunai RM50 bagi setiap setan metrik padi bersih sebagai Insentif Input Pengeluaran Padi di mana pembayaran insentif ini akan dibayar seperti mekanisme program Skim Subsidi Harga Padi juga yang sedia ada sekarang.

Berapa bilangan pesawah yang mendapat manfaat? Iaitu seramai 175,000 orang termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk Semenanjung sahaja ialah 125,000 orang petani yang mendapat manfaat daripadanya manakala 50,000 dari Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan IIPP ini iaitu Insentif Input Pengeluaran Padi ini boleh menggalakkan petani berusaha ke arah peningkatan hasil padi yang bermutu sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanyakan apakah langkah Kementerian membangunkan industri padi dan beras melalui Dasar Agromakanan Negara. Melalui Dasar Agromakanan Negara iaitu bagi tempoh tahun 2011 hingga 2020, kerajaan mensasarkan *self sufficiency level* (SSL) beras dikekalkan pada tahap 70 peratus. Namun begitu, Dasar Agromakanan Negara juga menetapkan kadar SSL ini akan dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira jaminan bekalan beras negara, keselamatan makanan dan kebergantungan kepada import.

Sebagai langkah penambahbaikan, insentif berikut telah dilaksanakan. Pertama, penetapan semula kadar SSL pada 100 peratus menjelang tahun 2020, dan seterusnya mengurangkan import beras negara;

Kedua, pewujudan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu atau jelapang yang baru merupakan tambahan kepada lapan jelapang padi negara sedia ada untuk menjadikan jumlah keseluruhan IADA seluas 226,457 hektar. Kerajaan sedang menjalankan kajian penanaman padi sebanyak lima musim bagi tempoh dua tahun di bawah IADA Barat Laut, Selangor bersama MARDI bermula musim Januari 2015 dan akan tamat pada musim Januari 2017 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta. Sekiranya kajian ini berjaya, konsep ini akan dipertimbangkan untuk digunakan di kawasan IADA yang lain.

■1610

Antara inisiatif lain yang dilaksanakan adalah juga seperti berikut. Pertamanya menggalakkan amalan pertanian baik bagi meningkatkan kualiti hasil tuaian sekali gus mengurangkan peratusan pemotongan. Kedua, pengurusan secara berpusat di bawah NKEA, *Entry Point Projects* atau EPPs 10 dan 11.

Ketiga, pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran. Keempat, penggunaan *variety* baru dan benih padi sah, pengamalan teknologi pertanian tepat dan meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib juga bertanya berkenaan dengan *MyBeras*. Yang Berhormat telah bertanya, apa langkah bagi memastikan program *MyBeras* sampai ke kepada golongan sasaran dan ketirisan tidak berlaku.

Pengedaran *MyBeras* yang akan bermula pada Mei 2016 ini melalui Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan di Semenanjung, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Makanan Sabah bagi negeri Sabah dan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak di Sarawak, LPP, MAFI dan MOMA juga berperanan sebagai Jawatankuasa penyelarasan pelaksanaan peringkat negeri masing-masing yang juga akan melibatkan Pejabat Pembangunan Negeri ataupun SDO.

BERNAS pula bertanggungjawab untuk membekalkan dan mengedarkan beras ke pusat-pusat pengedaran yang akan ditetapkan oleh LPP, MAFI dan juga MOMA mengikut negeri masing-masing. BERNAS akan melantik mana-mana pemborong yang berkelayakan bagi melaksanakan proses pengampitan dan pengedaran *MyBeras* dengan keutamaan diberikan kepada PPK yang berkeupayaan termasuk koperasi-koperasi mengikut kewajaran lokasi.

Pengedaran bantuan *MyBeras* akan ditentukan oleh senarai yang akan dikemukakan oleh ICU dan JAKOA pada setiap 15 hari bulan untuk pihak LPP ataupun Pejabat Daerah menyusun senarai penerima mengikut pusat edaran dan mengemukakan senarai kepada pihak BERNAS untuk pengedaran beras sebelum 30 hari bulan. LPP, Pejabat Daerah juga akan mengeluarkan surat pemakluman kepada penerima untuk mengambil bantuan beras di pusat-pusat pengedaran yang telah ditetapkan pada minggu pertama bermula 2016.

Tuan Yang di-Pertua, para penerima hanya perlu membawa kad pengenalan dan mengisi borang ringkas penerimaan untuk kawalan dan rekod. Selain itu, kad pengenalan ketua isi rumah perlu dikemukakan sekiranya penerima mewakili orang lain untuk mengambil beras bagi pihaknya. Kerajaan telah menetapkan bahawa para penerima *MyBeras* adalah berdasarkan data miskin tegar eKasih dan senarai miskin tegar Orang Asli di bawah data eDamak yang di selaraskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Paras garis kemiskinan tegar yang diguna pakai oleh ICU yang ditetapkan oleh EPU, Jabatan Perdana Menteri bagi sesebuah isi rumah RM580 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM710 bagi Sabah dan Labuan, sementara di Sarawak RM660 sebulan

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin bertanyakan, apa langkah kerajaan membantu petani yang terjejas akibat bencana seperti El Nino dan banjir. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa prihatin kepada petani-petani, penternak dan nelayan yang terjejas oleh banjir, kemarau dan juga bencana yang lain. Bagi mereka yang terjejas disebabkan oleh banjir pada tahun 2014 umpamanya, ada satu Tabung Bantuan Bencana Agro Makanan di mana kita telah memberikan bantuan kepada petani dengan kadar tiga hektar ke bawah diberikan RM1,800 bagi petani yang kerugian hasilnya.

Penternak pula, setiap seekor kerbau diberikan RM700 dengan maksimum sepuluh ekor, dan kepada lembu pula RM100 ke RM600 seekor, maksimum sepuluh ekor, kambing RM150 dan sebagainya yang telah diberikan di masa yang selepas.

Selain dari Tabung Bantuan Bencana Agro Makanan, kementerian juga menyediakan bantuan lain seperti bantuan daripada segi pemberian input, program *touch point* di mana bantuan diberikan kepada petani-petani, penternak, termasuk penternak ikan dalam sangkar. Mereka yang kerosakan kolam dan *hatchery* diberikan RM1,500 sebuah kawasan satu hektar, maksimum dua hektar, *hatchery* RM3,000 satu *hatchery*. Ini bantuan-bantuan daripada Tabung Bencana Agro Makanan oleh kementerian di masa yang lalu.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar, Tuan Yang di-Pertua telah bertanyakan adakah bantuan lanjut kepada penternak akuakultur yang terjejas oleh El Nino setelah bantuan benih ikan telah diberikan kepada penternak. Sebenarnya, bantuan benih ikan umpamanya satu juta ekor ikan, jenis Tilapia, Patin yang disalurkan kepada pengusaha yang dikeluarkan oleh Pusat Pengembangan dan Pusat Penyelidikan, Jabatan Perikanan adalah merupakan bantuan lanjut yang diberikan kepada mereka iaitu sebagai tambahan kepada bantuan kewangan yang saya sebutkan tadi.

Bekalan ini dijangka akan pulih semula apabila keadaan cuaca bertambah baik. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia, juga akan terus memantau dan memberikan nasihat teknikal kepada pengusaha akuakultur mengenai langkah-langkah mengenai impak El Nino ini dan memberikan khidmat nasihat teknikal, kewangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin ada bertanyakan apakah kerajaan akan melaksanakan skim insurans bagi membantu penanaman padi atau petani padi yang terjejas akibat bencana seperti kemarau dan banjir. Ingin saya memaklumkan di sini iaitu kerajaan tidak ada cadangan untuk mewujudkan skim insurans, tetapi sebaliknya kerajaan akan melaksanakan Skim Perlindungan Agro Makanan yang melindungi hasil pertanian bagi semua subsektor. Perancangan awal adalah untuk fokus kepada pelaksanaan bagi subsektor tanaman padi.

■1620

Pihak Agrobank yang telah diberi mandat untuk mengemukakan satu konsep Skim Perlindungan Agromakanan ini telah pun membentangkan cadangan mereka di mana satu konsep di mana tabung perlindungan agromakanan dicadangkan supaya ditubuhkan oleh MoA atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan para petani padi akan menyumbang kepada tabung ini sebanyak RM70 satu hektar satu musim, semua petani padi.

Tabung ini akan memberikan pampasan bantuan kepada mereka yang hasil pertanian mereka musnah akibat bencana seperti banjir pada kadar sebanyak 30 peratus lebih kepada RM1,800 yang diberikan oleh Tabung Bencana Agromakanan yang saya sebutkan di peringkat awal tadi. Inilah konsep yang dicadangkan, RM70 itu pula yang dicadangkan ialah bukannya bayaran daripada petani secara terus, tetapi dicadangkan supaya dipotong daripada subsidi yang selama ini diperoleh oleh petani. Subsidi input seperti baja, racun dan sebagainya di mana petani mendapat RM2,400 lebih kurang satu hektar satu musim yang diberikan oleh kerajaan dan adalah dicadangkan RM70 daripada jumlah subsidi ini dipotong untuk dicarumkan kepada tabung yang saya sebutkan tadi iaitu SPA iaitu Skim Perlindungan Agromakanan. So, jadi bukannya satu skim insurans yang disebut-sebut sebelum Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian memohon supaya kawasan pertanian terjejas akibat banjir di Sarawak diberikan bantuan. Suka saya memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bagi banjir yang telah berlaku pada tahun 2015 di Sarawak, bantuan bernilai sebanyak RM8.1 juta telah disalurkan kepada petani-petani di Sarawak.

Bagi banjir yang berlaku pada awal tahun 2016, negeri Sarawak melalui Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak telah mengemukakan permohonan untuk bantuan bagi lima bahagian dan bahagian lain masih dalam proses banciaan. Ini yang sedang diproses, belum lagi diberikan bantuan-bantuan tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor pula telah bertanya adakah MoA menyediakan bantuan insentif kepada pengusaha harum manis yang terjejas akibat El Nino. Semua orang tahu Tuan Yang di-Pertua, harum manis iaitu buah mangga yang sangat terkenal di Perlis. Berdasarkan kepada SOP Tabung Bantuan Bencana Agromakanan, bantuan hanya diberikan kepada tanaman yang musnah akibat bencana dan sebagainya.

Jadi berkaitan dengan harum manis ini, tidak ada bantuan yang telah diberikan disebabkan ia bukan musnah pada keseluruhannya. Hasilnya tidak *total loss*, ia pengurangan hasil sahaja akibat cuaca yang tidak elok ini iaitu akibat El Nino ini. So daripada segi prinsip dan konsepnya, MoA tidak memberikan bantuan kepada kes yang seperti ini. Kalau kes *total loss*, maknanya pokok itu langsung tidak berbuah, langsung tidak ada hasil, barulah dikira layak untuk mendapat bantuan daripada tabung TBBA atau Tabung Bantuan Agromakanan yang saya sebutkan tadi. Namun begitu, Jabatan Pertanian telah mengambil langkah memberi khidmat nasihat teknikal kepada petani yang terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang lagi satu yang menjadi perhatian Yang Berhormat ialah pengeluaran dan pemasaran agromakanan. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah mencadangkan supaya diwujudkan gabungan koperasi-koperasi melaksanakan ternakan daging di luar negara.

Saya percaya Yang Berhormat Tan Sri telah mencadangkan ini disebabkan oleh kekurangan bekalan daging dalam negara. Mengikut catatan kita di sini pada tahun 2015, pengeluaran dianggarkan daging lembu dan kambing pada 2015 sebanyak 50.5 ribu metrik tan bagi daging lembu, daging kambing 4.4 ribu metrik tan bagi daging kambing yang hanya merupakan 23 peratus dan 11 peratus yang dikeluarkan, yang memenuhi keperluan negara. Jawapan kepada cadangan Yang Berhormat Tan Sri, kementerian sentiasa menggalakkan jika ada mana-mana pihak termasuk koperasi untuk melaksanakan penternakan daging di luar negara.

Kementerian bersedia untuk memainkan peranan membantu memudahcarakan seperti mengadakan rundingan dan sebagainya. Kita mengambil perhatian ada beberapa pihak yang telah cuba untuk berbuat demikian tetapi malangnya Tan Sri, sampai hari ini tidak ada satu pun yang berjaya. Ada masalah mungkin untuk mendapatkan tanah, kawasan, kelulusan itu dan ini di negeri luar sana menyebabkan sampai hari ini pun belum ada satu lagi, satu-satu pihak yang berjaya membuka ladang ternakan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah mencadangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memborong semua ikan rakyat bagi mengatasi orang tengah.

Untuk makluman Yang Berhormat, program Ikan Rakyat ini telah diperkenalkan pada 2013 untuk menstabilkan harga ikan semasa musim lambakan atau semasa ketidakcukupan. Maknanya masa dia terlalu banyak dan masa dia tidak cukup yang memberi impak kepada harga ikan-ikan rakyat ini, maknanya pada tahun 2013 kita mulakan satu program Ikan Rakyat di mana lapan jenis ikan rakyat seperti kembung, selar, pelaling, selayang, cencaru, tilapia, keli dan kerisi. NEKMAT telah dipertanggungjawabkan bagi mendapat dan memasarkan keluaran hasil nelayan melalui persatuan nelayan kawasan. Sehingga kini, NEKMAT telah mengadakan rangkaian kerjasama dengan persatuan nelayan kawasan yang berpotensi untuk membekalkan ikan bagi menjayakan program Ikan Rakyat ini.

NEKMATlah yang telah dipertanggungjawabkan. NEKMAT turut menyediakan stok penimbal. Seramai 3,000 orang nelayan telah menjual ikan kepada persatuan nelayan dan tidak bergantung kepada orang tengah. Secara statistiknya pada 2015, urus niaga program Ikan Rakyat melalui 141 *outlet* telah mencatatkan urus niaga sebanyak 175,023 kilogram dengan nilai sebanyak RM1.3 juta.

■1630

Stok penimbal yang dimaksudkan tadi diuruskan oleh NEKMAT dan sentiasa memastikan bekalan ikan rakyat adalah mencukupi dengan sekurang-kurangnya 100 metrik tan bekalan siap siaga untuk dipasarkan pada bila masa-masa.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya ada 100 metrik tan *stockpile* lah orang kata. Jumlah satu juta itu bunyinya sedikit, manakala orang ramai atau rakyat yang makan ikan ini tentunya ramai. Sebanyak satu juta itu kalau dilihat secara kasarnya tak munasabah. Maknanya, *we have*- seolah-olah kita *failed* dalam menyediakan bekalan ikan rakyat ini untuk membantu rakyat miskin. Saya pun tanya pada pegawai, yang dimaksudkan di sini kita cuma *supply*, membekalkan ikan rakyat ini waktu-waktu tertentu sahaja, *seasonal*, bukannya *all the time*, sepanjang masa. Jadi, itu sebab jumlahnya itu cuma setakat itulah, tidak begitu banyak sebagaimana kalau kita kata semua orang, setiap masa dibekalkan ikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany juga bertanyakan atau mencadangkan supaya MoA mendapatkan bekalan ayam mentah secara tender berjangka supaya harga ayam dapat diberikan secara subsidi melalui sistem berkupon. Bekalan ayam boleh diedar melalui Kedai Rakyat 1Malaysia ataupun pasar tani. *It is very simple*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bekalan ayam dalam negara kita ini melebihi. Kita tidak mengalami kekurangan bekalan, malah kita mengeluarkan sebanyak 136.4 peratus lebih daripada 100 peratus keperluan permintaan dalam negara. Jadi, isunya tidak timbul bagi kita untuk *intervene* ataupun campur tangan bagi memastikan bekalan ayam cukup dan harga ayam rendah. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, oleh pegawai-pegawai, harga ayam kita adalah harga yang paling rendah, tidak ada mahal. So, *it is not an issue*, dengan izin.

Yang Berhormat Senator Chandra Mohan telah mencadangkan pembangunan tanah terbiar bagi menambah pengeluaran makanan. Kita telah pun membuat kajian, sebanyak 120,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara. Kalau tidak silap saya yang dimiliki oleh individu dan juga oleh *State* atau kerajaan-kerajaan negeri. Pihak kementerian sedang mengenal pasti juga tanah-tanah individu tertentu, tuan-tuannya kita hendak tahu dan perbincangan dengan pihak tuan tanah untuk menggunakan tanah ini dibangunkan sebagai tapak-tapak di mana kita boleh mengeluarkan hasil-hasil pertanian sama ada sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Secara ringkasnya, saya hendak maklumkan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah mendapat peruntukan sebanyak RM140 juta bagi RMKe-11 untuk program tanah terbiar yang kita maksudkan itu tadi.

Tajuk akhir yang menarik perhatian Yang Berhormat semasa perbahasan yang dibawa oleh Senator Chandra Mohan dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin. Mencadangkan supaya golongan belia menyertai Program Agro Makanan dengan mencadangkan pelan dirangka bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian. Respons daripada kementerian ialah kementerian telah mengambil inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan lebih ramai generasi muda dalam sektor pertanian melalui Program Agropreneur Muda, Usahawan Muda, program *MyAgrosis* ataupun Kelab Usahawan Siswazah Tani serta Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan.

Antara inisiatif yang ditawarkan melalui program-program ini menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan, menyediakan bantuan modal 70 peratus daripada kos projek melalui pinjaman mudah daripada Agro Bank dan TEKUN Nasional. Maknanya, peserta Agropreneur Muda, Usahawan Muda yang telah melalui latihan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, mereka akan mendapat pinjaman daripada Agro Bank dan TEKUN. Jadi, orang kata *guaranteed loan* yang mana mereka akan boleh menjalankan perniagaan yang mereka nak jalankan. Kalau lebih daripada RM50,000 bagi projek-projek yang sedia ada, boleh di beri pinjaman sebanyak RM300,000 bagi projek yang sedia ada. Projek yang baru mula, hadnya RM50,000.

Manakala, bakinya 30 peratus dalam bentuk geran. 70 peratus, dengan izin, mereka boleh dapat pinjaman, manakala 30 peratus ialah bantuan geran daripada kerajaan. Geran maknanya di sini *free* lah, bantuan percuma tetapi bukan dalam bentuk *cash* atau tunai, dalam bentuk peralatan dan sebagainya.

Menawarkan latihan kemahiran pertanian secara percuma. Peserta-peserta yang mengikuti latihan, mereka akan diberi secara percuma malahan diberikan *pocket money* dan sebagainya. Pendedahan kepada anak muda di IPTA juga digalakkan dan juga di ILP iaitu Institut Latihan Pertanian kepada bidang pertanian dalam bentuk latihan secara *hands on* menerusi komponen Agro Niaga, Agro Ladang, Agro Inovasi dan sebagainya. Kementerian juga menganjurkan program promosi bagi menarik minat belia menceburi bidang pertanian melalui program-program seperti MAHA, *Road to MAHA*, program Jelajah Agropreneur Muda, program Jelajah Pendidikan Bumiputera anjuran Jabatan Perdana Menteri, program *My Future PLKN*, Karnival Pengajian Tinggi, program 1Belia 1Kemahiran dan sebagainya. Ini program-program yang kita laksanakan Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan untuk menggalakkan generasi muda menyertai bidang pertanian di dalam negara kita ini.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany telah mencadangkan supaya MOA menyusun semula perkampungan nelayan dengan mengambil contoh seperti FELDA supaya golongan nelayan lebih terbela. Di wilayah ini tidak ada nelayan rasanya, yang nelayan ini orang wilayah tetapi dia sangat prihatin juga kepada kaum nelayan *which is very good*. Saya ucapkan syabaslah.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan kerjasama kerajaan negeri telah menyusun semula perkampungan nelayan melalui pembangunan penempatan semula nelayan. *It is a resettlement*, mana tempat-tempat yang tidak sesuai itu kita *recycle*, tidak bolehlah selama-lamanya duduk situ tempat yang tidak sesuai. Akan tetapi masalahnya tanah, kawasan yang mana kita perlu dapat kerjasama daripada kerajaan negeri. Bagi memastikan golongan nelayan menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa. Sehingga kini, enam projek penempatan semula nelayan telah dibangunkan iaitu di Pulau Pangkor, Perak, Sungai Baru, Melaka, Pulau Beruit, Sarawak, Tanjong Dawai, Kedah, Kuala Perlis, Perlis, Bunut Redang, Pahang.

Itulah sahaja penggulungan daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang sabar menunggu dan juga kepada Yang Berhormat sekalian. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

■1640

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakaatuh*. Seterusnya saya persilakan Kementerian Belia dan Sukan.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut.

Menjawab usul daripada Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam yang mencadangkan supaya takrifan umur belia dikekalkan kepada umur 40 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Belia Malaysia telah menetapkan takrifan belia ialah individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun. Perubahan takrifan ini adalah berasaskan kepada empat kriteria penting iaitu peremajaan kepimpinan belia, pendayaupayaan orang muda, *empower young people*, dengan izin, menjadikan Malaysia sebagai negara muda dan perbandingan dengan had umur di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, rasional KBS ke atas perubahan takrifan belia ini adalah bagi memastikan kesinambungan kepimpinan masa depan negara, mengurangkan jurang generasi di kalangan belia, mempercepatkan proses kematangan, mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kelompok belia, menstabilkan identiti belia, memantapkan proses pembangunan belia yang merangkumi kecerdasan intelektual atau IQ, dengan izin, kecerdasan spiritual, kecerdasan emosional dan kecerdasan fizikal, menentukan pendekatan yang lebih sistematik ke arah transisi belia dewasa serta memanfaatkan teknologi digital yang pengguna terbesar golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga, umur belia ini akan dikuatkuasakan pada tahun 2018. Ini bagi memberi ruang untuk memenuhi keperluan pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan proses peralihan kepimpinan peserta belia kepada mereka yang berumur di bawah 30 tahun.

Transisi perubahan takrifan belia ini diharap akan dapat mengukuhkan daya kepimpinan belia dengan mengasah bakat kepimpinan sejak awal termasuk membina kemahiran interpersonal dan kemahiran mengurus yang baik dalam diri belia. Sehubungan itu, mereka yang berumur 30 tahun dan ke atas tetap diberikan perhatian dalam Dasar Belia Malaysia. Keupayaan dan kecemerlangan mereka aset dan sumber negara. Menerusi mekanisme pelaksanaan profesionalisme kerja belia, mereka diberikan peranan strategik dan bersama semua pemegang taruh membangunkan belia harapan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya berkenaan pemantauan kepada persatuan-persatuan sukan dalam memastikan tiada atlet yang menjual perlawanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan kepada persatuan sukan oleh KBS hanya dilakukan ke atas perjalanan tadbir urus sesebuah badan sukan melalui penghantaran maklumat yang kena beri (MYKB) yang meliputi maklumat aktiviti dan kewangan badan sukan. Hal ehwal dalaman sesebuah badan sukan adalah melalui di bawah pentadbiran badan sukan tersebut sepenuhnya. Sesebuah badan sukan mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan ke atas mana-mana atlet di bawah pentadbiran mereka melalui Jawatankuasa Disiplin atau dibawa kepada jawatankuasa yang lebih tinggi seperti Tribunal Disiplin di bawah Majlis Olimpik Malaysia dan badan sukan yang bersekutu di bawahnya.

Walau bagaimanapun, KBS juga telah bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia bersama badan-badan sukan kebangsaan bagi mencegah apa-apa ketidakaturan dan penyelewengan kuasa atau kewangan dalam sesebuah badan sukan. Kejayaan atas sesuatu komitmen KBS boleh dilihat dengan penuhnya Jawatankuasa Integriti di dalam badan sukan kebangsaan seperti penubuhan Jawatankuasa Integriti Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai usul daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin bin ES Samad yang membangkitkan isu supaya KBS dapat menjelaskan tentang pendaftaran persatuan sukan melalui penyelaras Pesuruhjaya Sukan (PJS) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Sejarah pendaftaran badan sukan bermula di Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan hanya selepas wujudnya Akta Pembangunan Sukan 1997, persatuan sukan dipindahkan pendaftaran di bawah Pesuruhjaya Sukan (PJS). Kementerian melalui pewartaan Akta Pembangunan Sukan 1997 hanya mendaftarkan sesebuah persatuan yang ditakrifkan sebagai badan sukan yang bertindak sebagai badan pengelola atau badan perwakilan sesuatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan. Manakala pendaftaran bagi persatuan berbentuk sosial dilakukan oleh ROS.

Secara dasarnya, PJS hanya mendaftarkan badan sukan sahaja melalui kuasa di bawah Akta 576 manakala persatuan yang berunsurkan seni, kebajikan atau sosial berdaftar di bawah ROS seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian juga telah membangkitkan isu berkaitan sukan berprestasi tinggi dan jurulatih di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewujudan dan pengendalian Sekolah Sukan Malaysia sepenuhnya adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Negeri juga terlibat bersama Bahagian Sukan, KPM dalam perbincangan awal penubuhan sekolah sukan bagi mendapatkan maklum balas pemilihan sukan dan jurulatih. Sehingga kini, terdapat lima buah Sekolah Sukan Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Tuanku Mahkota Ismail, Sekolah Sukan Malaysia Pahang, Sekolah Sukan Malaysia Terengganu dan Sekolah Sukan Malaysia Sabah.

Oleh sebab ketiadaan Sekolah Sukan Malaysia di Sarawak, buat masa kini fokus perkhidmatan sains sukan seperti psikologi dan fisiologi, pemakanan sukan dan suaian fizikal serta kejurulatihan sukan disalurkan ke Sekolah Sukan Negeri Sarawak di SMK Tabuan Jaya melalui Pusat Satelit ISN Kuching dan Miri. Di bawah penstrukturan semula ISN, fokus utama adalah untuk meningkatkan perkhidmatan sains sukan, perubatan sukan dan kejurulatihan di peringkat negeri melalui pusat satelit negeri yang sedia ada di Sarawak. Walau bagaimanapun, jurulatih yang dipilih harus memiliki kelulusan Skim Pelesenan Kejurulatihan Kebangsaan di bawah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK).

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah berkenaan kemenangan pelumba Moto3 Malaysia iaitu Khairul Idham Mohd Pawi di litar Argentina. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana sudi mengikuti perkembangan sukan permotoran negara.

Untuk makluman, Khairul Idham Pawi telah berada dalam Program Pembangunan Honda selama lima tahun dan segala pengurusan kewangan dan kebajikan beliau adalah di bawah tanggungjawab Pasukan Honda Asia. Selain daripada itu juga, Khairul Idham bukanlah pelumba Malaysia pertama yang menaiki podium dalam perlumbaan MotoGP, malah beliau merupakan pelumba negara ketiga yang menaiki podium pelumba yang telah berjaya. Mereka yang telah menaiki podium sebelum ini Mohd Zufahmi Khairudin dan Hafizh Syahrin Abdullah yang menunggang untuk Petronas Raceline Malaysia dalam Kelas Moto2.

KBS akan sentiasa menyokong pembangunan sukan bermotor di negara ini terutamanya kepada golongan belia yang ingin menjadi pelumba motosikal bagi mewakili negara ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagai contoh, KBS-MAM Kapcai Endurance, *Shell Advance Asia Talent Cup*, Program Pemantapan Sahsiah dan Kecergasan Atlet, pembiayaan atlet dan mekanik.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan berkenaan keuntungan *Sepang International Circuit* (SIC). Sejak penubuhannya berdasarkan laporan penyata kewangan yang telah diaudit sehingga tahun 2014, keuntungan SIC adalah sebanyak RM60 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Litar Antarabangsa Sepang ataupun SIC dengan izin, GLC, sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Kewangan. KBS hanya menjalinkan kerjasama dengan *Sepang International Circuit* dalam Program Pembangunan Sukan Bermotor dan Program Kesedaran Sukan Bermotor. Pelaksanaan program tersebut adalah bertujuan untuk melahirkan pelumba-pelumba bertaraf dunia dan memberi kesedaran sukan permotoran kepada golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tindakan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omdin dan Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin berkenaan tindakan isu RM100 juta akan mengganggu persediaan Sukan SEA 2017 dan juga dana bagi peruntukan kepada persatuan-persatuan sukan. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu penyelewengan dana kerajaan oleh pegawai KBS baru-baru ini.

Seperti mana kenyataan akhbar oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 21 Mac 2016 dan seperti mana penjelasan beliau semasa sesi penggulungan perbahasan Titah Diraja di Dewan Rakyat pada 23 Mac 2016, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai tiga perkara penting berkaitan isu ini iaitu yang pertama, kes ini dalam siasatan pihak SPRM serta pendakwaan di mahkamah. Kedua, KBS dan agensi di bawahnya akan memberikan kerjasama yang penuh kepada pihak SPRM dan yang ketiga, memohon agar badan siasatan bebas bawah Ketua Setiausaha Negara untuk melihat kelemahan proses yang sedia ada.

Seperti mana kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Dr. Ali Hamsa, audit forensik yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara sedang dijalankan terhadap KBS dan agensi di bawah KBS termasuklah MSN untuk mengenal pasti dan meneliti sejauh mana peraturan dan prosedur kewangan yang dilaksanakan dipatuhi. Satu laporan rasmi daripada pasukan audit ini akan dibuat bagi melaporkan sebarang kelemahan yang mengakibatkan perkara ini berlaku dan seterusnya mencadangkan tindakan pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa isu tersebut sama sekali tidak menjejaskan persiapan pengurusan temasya Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur kerana kes tersebut tidak membabitkan kelulusan peruntukan projek pembangunan sukan di Bukit Jalil. Proses Bukit Jalil adalah dilaksanakan secara tender terbuka melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukan melalui KBS. Manakala beberapa *venue* Sukan SEA 2017 yang telah dikenal pasti untuk dinaiktarafkan adalah menggunakan peraturan yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) melalui Rancangan Malaysia, RMKe-10 dan RMKe-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, program latihan atlet yang dilaksanakan oleh MSN juga masih berjalan seperti yang dirancang khususnya Program Kita Juara 2013 yang menggunakan sumber kewangan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang diluluskan oleh EPU serta sumber kewangan lain seperti penajaan yang diperoleh MSN. Begitu juga Program Persediaan Atlet Podium di bawah kendalian ISN yang menggunakan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KBS ada menyediakan dana pengurusan kepada peserta-peserta belia. Pada masa ini, KBS hanya menyediakan bantuan aktiviti yang bertujuan untuk membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada kos pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan belia atau kelab sukan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara dan Dasar Belia Negara memberi impak positif kepada kumpulan sasaran, menggabungkan nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum serta menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam aktiviti yang dianjurkan khususnya golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan saya ke atas pertanyaan-pertanyaan telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sebelum saya menyudahi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua atas segala dorongan dan tunjuk ajar untuk mengekalkan imej Dewan Negara yang mulia ke tahap yang cukup tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat dari Kementerian Luar Negeri.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan atau mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2016 yang menyentuh isu-isu yang berada di bawah seliaan dan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, hanya dua isu yang dibangkitkan ketika dalam perbahasan yang dibangkitkan oleh dua orang Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan persempadanan maritim antara Malaysia dengan Indonesia serta isu-isu Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Malaysia tidak menggunakan istilah Ambalat bagi merujuk kawasan yang menjadi pertikaian di antara Malaysia dan Indonesia. Istilah yang digunakan oleh Malaysia adalah Laut Sulawesi. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, masih terdapat kawasan maritim di antara Malaysia dan Indonesia yang belum dimuktamadkan persempadannya. Ini termasuklah di kawasan Laut Sulawesi, kawasan paling selatan di Selat Melaka dan Selat Singapura. Rundingan perbatasan sempadan telah dilaksanakan semenjak tahun 2005 di bawah mekanisme Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia-Indonesia.

Sehingga kini sebanyak 29 mesyuarat teknikal telah diadakan. Seperti mana-mana rundingan perbatasan sempadan maritim antara negara, rundingan ini sememangnya mengambil masa yang agak panjang kerana banyak aspek perlu diambil kira terutamanya faktor-faktor yang perlu diperhalusi termasuk aspek perundangan, geografi, teknikal dan sebagainya. Oleh yang demikian memang rundingan ini akan memakan masa dan kesabaran kedua-dua belah pihak amat diperlukan bagi memastikan penyelesaian yang dicapai merupakan penyelesaian yang saksama dan boleh diterima oleh kerajaan dan rakyat kedua-dua negara. Berhubung dengan perkara ini kedua-dua negara adalah komited dalam menyelesaikan perundingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang juga dibangkitkan berkaitan dengan Beting Patinggi Ali yang terletak kira-kira 80 batu nautika dari Tanjong Baram, Sarawak. Ia berada dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dengan izin. Berdasarkan peruntukan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 ataupun dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982. UNCLOS 1982* memperuntukkan bahawa sesebuah negara berpantai seperti Malaysia berhak untuk menuntut kawasan EEZ dan pelantar benua sehingga 200 batu nautika.

Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China ke atas kawasan perairan Malaysia di Laut China Selatan yang membabitkan kawasan Beting Patinggi Ali. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Malaysia juga tidak pernah menganggap kawasan Beting Patinggi Ali sebagai kawasan yang berada di kawasan pertikaian atau wujud tuntutan bertindih di antara Malaysia dengan mana-mana negara.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam membangkitkan berkaitan perkembangan tentang Komuniti ASEAN dalam menangani isu-isu keganasan dan konflik terutamanya ketegangan di Selatan Thailand dan juga di Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu-isu sempadan negara seperti keganasan dan ketegangan di Selatan Thailand mahupun di kawasan Sabah isu topik yang menjadi perhatian dan masyarakat antarabangsa. Platform ASEAN telah digunakan oleh negara-negara anggota termasuk Malaysia dalam menyuarakan keprihatinan di samping menyeru negara-negara terbabit supaya memainkan peranan lebih aktif dalam mewujudkan keamanan dan mengurangkan ketegangan tersebut.

■1700

Namun demikian perlu dinyatakan bahawa ASEAN sentiasa mengamalkan cara ASEAN iaitu prinsip menghormati kedaulatan dan tidak mencampuri urusan dalaman negara-negara anggotanya. Ini merupakan selaras dengan prinsip yang termaktub dalam piagam ASEAN khususnya Artikel 2 yang menyatakan negara-negara ASEAN mestilah saling menghormati, melaksanakan dasar tidak campur tangan terhadap kemerdekaan dan kedaulatan negara ASEAN yang lain serta menyelesaikan pertikaian secara aman. Prinsip asas piagam ASEAN ini juga menjadi panduan dan hubungan dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Namun begitu, walaupun konflik di Selatan Thailand merupakan isu domestik yang perlu diselesaikan dengan secara dalaman oleh Kerajaan Thailand, Malaysia mengambil peranan yang agak substantif dan dalam melihat kepentingan zon tersebut berada dalam keadaan aman dan agar rakyat yang beragama Islam di negara tersebut mendapat pembelaan. Bagi isu keganasan di Sempadan Thailand, Malaysia juga berbesar hati kerana diberi kepercayaan dan keyakinan sebagai fasilitator dalam proses dialog damai Selatan Thailand.

Malaysia telah melakukan beberapa usaha dan juga tindakan masih lagi berada dalam proses tersebut sambil berharap rundingan damai ini akhirnya membawa keamanan yang stabil lagi adil berkekalan di Selatan Thailand. Malaysia sentiasa komited untuk terus menyumbang dalam memastikan proses dialog damai di Selatan Thailand ini berjalan dengan lancar dan objektif. Malaysia juga berharap sumbangan negara dalam kedua-dua proses damai tersebut akan menyumbang kepada pengukuhan komuniti ASEAN yang aman, makmur dan juga sejahtera.

Berkaitan dengan isu, di Sabah. Sebagaimana yang sedia maklum isu keselamatan Sabah adalah berada di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri dan demikian juga Majlis Keselamatan Negara. Sebagaimana Dewan yang sedia maklum, kerajaan telah menubuhkan kawasan keselamatan khas Pantai Timur Sabah atau ESSCOM, yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan isu keselamatan negara di Pantai Timur Sabah.

Berkaitan isu penculikan. Kerajaan sememangnya tidak memandang ringan ancaman dan telah mempertingkatkan kawalan keselamatan dan sentiasa mengambil tindakan berjaga-jaga dengan sewajarnya. Bagi pihak Kementerian Luar, dalam hal ini kerajaan telah menjalankan usaha-usaha diplomatik di mana Yang Berhormat Menteri Luar sendiri telah berhubung dengan Setiausaha Luar Filipina pada 4 April 2016 untuk memastikan mereka dapat melakukan apa yang wajar dalam mengesan khususnya boleh membawa usaha-usaha kepada pembebasan keempat-empat warga Malaysia yang diculik.

Selain itu, Kedutaan Malaysia juga telah mengadakan pertemuan dengan pihak berkuasa Filipina termasuk Jabatan Luar Filipina. Kementerian Luar Negeri juga telah mengadakan pertemuan dengan duta besar Republik Filipina di Malaysia. Pihak berkuasa Malaysia juga telah berhubung dengan rakan sejawat mereka dari Filipina untuk bertukar maklumat dan melakukan seberapa mungkin kerjasama yang dapat dilakukan bagi membebaskan warga Malaysia tersebut.

Malaysia juga berharap agar semua pihak dan masyarakat antarabangsa dapat meneruskan komitmen mereka untuk memastikan proses rundingan damai di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro atau MILF, dapat diteruskan setelah kerajaan baru Filipina dibentuk kelak selepas pilihan raya presiden dan pilihan raya umum yang akan diadakan pada 9 Mei 2016. Malaysia komited untuk meneruskan peranannya sebagai pemudah cara atau dengan izin, *facilitator* kepada rundingan damai tersebut. Malaysia juga bersedia untuk membantu berkongsi pengalamannya dalam program bina upaya ataupun *capacity building* kepada masyarakat Bangsamoro dan terus untuk memainkan peranan sebagai Pasukan Pemantau Antarabangsa ataupun IMT di Mindanao.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja penjelasan saya berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan di bawah Kementerian Luar Negeri semasa Perbahasan Titah Diraja pada kali ini. Bagi pihak Kementerian mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah terbabit dan juga terlibat dalam perbahasan dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas seluruh tunjuk ajar yang diberikan kepada saya selama ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jam sekarang menunjukkan pukul 5.05 petang dan saya dapati giliran itu kita ada satu hari lagi esok. Nampaknya perjalanan begitu lancar dan kalau sekiranya ada siapa-siapa yang ingin membuat apa-apa.

5.05 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab hari ini hari penghabisan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Izinkan saya memberi ucapan sepatah dua kata di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana masa ada Yang Berhormat Senator, saya mempersilakan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya boleh bercakap dan mewakili semua Ahli-ahli Dewan Negara bahawa kami amat kagum dengan perkhidmatan yang telah disumbang oleh Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara semenjak tahun 2010. Selaku peribadi, saya amat tertarik dengan sifat tegas tetapi adil Tuan Yang di-Pertua semasa mempengerusikan sesi Dewan Negara yang mulia ini. Peluang seluas-luasnya selalunya diberi kepada *both sides of the House*, dengan izin, sungguhpun kadangkala terpaksa terhad oleh sebab masa yang tidak mengizinkan.

Saya juga tertarik dengan semangat toleransi *and fair play* Tuan Yang di-Pertua semasa mempengerusikan Dewan *and yet will not stand for any nonsense*, dengan izin, yang telah menaikkan imej Dewan Negara sama ada semasa sesi soal jawab ataupun penggulungan oleh kementerian-kementerian, di mana Tuan Yang di-Pertua selalu mengingatkan kementerian-kementerian supaya membuat persediaan yang mencukupi apabila membuat penggulungan atau menjawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat kagum dengan penghormatan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin negara luar semasa lawatan Tuan Yang di-Pertua ke negara-negara luar sama ada di kawasan Asia, Eropah, Timur Tengah ataupun Benua Amerika. Tuan Yang di-Pertua bolehlah dianggapkan sebagai *role model* pemimpin yang boleh dicontohi dan dibanggakan oleh negara [*Tepuk*] Bagi pihak semua Ahli Dewan Negara, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua selama enam tahun semenjak tahun 2010. Saya sudah dengan ucapan pantun.

*Dari Kuala Pilah ke Dewan Negara,
Singgah di Seremban makan tengah hari,
Kami ucapan selamat bersara,
Jasa Tan Sri kami hargai.*

*Mulai dilantik tahun 2010,
Tamat perkhidmatan tahun 2016,
Dedikasi Yang Berhormat Tan Sri menjadi contoh,
Jasa dan sumbangan Tan Sri kepada agama, bangsa dan negara adalah
jelas.*

Sekian *walbillahi tawfiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Wassalamualaikum.* Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.09 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan dan saya juga sebagai Menteri yang menjaga hal ehwal Parlimen saya ingin merakamkan ucapan yang setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua yang begitu cemerlang dalam mengendalikan Dewan Negara sepanjang dua penggal ini. Seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua telah menggunakan pengalaman luas Tuan Yang di-Pertua untuk mengendalikan Dewan yang begitu mulia dengan adil dan penuh disiplin dalam setiap keputusan dan tindakan.

■1710

Tan Sri juga telah menunjukkan tahap profesionalisme yang begitu tinggi sehingga dihormati oleh semua pihak baik sebelah sini ataupun sebelah sana. Tuan Yang di-Pertua juga sangat dihormati oleh sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Dewan Rakyat juga bagi semua pihak kerajaan dan juga pihak bukan kerajaan.

Akhir sekali Tan Sri, bagi pihak kerajaan sekali lagi mendoakan Tan Sri sentiasa dalam keadaan sihat dan terus menyumbang idea dan pandangan meskipun dalam kapasiti yang berbeza. Dengan izin Tan Sri, *you may be leaving the office for present the Senate, but your legacy will remain in the Dewan Negara. Thank you Tuan Yang di-Pertua, congratulations [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Ada sesiapa lagi hendak berucap? Masa ada nampaknya, kita belum...

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *Assalamualaikum.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Tan Sri, pertamanya saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Tan Sri kerana Tan Sri kerana telah banyak, datang sekampung, walaupun sekampung datang, peraturan tetap peraturan. Inilah yang Tan Sri ajar kepada kita, kepada saya sendiri. Saya tak banyak Tan Sri, cuma saya hendak ungkapkan dalam bentuk pantun yang mana pantun ini memberi kesan yang mendalam.

*Kalau nan sedang bertatih, Tan Srilah yang memimpin;
Kalau nan sedang duduk, Tan Srilah yang menjemput;
Kalau nan sedang berbicara, Tan Srilah melentur kata;
Bak kata orang Negeri Sembilan,
Raja menobat dalam alam,
Pengkulu menobat di dalam luak;
Lembaga menobat di dalam lingkungan;
Ibu bapa menobat pada anak buahnya.*

Yang Berhormat Tan Sri menobat dalam teratak persaraan yang lebih besar jasanya.

*Kok tinggi gunung, tinggi lagilah hajat kami.
Kok dalam lautan, dalam lagi hasrat kami.
Kok pahit hempedu, pahit lagi kami yang kehilangan pemimpin yang dihormati.*

Sekian Tan Sri, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Tan Sri...

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa lagi? Oh, bagi peluang kepada kumpulan minoriti [*Ketawa*]

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Ini saya berdiri wakili kumpulan minoriti.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, sila.

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Cuma hendak ambil kesempatan ini bagi pihak kita semua ini hendak ucapkan selamat bersara. Selepas enam tahun, kita telah pun belajar banyak dari Tan Sri daripada segi tunjuk ajar yang diberi oleh Tan Sri. So, terima kasih, selamat bersara dan juga terima kasih pasal tak pernah hantar siapa-siapa pun keluar dari Dewan ini [*Ketawa*] Selamat bersara Tan Sri.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, silakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, saya Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan Ahli Parlimen Maran mewakili semua Timbalan-timbalan Menteri mengucapkan selamat bersara kepada Tan Sri dan sebenarnya oleh sebab ini mengikut peraturan yang ada dan kami merasakan satu kehilangan yang besar kepada persaraan Tan Sri di atas jasa yang telah Tan Sri berikan bukan sahaja kepada Dewan Negara bahkan kepada bangsa, agama dan juga negara kepimpinan tanah air.

Tan Sri seorang yang cukup *friendly*, cukup *approachable*, mudah didampingi, bukan sahaja dalam Dewan ini bahkan di luar Dewan. Saya bagi pihak Timbalan Menteri mendoakan Tan Sri sihat bersama Puan Sri dan kami doakan sekeluarga bahagia seterusnya dan *insya-Allah* kalau boleh, izinkan kami membuat apa juga rujukan jika perlu melalui pengalaman yang Tan Sri peroleh. Selamat bersara, maaf zahir batin daripada kami Timbalan-Timbalan Menteri. Terima kasih Tan Sri [*Tepuk*]

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ini sahabat lama saya ini. Silakan Tan Sri.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata dalam ucapan penghargaan sempena tamatnya perkhidmatan Tan Sri selama dua penggal sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya kenal Tan Sri memang lama. Pernah datang rumah ya? Pejabat dan juga di tempat-tempat yang lain dalam banyak majlis. Sebagai seorang sahabat, saya ucapkan tahniahlah atas pencapaian Yang Berhormat dalam banyak perkara. Saya baca buku ini, saya pun tertariklah... [*Menunjukkan buku berkaitan*]

Saya lihat ada pengalaman yang tinggi dalam kerajaan seperti pihak berkuasa kepada RISDA, pernah jadi *Chairman* ya. Jadi nampaknya Tan Sri memang ada pengalaman yang luas. Sejarah penubuhan RISDA juga Tan Sri terlibat juga sebagai Ahli Lembaga Pertubuhan Peladang, juga pernah jadi pengerusi. Bermakna bukan sahaja *lawyer* tetapi ia juga petani dan juga pernah terlibat dalam Dewan Negeri sebagai Ahli Dewan Negeri dipilih oleh di Negeri Sembilan pada tahun 1986 hingga tahun 1995.

Kemudian juga pernah menjadi Exco kerajaan negeri, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 1986 hingga tahun 1990. Juga pernah menjadi Ahli Parlimenlah, Kuala Pilah di Negeri Sembilan, 1995 hingga 1999. Kemudian, dapat pula jadi Ahli Dewan Negara tahun 2010 hingga tahun 2016 sebagai Speaker. Ini jawatan yang tertinggi dalam negara kita. Kalau PM datang pun, kena *address* Tan Sri dahulu [*Ketawa*] Saya difahamkan oleh kawan-kawan yang mengikuti lawatan Tan Sri keluar negara, banyak pengalaman. Cuma saya tak sempat mengikut rombongan Tan Sri dalam banyak lawatan yang telah pun dilakukan di luar negara.

Saya melihat dalam tempoh saya berada di sini, saya pun melihat Tan Sri mempunyai kemampuan untuk mentadbir Dewan ini dengan baiknya hingga ramai juga kawan-kawan kita di sebelah sana sokong kerajaan [*Ketawa*] Ini juga satu perubahan yang amat menarik. Sampai hari ini dekat Sarawak, mereka sudah bergaduh-gaduh Tan Sri, ini hari [*Ketawa*]

Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sarawak jauh sangat. / ingat lebih dekat, pergi Terengganu cukup. Terengganu pun dahsyat gaduh [*Ketawa*][*Tepuk*]

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Jadi, nampak Yang Berhormat boleh *neutralize* kan. Kadang-kadang kita ini, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah dulu, saya selalu mula-mula datang tengok beliau, macam dia *tension* sikit dengan kita. Ini jam sudah nampak sudah macam pula sama.

Jadi saya doakan mudah-mudahan banyak perpaduan dapat dilakukan dalam Dewan ini dan juga di peringkat negara kita inilah kerana di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya yakin negara kita akan terus bertambah maju lagi, dan hari ini petanda baiklah, kerana Dewan Negeri Sarawak sudah menang dua Kerusi. BN menang tanpa bertanding... [*Disampuk*] Sudah 12 dah? Sudah 12 dah, *alhamdulillah*. Ini petanda baik bahawa kita akan menang besar dan ini menunjukkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mendapat sokongan yang begitu baik sekali... [*Tepuk*] Begitu juga Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan yang ada pengalaman yang luas di peringkat kebangsaan.

Mudah-mudahan hubungan dalam negeri dan Kebangsaan akan terus bertambah erat lagi. Negara kita Malaysia mesti mempunyai hubungan yang kuat di antara negeri dan juga *Federal Government*. Kalau kita tak ada hubungan yang kuat, negara kita sudah tentulah menghadapi masalah seperti mana yang biasa kita lihat terutama Selangor dululah, selalu hendak lawan dengan Pulau Pinang. Mudah-mudahan dua-dua ini kena bagi samalah dalam Dewan ini terutama dalam isu air dan juga isu-isu yang lain.

Atas tugas Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya lihat telah membawa banyak pengalaman baru bagi mereka. Saya ini Tan Sri memang sudah ada di dalam Dewan ini sudah lama dulu termasuk juga di peringkat Parlimen, sudah duduk dulu. Sudah dapat melihatlah perbezaan di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Saya setuju apa yang disebut oleh Tan Sri bahawa Dewan kita ini bukan *rubber stamp*. Ini Dewan untuk mengesahkan *stamp* di Dewan Rakyat supaya Dewan kita ini merupakan Dewan yang tertinggi yang benar-benar boleh dihormati.

■1720

Saya lagi sekalilah ucapkan tahniah, dengan doa supaya Tuan Yang di-Pertua sihat, panjang umur dan dimudahkan rezeki. Saya, Tuan Yang di-Pertua, memang dengan Hassan Malek inilah orang yang rapatlah dulu. Tidak dapat dilupakan. Oleh sebab itu, saya lagi sekalilah mengucapkan selamat bersara dari Dewan Negara. Mudah-mudahan kita akan berjumpa lagi dan selamat terus maju jaya dalam apa-apa karier selanjutnya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Ada lagi? Ya, silakan. Akhir ya.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Bangun serentak.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk turut serta mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua selaku Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya mengikuti dua jamuan makan *farewell* untuk Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan di kedua-dua program tersebut, saya melihat bagaimana Tuan Yang di-Pertua dengan kawan-kawan Tuan Yang di-Pertua- yang menjadi contoh kepada saya bila saya melihat Tuan Yang di-Pertua melayan rakan-rakan Tuan Yang di-Pertua dan pada ketika itu juga saya teringat kepada arwah bapa saya, Tuan Yang di-Pertua. Ini cerita benar. Semalam lebih-lebih lagi saya duduk bersama-sama dengan bekas Setiausaha Sulit Kanan Tun Musa Hitam dan kami bersembang dan beliau menceritakan bagaimana Tuan Yang di-Pertua ini seorang yang begitu peduli kepada rakan-rakan dan beliau menceritakan sendiri bagaimana Tuan Yang di-Pertua memanggil beliau dua tiga kali untuk datang ke program semalam.

Saya secara peribadi, Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dua kali dapat bersama-sama Tuan Yang di-Pertua berkunjung ke luar negeri dan seperkara yang saya belajar daripada Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan masa. Saya tengok masa bagi Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tidak ada kompromi. Walaupun lewat lima minit, Tuan Yang di-Pertua sudah mula tarik muka. Kami pengikut-pengikut di bawah ini kadang-kadang bersembang, "*Cepat, sat gi jangan sampai Tan Sri turun.*" Begitulah kami. Bukan takut tapi menghormati Tuan Yang di-Pertua kerana masa itu bagi Tuan Yang di-Pertua adalah satu perkara yang tidak ada kompromi dan ini pengajaran yang cukup hebat bagi saya dan saya rasa kalaulah beginilah anak-anak muda dapat mengikut peranan yang dimainkan Tuan Yang di-Pertua atau membaca buku Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*, mereka akan menjadi manusia yang berjaya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Puan Sri. Tuan Yang di-Pertua mempunyai seorang isteri yang cukup baik, ibu, yang kami anggapkan ibu, semasa lawatan-lawatan kami. Tuan Yang di-Pertua, semalam bila ditunjuk *slide* gambar Tuan Yang di-Pertua semasa muda, syabas Tuan Yang di-Pertua, *you are a handsome man. Thank you Sir.* Tahniah, terima kasih banyak. Jangan lupa kami, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Last one*, akhir sekali, ya. Silakan Yang Berhormat Datuk Megat. Okey, teruskan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil masa yang cukup pendek sahaja mewakili generasi muda, sebab sewaktu saya mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara, saya berjawatan Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Gombak. Sewaktu itu, saya cukup risau sebagai Ahli Dewan yang paling muda di Dewan ini melihatkan... [*Disampuk*] Masa itu. Perhatikan ketegasan dan ketokohan Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat hari pertama mengangkat sumpah, hari kedua Tuan Yang di-Pertua telah minta berucap. Kenangan itu akan saya sematkan sepanjang hidup saya.

Tuan Yang di-Pertua pernah berkata kepada saya dengan izin, *if you want to be a leader, make sure you speak with facts and figure* dan kalau boleh jangan menggunakan teks ucapan. Itulah yang telah saya pelajari daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *I try to accommodate*, dengan izin, *try to prove that the young leaders* waktu itu boleh berbuat sesuatu di Dewan Negara ini. *If only*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita sudah berjaya atau golongan muda membuat sesuatu di Dewan Negara, *it is none* daripada orang lain yang telah mencipta sejarah itu ialah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada generasi muda untuk sama-sama mengambil bahagian dan bercakap di Dewan yang paling tinggi dalam negara ini.

Akhir kalam, tidak ada perkataan lain yang boleh saya sebutkan selain terima kasih dan berdoa ke hadrat Allah SWT agar Tuan Yang di-Pertua dan Puan Sri serta seluruh seisi keluarga akan senantiasa dirahmati oleh Allah SWT, diberikan kesihatan yang baik dan akan terus memberi dorongan kepada kami, *insya-Allah*, untuk berbuat baik kepada negara yang tercinta bagi menuju sebuah negara bangsa yang berjaya. Selamat bersara Tuan Yang di-Pertua. Allah merahmati perjuangan Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*, selepas ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, saya terpanggil untuk membenarkan Yang Berhormat berucap. Silakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan juga perkhidmatan yang begitu cemerlang. Saya masih ingat nasihat yang diberi kepada saya daripada Tuan Yang di-Pertua pada hari pertama saya dilantik sebagai Senator dan tunjuk ajar yang disampaikan oleh Tuan Yang di-Pertua akan dijadikan satu nasihat yang saya selalu ingat dan saya akan mempraktiskannya. Terima kasih, sekian. Selamat bersara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan. Kalau tidak bagi nanti Yang Berhormat Datuk Noriah marah pada saya.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Wakil wanita tidak ada yang bercakap, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ambil peluang sikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas Yang Berhormat Datuk Noriah, lepas itu Yang Berhormat Jaspal, lepas itu cukup ya.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil juga untuk bercakap pada petang ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya walaupun pada petang ini kita rasa begitu sedih sekali tapi nampak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua senyum saja, manis sekali saya tengok wajah Tuan Yang di-Pertua pada petang ini. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ikut cara Tuan Yang di-Pertua itu tidak dapat Tuan Yang di-Pertua kerana saya dulu waktu mak saya mengandungkan saya mungkin hendak anak jantan tapi keluar anak perempuan, jadi wajah saya memang tidak berapa hendak manis, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengulangi- saya yang lepas saya sudah bercakap tapi saya memang gemar untuk bercakap, lebih-lebih lagi berhadapan dengan Tuan Yang di-Pertua ini. Kita mengucapkan Tuan Yang di-Pertua selamat berpisah, selamat bersara dan selamat berbulan madu Tuan Yang di-Pertua dan kita doakan Tuan Yang di-Pertua bahagia. Pergi berbulan madu ini kalau Orang Putih dulu dia boleh lagi. Mungkin rezeki Allah bagi Tuan Yang di-Pertua, agaknya dapat anak satu lagi. Mungkin agaknya Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya doakan Tuan Yang di-Pertua sentiasa sihat walafiat. Rakan-rakan saya ini hendak cakap dia segan Tuan Yang di-Pertua, dia kirim salam semua dengan Tuan Yang di-Pertua dan kepada Tuan Yang di-Pertua...

*Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan
Intai kami antara nampak
Esok jangan rindu-rinduan.*

*Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan
Sungguh jauh beribu-ribu batu,
Hilang di mata di hati jangan.*

Kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta ampun, minta maaf banyak-banyak kalau ada silap dan salah sepanjang kita berada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan ini. Semoga berehat Tuan Yang di-Pertua itu rehat yang segar dan rehat yang sihat segala-galanya.

Saya doakan Tuan Yang di-Pertua supaya terus maju ke hadapan walaupun meniti usia itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan saya juga akan menyusul selepas Tuan Yang di-Pertua untuk bersara selepas ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Last one*, cukup ya. Yang Berhormat Jaspal, silakan Yang Berhormat Jaspal.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebab bagi peluang, ada peluang sekarang untuk MIC bercakap sedikit. Saya memang hendak bagi ucapan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan hendak ucapkan tahniahlah- *congratulation* kerana saya lihat dalam enam tahun ini, Tuan Yang di-Pertua *has done fantastic job, wonderful job*, bukan sahaja sebagai Speaker Dewan Negara tapi juga memberi banyak *guidance* dan dorongan kepada kita.

■1730

Satu *characteristic* yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua *which to me was very important*, Tuan Yang di-Pertua memang ada masa. Tan Sri memang ada masa, Tan Sri memang ada masa untuk kita. Apabila apa-apa sahaja kita hendak *discuss* semasa Dewan kah ataupun semasa Dewan tidak bersidang, apabila kita datang ke pejabat Tan Sri, selalu Tan Sri memberi keutamaan kepada Senator. *You always have time for us. I think*, untuk itu- *I appreciate it very much*. Jadi *from the bottom of my heart* daripada kita ini, *I wish you a good retirement. You and Puan Sri good health* dan saya harap kita dapat berjumpa *and our friendship remains forever*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru sahaja berucap sebentar tadi saya dapati telah memberi pujian kepada saya. Sebenarnya saya menerima dengan semangat keterbukaan sebagai seorang insan. Sebagai seorang insan, ada permulaan dan juga ada akhirnya. Itulah menjadi lumrah alam. Saya berasa amat terharu apabila pada saat-saat akhir ini apabila semua Ahli Yang Berhormat telah berucap dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said mewakili kerajaan, saya berasa amat bersyukur kepada Allah.

Pertama sekali ke hingga hari ini saya mempunyai kesihatan yang boleh saya terus mengendalikan Dewan dengan sempurna. Di samping itu semua Ahli Yang Berhormat kepada saya yang penting ialah negara bangsa. Negara Malaysia yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan dan kalau kita lihat sejarah kita semenjak kita mencapai kemerdekaan 57 tahun yang lampau, negara kita telah begitu berjaya.

Pertama sekali saya percaya semua Ahli Yang Berhormat faham, apabila kita hendak memperjuangkan menolak hasrat British hendak mewujudkan *Malayan Union*, bersatu padunya rakyat khususnya orang Melayu, maka dapat kita berjaya mempertahankan maruah bangsa. Mesej yang saya bangkit itu, *"Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh"* dan setelah mencapai kemerdekaan selama 58 tahun, yang telah diterajui oleh enam orang Perdana Menteri. Secara kebetulan saya telah dapat berkhidmat secara langsung ataupun tidak langsung daripada mula Allahyarham Tunku Abdul Rahman sampailah ke Perdana Menteri yang ada sekarang.

Saya banyak mendapat pengalaman juga daripada semangat kepimpinan Allahyarham Perdana Menteri yang kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak terutama sekali apabila kita mengalami satu sejarah hitam iaitu peristiwa berdarah 13 Mei dan di situlah mulanya saya rapat dengan kebetulan dengan Tun Haniff dan Tun Haniff ketika itu telah dilantik oleh Tun Razak sebagai salah seorang pegawai yang mewakili polis dalam MAGERAN.

Yang Berhormat semua saya sebagai pegawai muda ketika itu, saya nampak semangat, jiwa murni, ketelusan Allahyarham Tun Razak untuk membina negara bangsa. Sungguhpun MAGERAN berjalan selama tiga bulan, tetapi telah berjaya mengembalikan semula pentadbiran Parlimen, kerana Parlimen telah *suspended* selama tiga bulan dan selepas itu dapat kita kekalkan amankan negara dapat balik Sistem Berparlimen. Dalam konteks ini semua Ahli Yang Berhormat, saya terpanggil betapa pentingnya negara kita negara majmuk, berbilang bangsa berbilang kaum, agama dan sebagainya perlu bersikap toleransi dan Perlembagaan kita pun ada memperuntukkan beberapa undang-undang dan dalam Perlembagaan untuk menjaga perpaduan di negara kita.

Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat iaitu Akta Hasutan. Akta Hasutan kalau lihat telah termaktub mulai 1948. Bermakna semasa penjajahan British pun telah tercipta undang-undang tersebut melihat keadaan geopolitik negara ini yang mengandungi pelbagai kaum, pelbagai bangsa, keturunan dan sebagainya perlu ada semangat toleransi. Itulah menjadi kunci kepada kepentingan, keamanan dan keselamatan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas peristiwa 13 Mei itulah yang menyebabkan saya terpanggil hanya dengan berbekalkan *School, Senior Cambridge* ketika itu, saya terpanggil untuk menambah ilmu dan pada mula itulah saya bergerak segala usaha untuk dapat *Under High School Certificate* itu secara *private* dan dapat diterima masuk kepada *Four Inns of Court di London*. Di sini saya berazam kalau saya pergi, saya tidak lulus saya tidak balik. Berkat Allah SWT ketekunan saya, bawa isteri, bawa anak pergi jadi mahasiswa kalau berbanding dengan anak-anak muda yang melanjutkan pelajaran. Yang pergi itu dengan hasrat saya tidak mahu melihat lagi berlaku semulanya peristiwa pergaduhan kaum di negara kita. Itu yang menjadi soal kepentingan jiwa saya.

Apabila saya balik, teringat juga satu peristiwa yang amat penting iaitu kalau Yang Berhormat baca *Hansard*, salah seorang Ahli Parlimen dari Sabah Mendiang Datuk Mark Koding dan ketika itu beliau berucap di Dewan yang mulia menyatakan, "*Saya masih tidak lupa perkara ini*".

"*Tuan Yang di-Pertua, sampailah masanya saya mencadangkan supaya hapuskan sekolah Cina dan sekolah India*". Perkataan itu telah dibuat laporan polis oleh Yang Berhormat Chan Teck Chan wakil DAP di Balai Polis Sentul. Saya semasa itu duduk di Bukit Aman setelah lulus undang-undang, telah diarahkan menjadi *investigating officer*, pegawai penyiasat. Ringkasnya cerita Mark Koding telah didakwa, dituduh mengeluarkan kata-kata yang berunsur "menghasut" mengikut Akta Hasutan. Mengikut proses undang-undang dan *senior* pada daripada *councilnya* sebagainya maka telah dituduh, dia punya hakim ialah Allahyarham Tan Sri Azmi Kamaruddin dan pendakwanya Tan Sri Lamin Yunus, pembelanya tidak lain tidak bukan Marina Yusoff.

Saya masih menjadi *investigation officer* nombor satu, dan dalam perkara ini itu menunjukkan proses undang-undang tidak kira siapa. Maka mengikut undang-undang itu maka Mark Koding akhirnya didapati bersalah. Dalam konteks ini saya hendak juruskan kepada Dewan ini, walaupun menjadi Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan negara, tidak sebeb-bebasnya Yang Berhormat semua boleh bercakap sembarangan sahaja kerana kes macam Mark Koding itulah dianggap menghasut.

What is the decision made, dengan izin, *what is seditious tendency that is important*. Maknanya kalau percakapan itu boleh menjurus berlakunya perasaan benci, kegelisahan perkauman, menimbulkan kemarahan di kalangan masyarakat kita, itu dianggap menghasut. Saya membangkitkan perkara ini, kebelakangan ini saya mendapati, saya pernah jadi Ahli Parlimen satu ketika dahulu semasa arwah Tun Zahir menjadi Tuan Yang di-Pertua. Masa itu tidak ada masalah menghormati Dewan. Saya masih ingat Yang Berhormat Husni, Yang Berhormat Lim Kit Siang, Yang Berhormat Lim Guang Eng, dengan Mendiang Karpal Singh, ramai. Akan tetapi apabila ditegur, dia hormati, tetapi kenapa sekarang tidak begitu? Ini saya persoalkan. Saya mendapati semenjak tahun 2008, ini bergantung kepada geopolitik semasa dan apabila di Dewan Rakyat tidak ada lagi majoriti 2/3. Di sini saya bukan menyatakan pihak pembangkang itu tidak baik.

■1740

Pembangkang itu kita perlukan tetapi kita perlukan pembangkang yang sihat, yang membina. Itu yang kita mahu. Kita tidak mahu hanya satu aliran sahaja, *one-track mind*, dengan izin, dan kita mahu pembangkang yang membina demi untuk negara bangsa.

Akan tetapi saya hairan masa kebelakangan ini. Tidak berlaku di Dewan Negara, saya bersyukur sangat-sangat Ahli Yang Berhormat semua. Maklumlah kita ini tiga tahun sekali bertukar, masa terlalu pendek. Dalam konteks ini saya pun baca buku, justeru saya mencadangkan supaya masa Dewan Negara itu kalau boleh dilanjutkan sedikit. Ini kerana kalau tiga tahun, tahun pertama baru hendak belajar, tahun kedua baru hendak berucap, tahun ketiga sudah habis.

Jadi tidak dapat kita menyumbangkan dan ini semua tidak boleh dilakukan sekarang kerana Perlembagaan mengatakan hendak meminda Perlembagaan, mesti ada dua per tiga- majoriti di Dewan Rakyat. Inilah masalah yang kita hadapi, dilema yang kita hadapi. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah bercakap dengan saya, dia juga mempunyai satu hasrat kalau boleh ditambah lagi bilangan Senator dan juga masa itu dilanjutkan sedikit. Maknanya Perdana Menteri kita pun sedar perkara ini. Akan tetapi walaupun sedar, daripada segi pelaksanaan tidak boleh dilakukan kerana kedudukan kita di Dewan Rakyat. Itulah pentingnya *significant*, pentingnya apabila diperlukan dua per tiga dalam kekuatan di satu-satu negara.

Ahli Yang Berhormat semua, saya amat menghormati dan mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Saya tidak akan berjaya melaksanakan tugas saya tanpa ada kerjasama dari semua Yang Berhormat. Atas keprihatinan Yang Berhormat semua, membolehkan saya menjalankan tanggungjawab secara lebih baik lagi. Dalam hal ini, apabila pergi ke luar negara pun begitu. Tadi sudah disebut. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, apabila kita mewakili negara Malaysia pergi ke luar negara, nombor satu, jaga imej negara kita. Apabila kita menghadiri persidangan di mana-mana pun, imej negara kita memang dilihat begitu, ada yang tinggi sekali. Akan tetapi kalau kita berucap di antarabangsa, agaknya keadaannya tidak begitu lancar dan fasih, malulah kita. *This is my very frank observation.*

Juga apabila pergi ke luar negara bermakna ada persidangan, jangan ambil kesempatan hendak pergi melancong dan tidak duduk dalam Dewan. Ini pengalaman sendiri. Tanya Yang Berhormat Husni itu, agaknya pernah dengan saya di Parlimen dahulu. Di sini mesti kita mempunyai semangat kesetiaan kepada negara dan imej negara kita perlu jaga. Kalau tidak, apa lagi, orang lain- kalau persidangan Dewan contohnya, Malaysia ada di situ. Akan tetapi kalau kosong sahaja, tidak eloklah nampaknya.

Seterusnya Yang Berhormat, saya rasa amat bersyukur kepada Allah dan disiplin yang saya dapat peroleh semasa saya berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia memberi satu pedoman hidup kepada saya dan juga tadi ada yang menyebut *constraint of punctuality*, memang betul. Orang tua-tua pun berkata, masa itu emas. Maknanya satu minit pun dia tidak berulang. *The clock will keep on going forward and the wheel keeps on turning, it will never stop. So we have got to really value masa yang kita apakan.*

Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan, saya pun manusia biasa, saya bukan malaikat. Saya pun kadangkala agaknya mungkin terlanjur kata, terkasar bahasa, saya menyusun jari sepuluh memohon ribuan ampun dan maaf. Apabila hadir hari itu dalam majlis bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berasa amat terharu dan saya akan- Maknanya saya bukan, saya menghargai budi baik orang. Beliau melantik saya, siapalah saya.

Saya tidak sangka menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Setelah dilantik, saya pegangkan amanah yang diberi kepada saya dengan penuh kesetiaan dan kesetiaan itu amat penting dalam sesuatu kerajaan. Saya juga dengan terus terang menyatakan saya mendoakan semoga keadaan, suasana politik negara kita amat menyedihkan saya, merisaukan saya. Saya berdoa kepada Allah SWT supaya keadaan ini dapat diamankan. Daripada segi proses undang-undangnya saya hendak menyatakan, *the law have got to take its course*, dengan izin. *Nobody is above the law*, dengan izin dan saya juga ingin menyatakan bahawa sebelum seseorang itu didapati, dikatakan bersalah, dia perlu dibuktikan bersalah di mahkamah yang berkenaan. Sekarang ini saya berharap sungguh-sungguh lah dan saya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Berkenaan Rasuah. Jangan tuduh seseorang itu sesuatu kalau sekiranya tidak cukup bukti dan sebagainya.

Di peringkat antarabangsa, saya mewakili GOPAC di luar negara. Depan masyarakat atau delegasi di seluruh negara, saya bercakap dengan lantang menyatakan bahawa nampaknya tuduhan orang itu di antarabangsa pun nampak dia tidak fikir. Akan tetapi jangan pula ada orang kita yang cuba menjadi penderhaka kepada bangsa, mengeluarkan tohmahan-tohmahan yang bukan-bukan.

Maka ini amat saya berasa dukacita dan saya harap dan berdoa semoga kalau sekiranya ada pemimpin-pemimpin di kalangan kita berasa silap di hujung jalan, balik semula ke pangkal jalan untuk kebaikan negara bangsa. Saya menjangkau 72 tahun, umur Nabi Muhammad SAW, 63 tahun sahaja. Bermakna *it is on bonus* waktu sekarang ini. Saya menganggap diri saya dari waktu ke waktu, mungkin saya akan menemui Allah SWT. Apalah dunia hari ini, agaknya sementara sahaja. *We pass through this world only once and then why not make the best when you are within this, what you can do for the country and the people that you are serving.*

Saya juga hendak menarik perhatian Yang Berhormat semua, semasa saya pergi ke *World Speakers Conference* di New York, di sini dalam tempoh empat minit, kerana terlalu ramai hendak berucap *from all over the world, having about 200 Speakers, so we were given* hanya empat minit. Dalam tempoh empat minit itu, saya dengan Tan Sri Pandikar bercakap empat minit, saya pun empat minit. Dalam tempoh empat minit, dua perkara saya tonjolkan.

Satu, *the true what is good about democracy, what is bad about democracy. Democracy is not that perfect*, dengan izin. Tinggal lagi *how you manage democracy*. Kita lihat sekarang ini negara China semasa pemerintahan Mao Tse-Tung, negara China tidak maju. Dalam tempoh 36 tahun perubahan dibuat sungguhpun di bawah pemerintahan *Chinese Communist Party of China* (CCPC), negara China telah membangun. Hebat. Apabila saya berjumpa dengan *leademya*, apa kuncinya membuatkan negara China maju. Jawapannya dia kata kita sudah mengalami suasana perit dahulu iaitu kita perlukan *peace*. Maknanya keamanan. Bila ada keamanan, barulah kita boleh maju. Samalah macam kita ini.

Kalau tidak ada keamanan dalam negara, bagaimanakah kita hendak maju? Kalau cara kita bercakaran, mengamuk, bagaimana negara kita hendak maju. Orang luar tidak akan melabur ke negara kita. Ini contoh-contoh yang saya fikir amat perlu sama kita fikirkan, lebih-lebih lagi Yang Berhormat semua adalah terbilang kepada kumpulan yang dianggap cemerlang, mewakili 30 *million* di negara kita. Di sinilah tempatnya Yang Berhormat menyumbangkan idea-idea yang bernas, membangun untuk kepentingan negara bangsa kita.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, setakat ini sahajalah. Saya ambil sekali lagi peluang ini menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf andainya terlanjur kata, terkasar bahasa dalam selama enam tahun saya mempengerusikan Dewan ini, saya memohon ampun dan maaf. Saya juga mendoakan semua Ahli Yang Berhormat akan terus maju jaya apabila pengganti saya mengambil alih. Tidak kira siapalah dan kita tahu sekarang, kita tahu bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua dan Datuk S. Vigneswaran esok akan angkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Kepada Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran, *I wish you all the best [Tepuk] I hope-* saya berharap semoga Yang Berhormat dengan kerjasama semua Ahli Dewan Negara, menolong mempertingkatkan lagi tahap Dewan Negara lebih tinggi lagi. Saya harap ini boleh dilakukan apabila ada kerjasama dengan semua pihak. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan kita tangguhkan Mesyuarat kita pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.]